

Bil. 4

**Rabu
20 April 2016**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGAL KEEMPAT
MESYUARAT PERTAMA**

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL:	
Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong - <i>YB Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman</i>	(Halaman 21)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Sri Doris Sophia Brodie.
3. “ Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad
4. “ Datuk Abdullah bin Mat Yassim
5. “ Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman
6. “ Dato' Abdul Rahman bin Mat Yasin (Terengganu)
7. “ Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan (Perlis)
8. “ Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar – Senator
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
9. “ Dato' Adam bin Abdul Hamid (Johor)
10. “ Dr. Ariffin bin S.M. Omar (Pulau Pinang)
11. “ Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki – Senator
- *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
12. “ Puan Hajah Azizah binti Haji Harun
13. “ Puan Bathmavathi A/P K.Krishnan
14. “ Dato' Boon Som A/L Inong
15. “ Dato' Chai Kim Sen
16. “ Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah (Selangor)
17. “ Datin Paduka Chew Mei Fun – Senator
- *Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*
18. “ Tuan Chia Song Cheng (Johor)
19. “ Datuk Chin Su Phin
20. “ Tuan Chong Sin Woon – Senator (Negeri Sembilan)
- *Timbalan Menteri Pendidikan*
21. “ Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
22. “ Y.M. Engku Naimah binti Engku Taib (Terengganu)
23. “ Dato' Goonasakaren A/L Raman
24. “ Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim (Perak)
25. “ Dato' Hoh Khai Mun (Pahang)
26. “ Dato' Dr. Hou Kok Chung
27. “ Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah
28. “ Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman
29. “ Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh
30. “ Dato' Dr. Johari bin Mat (Kelantan)
31. “ Datuk Kadzim bin Haji M. Yahya (Sabah)
32. “ Puan Hajah Khairiah binti Mohamed (Kelantan)

33. Yang Berhormat Dato' Khairudin bin Samad
34. " Datuk Koh Chin Han (Melaka)
35. " Dato' Lee Chee Leong – Senator (Perak)
- *Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri*
36. " Datuk Lihan Jok (Sarawak)
37. " Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan – Senator
- *Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan*
38. " Datuk Dr. Lucas bin Umbul (Sabah)
39. " Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit
40. " Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin
41. " Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam (Melaka)
42. " Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B)
43. " Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty (Selangor)
44. " Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif (Negeri Sembilan)
45. " Datuk Seri Panglima Dr. Mohd. Salleh bin Tun Said Keruak – Senator
- *Menteri Komunikasi dan Multimedia*
46. " Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah (Kedah)
47. " Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai
48. " Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin
49. " Puan Hajjah Norahan binti Abu Bakar (Pahang)
50. " Datuk Hajah Noriah binti Mahat
51. " Datuk Norliza binti Abdul Rahim
52. " Datuk Paul Low Seng Kuan – Senator
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
53. " Datin Rahimah binti Haji Mahamad
54. " Tuan Ramli bin Shariff (Perlis)
55. " Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal
56. " Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee
57. " Puan Shanim binti Mohamad Yusoff (Kedah)
58. " Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian
59. " Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail (Pulau Pinang)
60. " Datuk Subramaniam A/L Veruthasalam
61. " Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader
62. " Tuan Wilfred Yong Chen Leong
63. " Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas
64. " Datuk Yoo Wei How
65. " Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus (Wilayah Persekutuan Labuan)
66. " Datuk Zali bin Mat Yasin

DEWAN NEGARA

Ketua Pentadbir Parlimen
Datuk Awang Alik bin Jeman

Setiausaha Dewan Negara
Encik Riduan bin Rahmat

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Monarita binti Mohd Hassan
Azhari bin Hamzah
Rosna binti Bujairomi
Noraidah binti Manaf
Nor Hamizah binti Haji Hassan
Siti Norlina binti Ahmad

Suriyani binti Mohd. Noh
Yoogeswari A/P Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Mulyati binti Kamarudin
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli
Sherliza Maya binti Talkah
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Azmir bin Mohd Salleh
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Syahila binti Ab Mohd Khalid
Ismalinda binti Ismail
Hazliana binti Yahaya
Amir Arshad bin Ab Samad
Sharifah Raabiatul Adawiyah binti Syed Mohamed
Nik Nor Nazrin binti Nik Ab Rahman
Nurul Fadhillah binti Ibharim
Hizamihatim Maggiha bin Juara

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT PERTAMA

Rabu, 20 April 2016

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat pagi kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang, tanpa membuang masa saya persilakan pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan yang pertama Datuk Seri Boon Som A/L Inong. Dipersilakan.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Datuk Seri Boon Som A/L Inong minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan:

- (a) jumlah akses kepada internet di negara ini dalam tempoh lima tahun lalu serta bilangan rakyat Malaysia yang memiliki akaun media sosial seperti *Facebook, WhatsApp, Telegram* dan *Instagram*; dan
- (b) jumlah pemilik akaun media sosial yang didapati bersalah menyalahgunakan media sosial mereka untuk pelbagai tujuan.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Jailani bin Johari]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Seri Boon yang menanyakan soalan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon keizinan untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan 8 lagi pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin bin Samad; dan Yang Berhormat Datuk Seri Nalla yang bertarikh pada hari ini, yang sama 20 April.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin bertarikh 21 April; Yang Berhormat Senator Dato' Hoh Khai Mun; dan Yang Berhormat Senator Datuk S. Vigneswaran yang bertarikh pada 27 April.

Yang Berhormat Senator Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader bertarikh pada 3 Mei; Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yassim; dan Yang Berhormat Senator Tuan Chia yang bertarikh pada 4 Mei 2016 kerana menyentuh perkara yang sama iaitu berkenaan dengan penyalahgunaan media sosial.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga bulan Mac 2016, kadar penembusan jalur lebar di Malaysia telah mencapai 72.5 peratus dan bilangan rakyat Malaysia yang memiliki akaun media sosial dianggarkan seramai 20.62 juta orang pengguna setakat pada bulan Januari 2016.

Dari tahun 2010 hingga Mac 2016, sebanyak 22 orang individu atau pun pemilik akaun media sosial, laman sesawang dan blog yang telah didakwa kerana didapati bersalah menyalahgunakan media baru untuk pelbagai tujuan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga sebarang kesalahan yang dilakukan menggunakan platform internet termasuklah penyebaran fitnah atau pun berita palsu di media sosial adalah tertakluk kepada undang-undang sedia ada seperti Akta Fitnah 1957, Akta Hasutan 1948 dan Kanun Keseksaan Akta 574 selain daripada Akta Komunikasi dan Multimedia.

Kuasa untuk menjalankan siasatan dan juga kuasa mendakwa di mahkamah adalah terletak di bawah dua buah organisasi yang berbeza. Jadi, bagi memperkukuhkan mekanisme kawal selia internet dan juga media baru, pihak kerajaan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Khas membanteras penyalahgunaan media sosial yang diterajui oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia serta turut dianggotai oleh pihak Polis Diraja Malaysia, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia juga dan juga Jabatan Peguam Negara.

Jawatankuasa ini turut berperanan memperkukuhkan koordinasi dan jalinan kerjasama antara agensi bagi memantau dan membanteras isu-isu berkaitan dengan penyalahgunaan internet dan juga media baru. Di samping itu, pasukan penguatkuasaan SKMM terdiri daripada pelbagai bangsa yang telah terlatih dan mahir berkomunikasi.

Untuk makluman Dewan yang mulia, bagi tahun 2016 sehingga akhir bulan Mac tahun ini pihak SKMM telah menyiasat sebanyak 32 kes penyalahgunaan internet dan media baru di bawah seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Pada masa yang sama, para pengguna media sosial disarankan untuk mengamalkan kawal selia sendiri atau *self-regulatory*, agar kemudahan internet dapat digunakan secara positif dan juga bertanggungjawab.

Selain daripada itu, sebagai inisiatif jangka panjang pihak kerajaan sedang melaksanakan pindaan Akta Komunikasi dan Multimedia serta Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia bagi menambah baik rangka kawal selia dan penguatkuasaan sedia ada. Ini bertujuan untuk memperkukuh peruntukan dalam akta termasuk mengambil kira teknologi terkini dan persekitaran yang sudah berubah sepanjang tempoh 18 tahun yang lalu kerana akta ini bermula pada tahun 1998. Jadi, kita akan buat pindaan.

Untuk makluman Dewan yang mulia, tindakan negara China menyekat media sosial antarabangsa adalah berdasarkan kepada pertimbangan dalaman Kerajaan China. Ini termasuklah bagi mempromosikan dan menggalakkan penggunaan aplikasi media sosial yang dibangunkan ia sendiri kerana jumlah populasi di negara China adalah amat besar. Negara China turut mempunyai beberapa aplikasi alternatif berbahasa Cina yang menyamai fungsi seperti *Facebook*. Antaranya ialah *Renren* dan juga *Sina Weibo* dan antara aplikasi alternatif berbangsa China yang menyamai fungsi seperti *Google* ialah *Baidu*.

Setakat ini pihak kerajaan tidak berhasrat untuk menyekat mana-mana laman media sosial antarabangsa seperti *Facebook* serta kemudahan platform, *Telegram*, *Whatsapp* dan lain-lain kerana rakyat Malaysia secara umumnya menggunakan kemudahan ini secara berhemah untuk berkomunikasi termasuk aktiviti keusahawanan dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Boon Som A/L Inong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana menjawab jawapan dengan penuh informasi dan padat. Soalan tambahan saya, apakah langkah-langkah yang dilakukan oleh kementerian terutama Jabatan Penerangan bagi mendidik masyarakat khususnya generasi 'Y' atau generasi muda menggunakan media sosial dengan tujuan yang berfaedah? Adakah kementerian bercadang merombak Jabatan Penerangan sendiri yang masih lagi menggunakan kaedah komunikasi secara *tradition* yang tidak lagi relevan dengan ledakan media sosial ini terutama dalam digital. *Thank you*.

■1010

Dato' Jailani bin Johari: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Dewan yang mulia, selain daripada pendekatan *face to face* ataupun bersemuka dan juga pendekatan secara *social media*, Jabatan Penerangan menggunakan strategi, dengan izin, *advocate*, *defend* dan juga *attack* dalam mengurus isu penyalahgunaan internet. Pihak Jabatan Penerangan memberikan latihan yang khusus kepada pegawai-pegawai penerangan dan juga pegawai perhubungan am dalam pengendalian media sosial dan pengurusan isu bagi meningkatkan kemahiran mereka.

Dalam membantu terutamanya isu-isu keganasan persepsi ataupun *terrorism perception* yang sering dinyatakan, pihak Jabatan Penerangan menjalinkan hubungan yang erat antara pihak kementerian dengan pihak polis untuk memberikan maklumat yang tepat bagi membentuk persepsi masyarakat terhadap isu-isu semasa khususnya berkaitan dengan keselamatan negara. Antara program yang telah dilaksanakan oleh pihak Jabatan Penerangan (JPEN) ialah Program Taklimat Isu Semasa peringkat kebangsaan. Kita telah laksanakan sebanyak tiga kali dan peringkat negeri sebanyak 60 kali.

Kedua, kita melaksanakan program *engagement* dengan *Gen Y* di seluruh negara dan juga Diskusi Demokrasi Berparlimen. Jadi antara *focus group* yang kita laksanakan ialah dengan pegawai-pegawai kerajaan, pemimpin masyarakat dan juga rakan strategik JPEN.

Selain daripada itu, telah ditubuhkan satu Jawatankuasa yang dinamakan, "Jawatankuasa Penyelaras Tindakan Komunikasi Antara Jabatan". Antara pihak kementerian dan juga kementerian-kementerian berkaitan. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan tindakan pihak Kementerian Komunikasi dan Multimedia kebelakangan ini agak *slow* terutama atas provokasi-provokasi yang dibuat oleh individu ataupun kumpulan-kumpulan tertentu yang menggunakan isu-isu perkauman ataupun agama. Maka kita tidak hairan ada banyak kes seumpama ini berlaku.

Persoalan saya, apa tindakan-tindakan yang telah diambil seperti yang dilakukan seperti Alvin Tan dan lain-lain. Itu yang pertama. Kedua, jumlah tindakan-tindakan yang telah diambil ke atas mereka ini. Terima kasih.

Dato' Jailani bin Johari: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Tan Sri. Seperti yang saya maklumkan tadi, daripada segi kadar statistik, jelas bahawa sebenarnya apabila kita bercakap tentang internet, sering kali kita bercakap berkaitan dengan penyalahgunaan *social media* dan sebenarnya pada masa yang sama, kalau kita lihat daripada segi kebaikan internetnya, ada positif aspeknya seperti program seperti eRezeki, eUsahawan dan sebagainya yang dilaksanakan di bawah program kementerian ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berkaitan dengan tindakan yang diambil oleh pihak SKMM daripada segi rasis dan sebagainya, memang kita telah melaksanakan pelbagai program seperti yang saya diumumkan berkaitan dengan jawatankuasa yang telah diwujudkan di pihak kementerian dan juga kementerian-kementerian yang lain. Jadi berkaitan dengan jumlah seperti yang saya umumkan. Satu lagi persoalan yang Yang Berhormat tanyakan tadi?

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Berkenaan dengan contohnya Alvin Tan.

Dato' Jailani bin Johari: Alvin Tan. Minta maaf. Okey, sebenarnya kes Alvin Tan ini dia melibatkan dua *figure*. Kita bekerjasama dengan pihak PDRM dan kita telah menjalankan siasatan. Seperti yang saya umumkan tadi, apabila tindakan siasatan dan tindakan perundangan adalah berbeza. Apabila kes itu dilaporkan kepada pihak SKMM, pegawai penyiasat di dalam SKMM, kita akan memberi bantuan daripada segi teknikal. Teknikal di mana kita akan memberi khidmat teknikal daripada segi *advisory* dan siasatan dan kita akan serahkan kepada pihak polis.

Jadi dalam hal itu, pihak polis telah membawa proses tersebut ke mahkamah di bawah peruntukan-peruntukan seperti yang saya nyatakan tadi. Akta Fitnah pun ada, Akta Kanun Keseksaan dan tidak semestinya di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia. Jadi apabila perkara tersebut dibawa ke mahkamah, terpulang kepada pihak mahkamah daripada segi keputusannya. Saya difahamkan untuk kes yang satu lagi- itu contoh untuk kes Alvin untuk makluman Ahli Yang Berhormat.

Baru-baru ini, ada satu persoalan ditimbulkan oleh Datuk S. Vigneswaran berkaitan dengan pemalsuan muka depan majalah *Time* yang mana kes yang bercorak sama iaitu yang dibawa oleh Yang Berhormat Tuan R. Sivarasa. Perkara ini juga telah kita bawa kepada mahkamah di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia di bawah seksyen 233 dan perkara ini apabila beliau dihadapkan ke mahkamah, beliau mengaku tidak bersalah dan perkara ini sedang akan disebut untuk pengurusan kes ataupun dengan izin, *mention* pada 27 hari bulan Mei.

Jadi maknanya sebarang kes-kes yang dilaporkan kepada pihak kementerian melalui SKMM, kita akan mengambil tindakan siasatan. Daripada segi bilangannya seperti yang saya maklumkan tadi. Jadi apabila hasil siasatan tersebut telah diselesaikan, kita akan menyerahkan kepada pihak pendakwa raya. Jadi terpulanglah kepada pihak pendakwa raya sama ada peruntukkan di bawah Akta Fitnah, Kanun Keseksaan ataupun Akta Komunikasi dan Multimedia untuk diambil tindakan penguatkuasaan.

Untuk kes yang saya sebut tadi, Yang Berhormat Tuan R. Sivarasa dan ada beberapa kes lain, kita ambil di bawah seksyen 233 dan sekarang kita tengah menunggu daripada segi keputusan yang akan dibuat ataupun penerangan di bawah Mahkamah Sesyen kebanyakannya. Sekian, terima kasih.

2. Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahim bin Abdul Rahman minta Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan, adakah kajian yang terperinci dibuat berkaitan pasaran pekerjaan sebagai rujukan kepada IPTS dan IPTA dalam menawarkan kursus-kursus yang relevan mengikut keadaan semasa, memandangkan kadar pengangguran di kalangan siswazah semakin meningkat.

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahim bin Abdul Rahman atas soalan yang berkaitan dengan kajian pasaran pekerjaan IPTS dan IPTA.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah mewajibkan setiap universiti menjalankan kajian pasaran guna tenaga bagi menawarkan program akademik baru menerusi pelaksanaan soal selidik terhadap bakal pelajar dan pihak industri sebelum sesuatu program itu diluluskan. Ini merangkumi peluang pekerjaan di sektor awam dan swasta mengikut permintaan dalam pasaran semasa dan prospek jangka panjang.

Program akademik yang dijalankan perlu mempunyai libat sama dengan pihak industri dan universiti perlu mendapatkan laporan program daripada pihak industri tempatan dan antarabangsa. Selain itu, pelaksanaan penilaian semula kurikulum pengajian setiap lima tahun dengan mengambil kira ulasan oleh penasihat akademik, penilai luar, input dari industri dan persekitaran secara global turut dilaksanakan bagi memastikan kurikulum program pengajian seiring dengan perkembangan terkini.

Kementerian Pendidikan Tinggi juga telah menjadikan proses kajian keperluan program baru sebagai prosedur operasi standard (SOP) sebelum sesuatu program baru diperkenalkan. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keperluan program bagi menggubal kurikulum, kaedah penyampaian dan penaksiran yang bersesuaian supaya menepati keperluan pasaran kerja.

Antara kajian yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi melalui geran penyelidikan kepada universiti awam ialah kajian penilaian program-program IPTA yang berkaitan dengan keberkesanan dan kerelevanan daripada aspek permintaan dan penawaran yang menumpu kepada lima kluster iaitu kluster teknologi maklumat dan komunikasi, kluster pendidikan, kluster teknikal, kluster sains dan kluster sastera dan sains sosial di peringkat diploma dan ijazah pertama pada tahun 2013.

Kementerian Pendidikan Tinggi juga bekerjasama dengan pihak Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri dalam kajian terperinci antara keperluan dan pengeluaran graduan *Technical Vocational Education and Training* (TVET) dalam 19 subsektor pekerjaan yang merentasi enam buah koridor pembangunan di negara ini iaitu Wilayah Pembangunan Iskandar, Wilayah Pembangunan Ekonomi Koridor Utara, Wilayah Pembangunan Koridor Timur, Koridor Pembaharuan Tenaga Sarawak, Koridor Pembangunan Sabah dan Greater Kuala Lumpur.

■1020

Kajian keperluan industri akan memfokuskan kepada keperluan pasaran tenaga kerja dan analisis jurang kemahiran daripada segi kualiti dan kuantiti untuk dipadankan dengan keperluan industri dengan program yang ditawarkan oleh institusi pendidikan tinggi. Kajian tersebut dijangka selesai pada bulan Julai 2016. Kajian-kajian yang dilaksanakan ini boleh dijadikan rujukan kepada IPT untuk perancangan dan penawaran kursus yang relevan mengikut keadaan semasa. Merujuk kepada responden yang mengisi sistem kajian pengesanan graduan KPT semasa konvokesyen, kadar pengangguran dalam kalangan siswazah adalah semakin menurun sejak tahun 2013 iaitu 25 peratus, tahun 2016 sebanyak 24.9 peratus dan tahun 2015 sebanyak 23.9 peratus. Sekian, terima kasih.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Timbalan Menteri atas jawapan yang begitu komprehensif. Di dalam Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Tuanku telah menyebut bahawa kerajaan akan memastikan minat dan kecenderungan pelajar terus dikekalkan untuk memilih bidang sains dan teknologi, kejuruteraan dan matematik. Dalam hal ini saya ingin bertanya kepada Menteri sama ada kita mempunyai bilangan kolej teknikal yang mencukupi seperti politeknik dan institut kemahiran, sejajar dengan keperluan pasaran pekerjaan?

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih atas soalan berkaitan dengan pekerjaan yang dalam bidang *technical vocational education*. Di sini saya hendak berkongsi dengan Yang Berhormat bahawa Kementerian Pendidikan Tinggi sudah melancarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia pada tahun 2015 dan ini akan diteruskan sampai tahun 2025. Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi ini ada dua lonjakan yang begitu penting yang berkaitan dengan soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat tadi. Lonjakan satu lonjakan yang teras di mana Kementerian Pendidikan Tinggi akan melahirkan graduan yang holistik, seimbang dan mengadakan ciri *entrepreneur*.

Berkaitan dengan lonjakan yang pertama lonjakan yang keempat, di mana kita akan mementingkan kualiti dan teknik *vocational education training* dan memang banyak inisiatif sudah diambil dan akan diambil oleh Kementerian Pendidikan Tinggi, khasnya di politeknik dan kolej komuniti. Kementerian Pendidikan Tinggi juga memperkukuhkan dasar pembangunan dan pendidikan keusahawanan di Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia.

Ini merupakan satu paradigma transformasi, di mana kita sudah melaksanakan satu *framework* yang berkaitan dengan *job creator framework*, dengan izin, untuk meningkatkan kadar *employability* graduan dan inisiatif keusahawanan di IPT. Ini termasuk politeknik dan kolej komuniti, bukan hanya untuk universiti sahaja. Dilaksanakan secara holistik dan berstruktur melalui aktiviti kokurikulum dan program pembudayaan keusahawanan, dengan izin, *to inculcate* program pengukuhan keusahawanan *to empower*, dengan izin, dan program sokongan keusahawanan *to encourage* pelajar atau graduan.

Sudah mendatangkan faedah atau keberkesanan yang membanggakan. Saya bolehlah berkongsi *the success story*, dengan izin, bahawa *employability rate* antara pelajar di kolej komuniti sudah merekodkan 97 peratus dan untuk politeknik 79.9 peratus. Jadi, ini sudah membawa satu implikasi, satu makna bahawa kursus-kursus yang ditawarkan dan inisiatif-inisiatif yang sudah diambil oleh KPT sudah mendatangkan satu keberkesanan yang membanggakan. Sekian, terima kasih.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi telah dijelaskan bahawa universiti-universiti sama ada awam ataupun swasta di negara kita menyediakan kursus-kursus yang ada daya pasaran di dalam negara dan juga di luar negara. Akan tetapi saya melihat ada juga kursus-kursus yang ada daya pasaran hanya di luar negara. Sebagai contoh, Universiti Kuala Lumpur- kursus *aircraft engineering*, dengan izin, tidak ada ruang pekerjaan dalam negara. Kalau adapun sangat sedikit tetapi banyak di luar negara. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah pemantauan dibuat daripada semasa ke semasa dan universiti-universiti diarahkan supaya mengkaji kursus-kursus yang relevan? Terima kasih.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan yang berkaitan *relevancy* kursus yang ditawarkan di universiti. Sudah dalam jawapan saya beritahu bahawa kajian dapat dijalankan setiap lima tahun untuk mengambil kira ulasan daripada penasihat akademik, penilai luar input daripada industri dan persekitaran. Kajian seperti ini dapat dijalankan secara berterusan. Sekian, terima kasih.

3. Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, apakah kementerian bercadang untuk memperluaskan lagi pusat transit gelandangan bukan sahaja sebagai tempat untuk memberi kemudahan makan minum dan berlindung, tetapi juga sebagai pusat untuk membantu mereka mendapatkan peluang pekerjaan agar mereka berdikari tanpa perlu mengharap ihsan dari orang ramai.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan-soalan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai bersekali dengan 6 pertanyaan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah pada 21 April; Yang Berhormat Senator Prof. Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty pada 25 April; Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahim bin Abdul Rahman pada 26 April, dan 27 April; serta Yang Berhormat Senator Datuk Koh Chin Han pada 3 Mei dan 4 Mei 2016 kerana pertanyaan-pertanyaan tersebut saling berkait.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Tuan Yang di-Pertua, di negara kita golongan gelandangan tertumpu sebilangan besarnya di Lembah Klang dan bandar-bandar besar lain seperti Johor Bharu, Pulau Pinang, dan Kuching. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui institusi-institusi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Anjung Singgah di bawah Yayasan Kebajikan Negara. Manakala, di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan terdapat Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur di Jalan Pahang dan Pusat Khidmat Gelandangan di Lorong Medan Tuanku yang membantu golongan gelandangan.

Menjawab pertanyaan Yang Berhormat Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai berhubung perluasan skop pusat transit gelandangan, dimaklumkan bahawa bantuan di pusat ini tidak sekadar memberikan makan minum serta tempat berlindung sementara kepada golongan gelandangan. Akan tetapi dengan kerjasama pelbagai agensi dan NGO, pelbagai perkhidmatan sokongan turut disediakan iaitu aktiviti motivasi, khidmat kaunseling, aktiviti kerohanian dan moral, penjodohan pekerjaan, rujukan untuk rawatan kesihatan, rujukan kepada rawatan pemulihan dadah dan rujukan kepada pelbagai agensi pemberi bantuan yang lain.

■1030

Yang Berhormat Senator Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah bertanyakan perbelanjaan kerajaan dalam membantu gelandangan. YKN telah membelanjakan sebanyak kira-kira RM3 juta setahun ke atas empat buah Anjung Singgah di Kuala Lumpur, Sarawak, Johor dan Pulau Pinang. Secara purata kos mengendali satu katil ialah RM33 sehari dan RM20 daripadanya merupakan kos penginapan termasuk kos program intervensi dan kos pengurusan operasi. Kira-kira RM915,000 setahun dibelanjakan untuk Anjung Singgah Kuala Lumpur.

Maklumat yang diperoleh daripada Kementerian Wilayah Persekutuan menyatakan bahawa peralatan dan kelengkapan serta pengendalian operasi di Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur dan Pusat Khidmat Gelandangan sumbangan dari syarikat swasta, NGO dan orang ramai di samping mendapat kerjasama daripada jabatan dan agensi kerajaan. Peruntukan sedia ada DBKL digunakan bagi beberapa perkara seperti pembinaan bumbung tambahan di Pusat Khidmat Gelandangan bagi menyediakan teduhan untuk penganjuran aktiviti berjumlah RM99,000.

Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty bertanyakan jumlah gelandangan di Kuala Lumpur. Data mengenai golongan gelandangan di Bandaraya Kuala Lumpur dikumpulkan melalui, satu operasi menyelamat dan memulihkan orang papa dan pengemis yang dijalankan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan agensi-agensinya penguat kuasa yang berkaitan di bawah Akta Orang-orang Papa 1977.

Kedua, pendaftaran golongan gelandangan yang datang secara sukarela di pusat sehenti intervensi Anjung Singgah di Kuala Lumpur di bawah YKN.

Ketiga, pendaftaran golongan gelandangan di Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan.

Pada tahun 2015, terdapat seramai 215 orang gelandangan di sekitar Kuala Lumpur berdasarkan operasi menyelamat di bawah JKM. Daripada jumlah tersebut seramai 146 orang lelaki dan 69 orang wanita. Daripada jumlah tersebut juga didapati seramai 207 orang yang bergelandangan merupakan warganegara manakala selebihnya bukan warganegara.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman bertanyakan tindakan yang diambil terhadap gelandangan yang didapati bermalam di kawasan-kawasan jejantas di Maju Junction yang memberikan imej dan kesan yang buruk kepada pelancongan. Pada tahun 2015, sebanyak 162 operasi yang telah dijalankan di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur dan seramai 215 orang pengemis diselamatkan. Daripada jumlah tersebut lapan orang pengemis warganegara warga asing. Bagi tahun 2016, JKM Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah melancar untuk mengadakan 40 operasi bersepadu dan 50 operasi berjadual di kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan gelandangan termasuk di sekitar kawasan berhampiran Maju Junction. Jumlah dan kekerapan operasi diperbanyakkan bagi kawasan yang dikenal pasti sebagai lokasi, aktiviti pengemisan.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman juga bertanya berkenaan pemantauan untuk mengatasi masalah kebajikan gelandangan. Operasi menyelamat orang papa yang dijalankan oleh JKM ialah antara kaedah pemantauan ke atas golongan ini yang bertujuan memelihara kebajikan mereka dengan menempatkan mereka di institusi di bawah JKM bagi menjalani pemulihan latihan kemahiran.

Pada tahun 2015, sebanyak 1,921 operasi telah diadakan di seluruh negara. Operasi menyelamat golongan gelandangan ini dilaksanakan melalui tiga jenis operasi iaitu pertama operasi bersepadu di mana operasi melibatkan pelbagai agensi, penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, pihak berkuasa tempatan, JKM, Agensi Antidadah Kebangsaan, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Kesihatan dan lain-lain agensi penguatkuasaan.

Operasi ini biasanya diketuai oleh pihak PDRM atau PBT dan dijalankan sebanyak empat kali setahun atau mengikut keperluan. Kedua, operasi berkala dan berjadual pula dijalankan oleh pihak JKM di peringkat daerah, dan ketiga, operasi *ad hoc* atau serta-merta yang dijalankan segera oleh JKM apabila mendapat aduan daripada individu atau masyarakat berkaitan kewujudan aktiviti pengemisan di premis atau persekitaran mereka.

Tuan Yang di-Pertua, soalan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Koh Chin Han pada 3 Mei 2016 dan 4 Mei 2016 menanyakan pendekatan bagi membantu gelandangan keluarga dan gelandangan individu. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kes keluarga yang menjadi gelandangan disebabkan tidak mampu membayar sewa bilik atau sewa rumah akan dibantu dengan kerjasama pihak Baitulmal yang mempunyai rumah transit untuk menempatkan gelandangan keluarga atau gelandangan kelamin.

Pihak Baitulmal juga ada menyediakan bantuan bayaran deposit sewa rumah dan bantuan bayaran sewa rumah kepada yang berkelayakan. Bantuan seperti ini dapat membantu gelandangan keluarga dalam tempoh tertentu sementara mereka berusaha memulihkan keadaan kewangan sebelum kembali berdikari. Sekiranya keluarga tersebut didapati bergelandangan bersama anak di bawah umur 18 tahun, Jabatan Kebajikan Masyarakat akan mengambil tindakan perlindungan berdasarkan Akta Kanak-kanak 2001.

Di Anjung Singgah, perkhidmatan kaunseling diberi kepada gelandangan keluarga yang mempunyai waris di kampung supaya kembali ke pangkuan keluarga. Mereka juga akan dipertimbangkan bantuan bulanan persekolahan anak sekiranya berkelayakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Usaha menyelamatkan orang papa dan pengemis daripada operasi yang dijalankan oleh JKM akan disusuli dengan bantuan berbentuk khidmat sokongan seperti penempatan di institusi pemulihan, latihan kerjaya dan kaunseling dalam menangani isu ini.

Antara institusi kebajikan yang disediakan oleh KPWKM ialah Rumah Seri Kenangan iaitu penjagaan dan perlindungan bagi orang papa berumur 60 tahun ke atas serta tidak berwaris atau waris tidak dapat dihubungi. Orang papa yang berumur di bawah 60 tahun akan ditempatkan di Desa Bina Diri untuk menjalani program pemulihan dan kemahiran.

Kaedah pemantauan dan penyelesaian kepada isu akan dikemaskan dari semasa ke semasa. Pada 18 Februari tahun ini Mesyuarat *High Level Committee* Majlis Sosial yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah memutuskan supaya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat diberi tanggungjawab untuk menjadi peneraju serta menubuhkan satu Sekretariat dalam menangani isu gelandangan. Sehubungan itu kerjasama melibatkan pelbagai pihak yang berkepentingan seperti agensi-agensi kerajaan dan NGO akan digembeng melalui pendekatan strategi lautan biru kebangsaan dalam menangani isu ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Terima kasih, Menteri yang menjawab. Soalan tambahan saya adakah antara golongan gelandangan yang berjaya dibantu dan kini mula memberi khidmat bakti beliau kepada pusat ini. Terima kasih.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Terima kasih, Yang Berhormat. sebenarnya Anjung Singgah telah pun bermula mengadakan satu program sukarelawan bekas penghuni bermula dari bulan ini dan setakat ini ada lebih kurang seramai 20 orang bekas penghuni.

■1040

Mereka telah pun menjadi sukarelawan di Anjung Singgah. Kita rasa dengan adanya program ini, mungkin penghuni, bekas penghuni yang akan jadi sukarelawan ini akan meningkat. Perkhidmatan yang mereka beri adalah mereka akan beri bimbingan serta intervensi dan motivasi kepada penghuni semasa. Di samping itu, bukan sahaja bila mereka beri bantuan kepada penghuni yang berada di dalam Anjung Singgah, mereka juga akan turut menghadiri dan mengikuti program intervensi dan kaunseling susulan di Anjung Singgah untuk mereka sendiri. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberi penjelasan berhubung dengan gelandangan dan juga pengemis yang daripada soalan tadi. Saya tengok, saya hendak tanya, adakah pengemis dengan gelandangan ini terjadi dua-dua sekali ataupun pengemis dan gelandangan pada waktu yang lain? Saya tengok ada pengemis yang tidak jadi gelandangan, ada gelandangan yang tidak jadi pengemis. Ada juga gelandangan jadi pengemis, yang saya tengoklah. Jadi, dalam jawapan tadi semacam ada bercampur-campur antara gelandangan dengan pengemis. Satu.

Kedua, pengemis gelandangan ini ada dari luar negara. Saya hendak tahu kalau dari luar negara, negara mana? Di samping itu, kalau telah diambil tindakan oleh pihak yang berkenaan, mereka ditempatkan di mana? Dalam usaha kerajaan untuk menangani itu, adakah mereka akan dihantar balik ke negara asal? Semasa dalam tahanan, berapa kos setiap hari untuk seseorang gelandangan yang ditahan itu? Terima kasih.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Terima kasih Yang Berhormat. Pertama sekali saya jawab dahulu gelandangan dari luar negara. Sebenarnya gelandangan yang dari luar negara yang diselamatkan akan kita rujuk dan hantar ke Jabatan Imigresen. Mereka dari negara yang mana, saya tidak ada maklumat yang jelas. Oleh itu supaya tidak nanti saya bagi jawapan yang salah, saya minta jawab dengan secara bertulis.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya untuk kita memahami apakah itu pengemis, orang papa dan gelandangan, itu memang ada susah sedikit. Ini adalah kerana mereka ada yang orang papa mereka juga pengemis, ada orang papa yang bukan pengemis dan gelandangan. Oleh itu, untuk makluman kepada semua Yang Berhormat di sini, saya hendak beri tafsiran di sini.

Tafsiran mengenai pengemis ini iaitu apa-apa kelakuan yang dikira akan mendorong pemberian sedekah sama ada, ada atau tidak ada perbuatan pura-pura menyanyi, bermain, berlakon, menawarkan sesuatu untuk jualan atau selainnya. Ini maksudnya mengemis. Untuk orang papa iaitu seseorang yang didapati mengemis di sesuatu tempat awam dengan sebegitu cara hingga menyebabkan atau mungkin menyebabkan kegusaran kepada orang-orang yang lazim mengunjungi tempat itu ataupun hingga mengadakan kacau ganggu atau seseorang pelesir yang dijumpai di sesuatu tempat awam sama ada ada atau tidak mereka mengemis, yang tidak mempunyai mata pencarian pada zahirnya atau tempat tinggal atau yang tidak menyatakan hak dirinya dengan memuaskan.

Mengenai gelandangan pula, Kamus Dewan Edisi Empat mendefinisikan gelandangan sebagai orang yang tiada pekerjaan atau tidak mempunyai tempat tinggal yang tetap. Takrifan umum, gelandangan individu atau sekumpulan orang yang bukan sahaja tidak mempunyai pekerjaan tetap atau tempat tinggal tetap tetapi juga kurang kefungsiannya dalam keluarga atau masyarakat. Mereka terdiri daripada penagih dan bekas penagih dadah, arak, pesakit mental, pendatang asing, tiada pekerjaan tetap, bekas banduan dan tidak mempunyai rumah. Sekian, terima kasih

4. Tuan Wilfred Yong Chen Leong minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, jumlah tenaga kerja tempatan bagi sektor perladangan mengikut kategori umur dan apakah usaha kementerian bagi menggalakkan lebih ramai golongan belia tempatan berminat untuk bekerja dalam sektor ini.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia, salam sehati sejiwa.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tuan Wilfred Yong Chen Leong. Tuan Yang di-Pertua dan untuk makluman Dewan, makluman asas sedikit.

Ladang atau perladangan kita kategorikan sebagai keluasan tanah 20 hektar ke atas, manakala kurang daripada 20 hektar kita *consider* sebagai mungkin kebun kecil dan sebagainya. Bilangan pekerja ladang keseluruhan ialah 835,000 orang, di ladang yang 20 hektar ke atas tadi ialah 110,640 dan 724,360 adalah di sektor yang kurang daripada 20 hektar keluasan tanah.

Tuan Yang di-Pertua, kembali kepada soalan asal. Berdasarkan rekod kementerian ini yang dikendalikan oleh Jabatan Tenaga Kerja Kementerian Sumber Manusia, terdapat seramai 110,640 orang pekerja tempatan yang bekerja dalam sektor perladangan di seluruh Malaysia pada tahun 2015, di mana 105,206 ataupun 96 peratus adalah pekerja yang digajikan terus oleh majikan ladang. Manakala 4,061 ataupun 4 peratus adalah pekerja yang digajikan oleh kontraktor ladang. Dia ada sedikit- *contract for service, contract of service* Tuan Yang di-Pertua, dengan izin.

Jumlah pekerja ini adalah berdasarkan 2,913 buah ladang yang berdaftar dengan Jabatan Tenaga Kerja. Walau bagaimanapun kementerian ini, buat setakat ini kita tidak dapat membekalkan maklumat tentang profil umur Tuan Yang di-Pertua. Saya akan jawab bertulis *inshaa Allah*. Bilangan pekerja tempatan ini merupakan 27 peratus daripada bilangan pekerja dalam sektor perladangan secara keseluruhan. Berdasarkan statistik Jabatan Imigresen Malaysia, seramai 300,770 orang pekerja asing telah diberikan permit kerja untuk bekerja dalam sektor ini. Walau bagaimanapun, mereka hanya dibenarkan bekerja sebagai pekerja am sahaja seperti pemotong buah sawit, penoreh getah, pekerja am ladang dan sebagainya yang mana telah dikena pasti bekalan tenaga kerja tempatan sangat kurang untuk bekerja dalam kategori kerja ini.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan sedar akan isu bilangan pekerja tempatan semakin berkurangan bekerja di ladang. Oleh itu, Kementerian Sumber Manusia telah menjalankan berbagai-bagai usaha untuk menarik pencari kerja baru bekerja di sektor perladangan tetapi juga berusaha untuk memastikan pekerja sedia ada akan terus kekal dalam sektor ini. Antara usaha yang telah dijalankan ialah yang pertama, pihak kementerian melalui Jabatan Tenaga Kerja Kementerian Sumber Manusia berusaha dan menjalankan promosi untuk mengesan pencari-pencari kerja untuk dibekalkan kepada majikan ladang dalam semua kategori pekerjaan.

Dalam setiap program ceramah dan seminar dengan pencari kerja, pihak Jabatan Tenaga Kerja sentiasa mempromosi kelebihan pekerja di sektor perladangan, terutamanya daripada aspek gaji dan kemudahan-kemudahan yang mampu ditawarkan seperti tempat tinggal yang selesa dan percuma, bekalan elektrik, bekalan air percuma, kemudahan Pusat Asuhan Kanak-kanak (PAKK), dewan komuniti, klinik, kedai runcit, tanah untuk bercucuk tanam dan tempat beribadat mengikut agama masing-masing. Para pencari kerja juga telah didedahkan dengan suasana ladang yang jauh berbeza dengan gambaran umum.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua ialah menguatkuasakan Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 sebagai satu usaha untuk menarik pekerja tempatan bekerja di sektor perladangan. Pelaksanaan akta ini diharap dapat menghalang majikan daripada membayar gaji rendah dalam sektor ini yang mendorong majikan untuk mengajikan pekerja asing.

Ketiga ialah penguatkuasaan Akta Standard-standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446] yang memberi penekanan terhadap kemudahan asas ladang demi menjamin kualiti dan kesejahteraan komuniti ladang. Pegawai Jabatan Tenaga Kerja akan menjalankan pemeriksaan dan lawatan ke atas semua 2,587 buah ladang yang menyediakan perumahan pekerja sekurang-sekurangnya sekali setahun bagi memastikan keadaan perumahan dan kemudahan-kemudahan yang disediakan diselenggarakan dengan baik oleh pihak ladang.

■1050

Keempat, kerajaan telah melaksanakan projek bekalan air awam untuk peningkatan kualiti taraf hidup di ladang. Projek ini merupakan projek kerjasama antara kerajaan dengan pihak ladang untuk membekalkan air awam terawat kepada warga ladang.

Sejak projek yang dilaksanakan pada tahun 2010 hingga Disember 2015, sebanyak 56 orang majikan ladang telah terlibat yang memberi manfaat kepada 13,491 orang pekerja ladang dan tanggungan mereka.

Kelima, kerajaan juga telah menyediakan bantuan pinjaman perumahan mudah yang dikenali sebagai Skim Khas Pembiayaan Rumah Pekerja Estet. Inisiatif ini bertujuan bagi menarik minat dan memastikan pekerja tempatan sedia ada kekal di sektor perladangan. Dari tahun 2012 hingga Februari 2016, sebanyak 86 permohonan yang melibatkan jumlah pembiayaan sebanyak RM3.4 juta telah diluluskan oleh pihak BSN.

Keenam, kerajaan turut menggalakkan majikan-majikan untuk mengenakan sistem automasi dan mekanikal dalam pelaksanaan kerja-kerja di ladang sebagai salah satu usaha untuk menarik minat pekerja tempatan serta mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Wilfred Yong Chen Leong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Menteri yang memberikan jawapan. Jelas nampak daripada jawapan, pihak kementerian telah mengadakan pelbagai inisiatif dan promosi untuk menggalakkan pekerja peladang tempatan. Sebaliknya, apakah inisiatif yang diberikan oleh kerajaan kepada pengusaha perladangan yang mengajikan pekerja tempatan setakat ini? Adakah perlu penambahbaikan ke atas inisiatif kerajaan yang sedia ada kepada pengusaha perladangan yang kini ada dalam negara kita? Terima kasih.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, seperti mana saya sebutkan tadi, bilangan ladang yang berada di negara kita ialah 2,913 buah ladang. Oleh sebab Yang Berhormat Senator, kita juga melihat jumlah ladang di Sabah dan Sarawak iaitu di Sabah sebanyak 744 buah ladang dan di Sarawak sebanyak 441 buah ladang.

Seperti mana yang telah pun saya sebutkan tadi, keenam-enam usaha yang dibuatkan oleh kerajaan, diambil oleh kerajaan dalam kita memberikan kemudahan kepada pekerja-pekerja ladang. Ini antara usaha ini sudah tentulah memberi kesan kepada pengusaha-pengusaha ladang sendiri. Maknanya bekalan air, bantuan pinjaman perumahan, taman pendidikan kanak-kanak dan lain-lain adalah juga mengurangkan beban yang dipikul oleh peladang sendiri ataupun pengusaha ladang. Jadi secara tak langsung kita memberikan perhatian kepada pekerja-pekerja ladang ini dan dalam masa yang sama, kita juga membantu pengusaha-pengusaha ladang.

Satu lagi ialah kita juga mengadakan program bagaimana kita membuat perbandingan atau pertandingan persaingan antara pengusaha-pengusaha ladang ini iaitu kita memberikan Anugerah Ladang Terbaik. Kedua, kita memberikan levi terendah kepada pengusaha-pengusaha ladang iaitu lebih kurang RM640 berbanding dengan levi bagi sektor-sektor lain. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Tuan Yang di-Pertua, walaupun negara kita disenaraikan sebagai salah sebuah negara membangun di dalam bidang pembuatan, kita harus ingat bahawa pertanian merupakan satu sektor yang cukup penting kerana memberikan makanan kepada rakyat kita.

Saya memohon kepada Yang Berhormat Menteri menyatakan adakah pihak Kementerian Sumber Manusia mempunyai cadangan untuk mengadakan kerjasama dengan mana-mana kementerian lain seperti Kementerian Pertanian ataupun KPT untuk memperkasakan program TVET di dalam bidang pertanian? Tadi Yang Berhormat menerangkan perladangan, saya mengatakan pertanian. Terima kasih.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Tan Sri.

Sebenarnya memang dalam TVET ini atau teknikal, *vocational training* ini, kita mempunyai kolaborasi yang cukup baik dengan kementerian-kementerian lain.

Tadi ada soalan dijawab oleh Kementerian Pendidikan. Sebenarnya dalam usaha ini, kita juga terlibat dengan kita mengadakan pusat-pusat atau institusi-institusi latihan perindustrian *hi-tech* dan sebagainya.

Saya bersetuju Tuan Yang di-Pertua, dengan Yang Berhormat Senator Tan Sri bahawa asas pertanian negara kita, sumbangan petani-petani kepada negara bukan kecil pada ekonomi negara. Sudah tentulah menjelang tahun 2020 ini, kerajaan mensasarkan 35 peratus pekerja mahir dan sektor pertanian adalah juga kita lihat sebagai satu sektor yang perlu dipertingkatkan termasuk juga mengadakan kolaborasi dan kerjasama erat dengan kementerian-kementerian lain termasuk Kementerian Pertanian, Kementerian Pendidikan dan sebagainya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

5. Puan Hajah Norahan binti Abu Bakar minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan bagi menangani kes ragut yang semakin meningkat dan berleluasa pada waktu ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Masir Anak Kujat]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri sentiasa memberikan komitmen yang berterusan dalam menangani jenayah jalanan terutamanya jenayah ragut.

Di bawah *National Key Results Area* mengurangkan jenayah, kes jenayah jalanan diberikan perhatian yang serius memandangkan kes yang sedemikian bukan sahaja menimbulkan ketakutan kepada orang ramai malah terdapat kes ragut yang berakhir dengan kematian.

Secara statistik kes ragut yang dilaporkan pada tahun 2013 dan tahun 2015 adalah seperti berikut. Pada tahun 2013, sebanyak 2,118 kes ragut telah dilaporkan di seluruh negara, manakala pada tahun 2014 sebanyak 2,379 kes ragut telah dilaporkan dan pada tahun 2015 sebanyak 2,362 kes ragut. Jadi secara purata lebih kurang 2,000 setahun. Antara langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan kejadian ragut dan kecurian adalah seperti berikut.

Pertama, rondaan secara berkala oleh unit kereta peronda atau MPV secara pejalan kaki oleh anggota BIT dan patrol dan Unit Rondaan Bermotosikal (URB) di kawasan yang sering berlaku jenayah ragut. Selain itu, rondaan juga dilakukan oleh anggota detektif dan anggota pencegahan jenayah CPJ yang berpakaian biasa.

Kedua, bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk mengurangkan kejadian ragut dengan mengambil pendekatan seperti berikut:

- (i) mengasingkan lorong pejalan kaki dengan laluan kenderaan terutamanya motosikal;
- (ii) memasang pagar pengadang jalan untuk pejalan kaki melalui lorong pejalan kaki;
- (iii) memasang cermin keselamatan bagi lorong-lorong yang terlindung;
- (iv) memasang lampu-lampu jalan bagi menerangi lorong-lorong pejalan kaki; dan
- (v) memasang kamera litar tertutup di kawasan-kawasan yang sering berlaku jenayah terutamanya di tempat berlakunya kes ragut;

Ketiga, melaksanakan Kempen Bersama Membanteras Jenayah atau *United Against Crime* bagi meningkatkan penyertaan masyarakat bersama pihak berkuasa untuk membanteras jenayah ragut.

Keempat, program "Go-to-safety-points" yang melibatkan kerjasama antara pihak berkuasa dengan pihak swasta syarikat-syarikat yang menyertai program ini iaitu seperti 7-Eleven, Pos Malaysia Berhad, stesen minyak Petron dan Shell yang telah dilatih oleh PDRM untuk memberikan bantuan awal sekiranya berlaku kejadian jenayah.

Dengan pelbagai inisiatif yang telah diperkenalkan oleh pihak kerajaan, jenayah jalanan khususnya jenayah ragut telah menunjukkan penurunan yang ketara. Namun demikian, peranan oleh masyarakat amat penting dalam menyalurkan maklumat kepada pihak berkuasa atau mengambil langkah-langkah yang boleh menutup peluang kepada penjenayah. Sekian, terima kasih.

Puan Hajah Norahan binti Abu Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana menjawab soalan tadi.

Setelah mendengar jawapan daripada Yang Berhormat Menteri, saya sebenarnya rasa lega dan selamat walaupun- tetapi saya pasti kementerian dan pihak berkuasa akan sentiasa mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi menangani masalah ini.

■1100

Cuma yang saya ingin bertanya, semasa berlaku ragut, kebanyakannya berlaku kepada kaum wanita dan kebanyakannya berlaku kepada beg-beg tangan wanita dan kehilangan yang paling besar ialah kehilangan kad pengenalan. Jarang kita lihat perompak yang meragut memulangkan balik barang-barang yang ada di dalam beg tangan. Apabila seseorang yang berlaku kehilangan kad pengenalan, selepas membuat laporan kepada polis, mangsa akan terus ke Pejabat Pendaftaran. Apabila sampai di sana, mangsa akan dikenakan denda untuk membayar kehilangan kad pengenalan.

Saya difahamkan juga, jumlah denda yang dikenakan akibat kehilangan kad pengenalan ini baru-baru ini meningkat. Alasannya, kerana hendak memberikan kesedaran kepada rakyat Malaysia supaya menjaga kad pengenalan dengan baik. Soalan saya, adakah pihak kementerian akan memberikan sedikit kelonggaran kepada mangsa ragut yang mana mangsa ini telah pun menjadi mangsa dan juga terpaksa membayar denda kehilangan kad pengenalan? Itu sahaja. Terima kasih.

Tuan Masir Anak Kujat: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Jadi, sebenarnya kalau kes ragut itu berlaku dan menyebabkan kehilangan kad pengenalan, memang wajar mereka dikenakan denda kerana kita- bukan kita menggalakkan perkara itu hilang atau sebagainya tetapi itu syarat yang dikenakan apabila hilangnya kad pengenalan, bila hendak membuat semula, kita dikenakan denda sedikit. Walaupun kes ragut ini menyebabkan ramai dalam kalangan wanita, tetapi sudah mustahil kita tidak boleh mengelakkan daripada membayar kompaun atau denda seperti yang disebut. Jadi walaupun demikian, kita akan meneliti perkara ini semula. KDN akan meneliti perkara ini semula. Jika perlu, kita akan mengkaji. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan juga kepada Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah. Silakan.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Nasib baik ternampak. Takut macam sudah tidak nampak tadi [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Nampak Yang Berhormat Senator Datuk.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Sedih juga Tuan Yang di-Pertua sudah hendak hujung ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Pakai baju selendang merah, lagi nampak.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Adakah kerajaan bercadang untuk memperkasakan hukuman terhadap pesalah ragut ini dan sampai bilakah orang ramai akan terus alpa dengan persepsi bahawa hukuman jenayah ragut adalah ringan.

Apa langkah-langkah yang dilakukan oleh kerajaan bagi tujuan kempen-kempen memerangi peragut ini, penjenamaan kempen-kempen kesedaran di sekolah-sekolah dan juga di IPTA dan IPTS?

Seterusnya saya ingin bertanya, semua golongan harus mengamalkan usaha yang pragmatik agar imej negara tidak tercalar di mata dunia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Masir Anak Kujat: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Jadi, kes ragut ini di bawah seksyen 379, Akta *Criminal* atau sebagai *Criminal Offence*. Memang hukumannya ringan kecuali kita ataupun kerajaan meneliti CPC ataupun PC dan mungkin kita boleh menaikkan atau meningkatkan hukuman. Akan tetapi walaupun demikian, itu terpulang kepada kerajaan untuk mengkaji CPC ataupun PC yang berkenaan.

Tadi Yang Berhormat Senator juga bertanya tentang *awareness campaign*. Memang kita prihatin. Jadi pihak polis akan sentiasa memantau dan juga kalau perlu mengadakan ceramah untuk penuntut-penuntut di IPTA ataupun swasta untuk menyedarkan bahaya ataupun kes-kes kecuai mangsa yang memberi peluang kepada penjenayah walaupun ini dilakukan bukan oleh sindiket tetapi individu-individu yang melakukan jenayah ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi kalau sekiranya hukuman ragut itu terlalu ringan, adakah usaha sebagai satu pambanteras untuk sebagai teladan supaya jangan berleluasa? So, bagi saya jawapan Yang Berhormat itu ialah tanggungjawab untuk menghukum, jel, mahkamah dan perundangan pun mungkin boleh Parlimen menimbangkannya kalau difikirkan perlu. Terima kasih Yang Berhormat.

6. Datuk Zali bin Mat Yasin minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan, adakah kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) mempunyai kaedah dan tindakan khusus bagi mencegah atau mengambil tindakan penguatkuasaan secara efektif dalam memerangi aktiviti perjudian atas talian.

Dato' Jailani bin Johari: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Zali yang menanyakan persoalan nombor 6.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah yang bertarikh pada 25 April kerana menyentuh perkara yang sama iaitu berkenaan dengan isu memerangi aktiviti perjudian dalam talian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kegiatan judi dalam talian adalah tertakluk di bawah Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 iaitu di bawah bidang kuasa Polis Diraja Malaysia. Sungguhpun demikian, kerjasama antara pihak kementerian ini melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia dan PDRM telah sedia terjalin dalam membanteras kegiatan judi dalam talian yang meliputi aspek-aspek kerjasama pemantauan, pengesanan dan perkongsian maklumat dan aspek forensik digital. Daripada banyak laporan yang kita dapati, pihak polis pada masa yang sama giat menjalankan pemeriksaan dan serbuan untuk membanteras serta membendung kegiatan mesin perjudian *online* ini daripada terus berleluasa.

Walau bagaimanapun, salah satu langkah penyelesaian terakhir sekiranya tindakan penguatkuasaan tidak dapat diteruskan oleh agensi penguatkuasaan bagi kebanyakan untuk mengekang penularan laman web judi dalam talian adalah dengan melaksanakan sekatan akses terhadap laman web yang menawarkan perkhidmatan berunsur perjudian tersebut. Dari tahun 2012 sehingga bulan Mac 2016 tahun ini, sejumlah 664 laman web telah pun disekat aksesnya oleh pihak SKMM berdasarkan permohonan bertulis daripada pihak PDRM bagi kesalahan di bawah Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953.

Selain daripada itu antara tahun 2015 hingga bulan Mac 2016, pihak SKMM telah menerima sejumlah 416 aduan daripada masyarakat awam berhubung dengan SMS berunsur perjudian. Pihak SKMM telah mengumpul maklumat yang diterima daripada aduan orang awam tersebut, mengenal pasti nombor-nombor telefon yang berkaitan untuk sekatan dan turut memanjangkan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk siasatan lanjut pihak PDRM. Pihak SKMM juga telah mengarahkan syarikat-syarikat telekomunikasi supaya menamatkan nombor-nombor yang terlibat. Setakat ini, lebih 8,000 nombor telefon telah ditamatkan perkhidmatannya kerana menyebarkan SMS berunsur perjudian. Selain daripada itu, syarikat telekomunikasi juga telah menyediakan sistem tapisan bagi menyekat penghantaran SMS yang mempromosikan aktiviti perjudian dalam talian. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk menarik Yang Berhormat semua, untuk makluman, semalam agaknya dalam perbahasan ramai yang membangkitkan masalah perjudian keterlaluan sekarang. Saya berpendapat koordinasi antara SKMM dan Polis Diraja mesti mantap untuk membanteras perkara ini. Sekarang tanpa membuang masa, saya persilakan kepada- ada soalan tambahan? So saya sediakan Yang Berhormat Senator Datuk- oh! Ini Yang Berhormat Senator Datuk Zali dahulu.

Datuk Zali bin Mat Yasin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada jawapan Yang Berhormat Menteri yang saya kira telah pun dapat menjawab secara keseluruhan tindakan yang telah pun diambil oleh pihak SKMM. Cuma soalan tambahan saya ialah kita tahu bahawa pihak SKMM bila ada laporan akan melaporkan kepada pihak polis, pihak polis akan mengambil tindakan untuk dibawa ke mahkamah. Cuma di sini soalan saya ialah adakah pihak SKMM dapat mengenal pasti penyedia perkhidmatan yang membenarkan operator judi ini mempromosikan aktiviti itu secara dalam talian, secara *online*. Maksudnya, maklumkan kepada kita, kita hendak tahu bahawa operator, penyelia yang membenarkan operator ini menggunakan, mempromosikan aktiviti judi ini secara *online* ini. Mungkin pihak *Google*, pihak *Yahoo*, pihak SMS dan sebagainya.

Kedua, saya hendak tanya ialah apakah hukuman sebenarnya? Rakyat hendak tahu ialah hukuman. Tindakan mungkin sudah diambil, berapa ramai individu ataupun pihak yang bertanggungjawab membuat laporan tetapi kita hendak tahu apakah hukuman setakat ini yang dikenakan terhadap individu ataupun operator yang mempromosikan judi haram secara *online* ini. Sekian, terima kasih.

■1110

Dato' Jailani bin Johari: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Ada dua persoalan. Pertama, adakah pihak SKMM dapat mengenal pasti penyelia perkhidmatan ya. Di sini biasanya apabila kita mendapat aduan seperti yang saya maklumkan tadi bahawa sejumlah lebih kurang 416 aduan yang kita terima setakat ini, biasanya kita kumpul maklumat dan kita terus panjangkan. Biasanya secara holistiknya kita tidak pergi *in-depth* kerana perkara ini terjatuh di bidang kuasa PDRM tapi kita membantu daripada segi teknikal untuk mereka mencari di mana.

Daripada segi bentuk hukuman juga, untuk makluman Yang Berhormat ialah seperti yang saya maklumkan oleh sebab ia terjatuh di bawah Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953, setelah kita panjangkan kepada PDRM, terpulang kepada PDRM daripada segi tindakan lanjutan kerana untuk maklumat Dewan yang mulia, daripada segi kerjasama yang dilakukan oleh pihak SKMM bukan hanya tertakluk kepada kes-kes judi. Kes-kes seperti penjualan atas talian, pihak SKMM juga bekerjasama terus dengan pihak KPDNKK dan sekiranya terdapat kesalahan di bawah akta misalannya di bawah seksyen 8, *Trade Description Act*, dengan izin, perdagangan palsu dan sebagainya, kita akan serahkan kepada pihak KPDNKK. Akan tetapi *the NBOS* punya *engagement* itu masih diteruskan Tuan Yang di-Pertua.

Namun terpulanglah kepada pihak KPDNKK kerana setelah dimajukan kepada pihak penguatkuasaan daripada segi tindakan susulan, kita akan mendapatkan *feedback* daripada pihak berkaitanlah sama ada ia telah diteruskan ataupun di sebalik.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, saya persilakan Yang Berhormat Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kepada Yang Berhormat Menteri saya hendak menyatakan bahawa kami bertiga ini *confused* sebenarnya. Semalam semasa perbahasan, PDRM kata SKMM berkuasa. Hari ini kita dengar SKMM kata PDRM pula yang punya bidang kuasa. Mungkin kami bertiga mencadangkan agar mungkin Tuan Yang di-Pertua selepas pencen jadi Tuan Yang di-Pertua ini, mungkin boleh jadi Pengerusi Penyelaras untuk PDRM dan SKMM ini [*Tepuk*] Oleh sebab itu judi internet ini berleluasa sebab kita masih *confused* lagi bidang kuasa mana, PDRM kah ataupun SKMM, SPRM?

Jadi kita cadang SPRM pula sekarang ini. Jadi tiga, kalau tidak boleh selesai lagi masalah ini, *wallahua'lam bissawab*. Cuma soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, saya hendak membaca satu kenyataan yang keluar di Amerika, kata di sini "*If you do decide to gamble online in Malaysia, its best to stick with international site, not based in Malaysia for two reasons. First, local site based out of Malaysia are 100 peratus illegal*". Jadi maknanya pusat itu masih lagi di Malaysia. Ini keluar di sana. Jadi maknanya Tuan Yang di-Pertua, maknanya undang-undang kita ini tidak ke mana. Mungkin agaknya antara SKMM dan PDRM masih belum ada penyelesaian. Jadi itu saya mintak komen daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Jailani bin Johari: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang menanyakan soalan. Ingin saya perjelaskan di sini, sebenarnya apa saja kesalahan yang berlaku dalam alam maya adalah juga kesalahan yang kita anggap berlaku di alam nyata. Dalam mengawal selia internet ini bukan hanya terdiri kepada pihak SKMM dan *alhamdulillah* oleh sebab Yang Berhormat menanyakan persoalan itu, izinkan saya berkongsilah beberapa buah agensi yang terlibat apabila pihak SKMM mendapat permohonan. Dalam hal ini, kes-kes judi biasanya memang seperti yang saya maklumkan tadi tertakluk di bawah *Common Gaming House Act*, dengan izin. Misalannya, kalau saya dapat sentuh beberapa perkara Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kes-kes berkaitan dengan hasutan ataupun dengan izin, *sedition*, *enforcing* agensinya PDRM.

Kes-kes yang berkaitan dengan ancaman kepada keselamatan negara ataupun *fraud* dengan izin, ia boleh dibawa di bawah *Penal Code Act*, dengan izin, *Companies Act*, *Financial Services Act*, *Direct Sales Act*, di mana agensi yang terlibat Tuan Yang di-Pertua, PDRM, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Bank Negara Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Untuk kes-kes berkaitan dengan *cheating* atau penipuan, iaitu di bawah *Penal Code* sudah semestinya di bawah PDRM. Di bawah *copyright*, maknanya *Copyright Act*, dengan izin, KPDNKK dan daripada segi *defamation*, di bawah *Penal Code* ataupun *Defamation Act*, dengan izin, dan pihak yang terlibat iaitu PDRM dan juga boleh dibawa *civil action* mana-mana peguam.

Perjudian, *gaming* dengan izin *Common Gaming Houses Act 1953*, *Betting Act 1953*, *Pool Betting Act 1967*, ini semua di bawah bidang kuasa PDRM dan yang terakhirnya *threat to life* dengan izin ataupun *property hacking*, ini di bawah *Computers Crime Act* iaitu bidang kuasa PDRM. Akan tetapi seperti yang saya maklumkan tadi biasanya pihak kementerian ataupun SKMM, kita dirujuk oleh sebab ada perkataan internet ataupun atas talian. Biasanya kita memberikan pandangan ataupun nasihat daripada segi teknikal dan seperti yang saya maklumkan tadi hasil daripada siasatan yang telah kita berikan, kita serahkan kepada pihak PDRM untuk tindakan susulan.

Sebagai misalan saya maklumkan, sekatan ini merupakan penyelesaian terakhir. Jadi untuk tahun 2014, pihak SKMM telah menyekat 2,268 buah laman di mana 538 buah laman disekat oleh MCMC berdasarkan permohonan agensi penguat kuasa dan 1,730 buah laman disekat berdasarkan peruntukan Akta Komunikasi.

Jadi tahun 2015, sejumlah 2,203 buah laman telah disekat di mana 631 buah laman disekat oleh MCMC berdasarkan permintaan oleh agensi seperti KPDNKK, JAKIM, PDRM dan sebagainya. Selebihnya 1,572 buah laman disekat berasaskan peruntukan Akta Komunikasi.

Jadi kalau kita lihat Tuan Yang di-Pertua, maknanya bukan hanya MCMC ataupun SKMM yang bertanggungjawab daripada segi apa jua kesalahan atas internet atau talian tetapi kerjasama yang telah saya sebutkan tadi di mana kita ada satu Jawatankuasa Khas pembanteras. Di mana selesai daripada siasatan yang diambil, kita serahkan kepada penguatkuasaan seterusnya untuk tindakan lanjutan. Saya harap dapat menjelaskan persoalan Yang Berhormat Senator. Terima kasih.

7. Dato' Goonasakaren A/L Raman minta Menteri Pendidikan menyatakan, siapa yang harus membuat permohonan tanah bagi sekolah-sekolah berstatus bantuan modal yang ingin berpindah ke tapak baru, Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) atau Jabatan Pendidikan Negeri(JPN).

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Goonasakaren. Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, bagi tapak sekolah bantuan modal ataupun sekolah bantuan kerajaan (SBK), pihak sekolah melalui Lembaga Pengelola Sekolah ataupun LPS perlu menguruskan semua urusan tanah sebelum mengemukakan permohonan perpindahan ke tapak baru kepada Kementerian Pendidikan Malaysia untuk penelitian dan pertimbangan. Maka, jawapan pada soalan Yang Berhormat ialah Lembaga Pengelola Sekolah harus mengemukakan permohonannya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Goonasakaren.

Dato' Goonasakaren A/L Raman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sekiranya permohonan tapak perlu diuruskan oleh Lembaga Pengelola Sekolah, saya ingin bertanya kepada Kementerian Pendidikan, adakah garis panduan dikeluarkan kepada semua sekolah supaya Lembaga Pengurusan Sekolah dapat menguruskan perpindahan tapak? Keduanya ialah dua tahun dulu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak telah mengumumkan sekolah berstatuskan bantuan modal boleh memohon untuk menukar kepada sekolah berstatuskan sekolah bantuan penuh ataupun *full aided*, dengan izin. Setakat manakah pelaksanaannya sehingga hari ini? Berapa buahkah sekolah bantuan modal telah bertukar status kepada bantuan penuh? Terima kasih.

■1120

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Goonasakaren, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyediakan garis panduan. Malah garis panduan ini boleh didapati di semua sekolah yang mana telah memberi secara terperinci aliran atau prosedur-prosedur perpindahan sekolah yang mana saya boleh berkongsi ini kepada Yang Berhormat yang mana ada beberapa proses dan kita dalam proses untuk memudahkan lagi proses perpindahan yang boleh dilaksanakan. Ini akan membantu lembaga pengelola sekolah untuk memudahkan lagi proses pemindahan ini. Kita boleh membantu dan memberi nasihat kepada mereka, bukan sahaja di Kementerian Pendidikan Malaysia malah di PPD dan JPN juga sentiasa dapat membantu.

Soalan kedua Yang Berhormat tentang pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, pada 5 Mac 2014, kementerian Pendidikan Malaysia telah pun menghantarkan surat kepada semua sekolah SBK ataupun Sekolah Bantuan Kerajaan ini atas maklumat yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Khas untuk kaum India dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mana Presiden MIC, saya juga ahli dalam jawatankuasa tersebut telah memastikan surat ini diedarkan dan semua sekolah bantuan kerajaan telah menerima surat-surat ini.

Dalam surat itu ada beberapa syarat yang mereka harus memenuhi. Contohnya yang pertama, mendapat persetujuan 100 peratus, sebulat suara daripada semua agensi yang berkenaan. Contoh, PIBG harus menyokong, LPS harus menyokong dan juga pihak-pihak berkepentingan juga harus mendapat persetujuan. Yang keduanya pula, sekolah harus bebas daripada sebarang masalah liabiliti. Yang ketiganya pula, status pemilihan tapak hendaklah menjadi hak milik KPM. Ada beberapa lagi syarat-syarat yang telah dinyatakan.

Daripada 300 lebih sekolah-sekolah bantuan kerajaan ini, hampir 80 lebih sekolah telah menunjukkan minat. Apabila mereka menunjukkan minat, kita akan memantau. Apabila kita melakukan proses pemantauan ini kita juga akan mengambil contoh di antara sekolah yang satu sekolah dari negeri Kedah telah pun diubahkan modul, daripada SBK kepada sekolah kerajaan. Kita akan sentiasa melakukan ini dan kita akan memantau keperluan.

Antara keperluan kita melihat ialah adanya trend enrolmen yang meningkat. Ini juga menjadi kriteria pemilihan sekolah-sekolah tersebut. Kita di Kementerian Pendidikan Malaysia mengalu-alukan dan untuk maklumat Ahli Yang Berhormat juga, dalam proses penukaran status daripada SBK kepada sekolah kerajaan, tiada unsur paksaan. Kita tidak boleh melakukan apa juga dalam unsur paksaan untuk melakukan proses penukaran ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini saya hendak merujuk kepada sekolah-sekolah baru, bukan yang sedia ada yang hendak pindah sekolah. Sekolah baru di mana belum ada LPS lagi. Daripada segi permohonan untuk pelan bangunan dan sebagainya, siapa yang akan uruskan pasal tak ada LPS. Biasanya kalau contoh kalau saya ambil Bandar Mahkota Kajang, kadang-kadang dia *form Action Committee* sama ada dia tanggungjawab *Action Committee* atau Jabatan Pendidikan Negeri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan. Tuan Yang di-Pertua, untuk sekolah-sekolah baru, sekolah kerajaan sebenarnya tidak memerlukan LPS, sekolah kerajaan. Sekolah bantuan kerajaan ada perlunya LPS. Bandar Mahkota, sekolah kerajaan. Maka tak perlulah ada LPS. Walau bagaimanapun, sekiranya ada permohonan, pihak sekolah boleh merujuk kepada jabatan pendidikan negeri permohonan mereka mengapa harus ada LPS.

Maka pertimbangan itu akan dimohonkan. Segala rujukan penubuhan LPS itu cadangannya harus dikemukakan oleh guru besar sekolah dengan cadangan nama-nama mereka dan nama-nama ini akan diberi pada Jabatan Pendidikan Negeri dan mereka akan memberi kelulusan untuk penubuhan Lembaga Pengelola Sekolah. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, jawapan cukup bagus.

8. Dato' Dr. Johari bin Mat minta Menteri Kewangan menyatakan, kedudukan harga minyak di pasaran dunia dan kesan kepada ekonomi negara khususnya kepada KDNK. Berapa ramai rakyat Malaysia yang terlibat dengan syarikat-syarikat minyak tempatan dan antarabangsa terjejas dengan keadaan tersebut.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Johari bin Abdul Ghani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berhubung dengan kedudukan harga minyak mentah di pasaran, untuk pengetahuan Yang Berhormat, setakat semalam harga minyak kita berada pada paras USD42 setong, berbanding kalau kita lihat pada Jun 2014, ia sudah jelas USD115 setong dan pada Disember 2015, ia USD30 setong. Jadi kalau kita lihat daripada segi penurunan harga minyak ini begitu mendadak sekali kalau dibandingkan pada pertengahan tahun 2014 USD115 hingga Disember 2015, sebanyak USD30 dan kemudian meningkat semula kepada USD42.

Jadi kalau kita lihat kesannya kepada negara ialah apabila setiap USD1 jatuh harga minyak, kerajaan akan kehilangan lebih kurang RM300 juta. Jadi kalau katakan, minyak telah jatuh daripada USD115 sampai ke USD30, jadi kita bayangkan berapa banyak jatuh. Contoh kalau katakan USD10 jatuh, bermakna RM3 bilion kita punya kehilangan pendapatan. Kalau USD20, bermakna RM6 bilion. Jadi kesannya, kalau kita lihat daripada segi ekonomi, sudah tentu kejatuhan minyak ini dia daripada segi *positive side of it*, banyak kita punya industri ataupun *manufacturing industry* yang menggunakan bahan-bahan minyak ini, ia akan mendapat *benefit* kerana kos untuk mereka membuat operasi syarikat mereka daripada segi *manufacturing* dan sebagainya akan berkurangan kerana harga minyak jatuh.

Yang kedua, daripada segi pengangkutan juga kalau kita nampak dia akan secara individu kalau kita beli minyak juga akan jatuh. Akan tetapi kita tak nampak sebagai rakyat, kerana dalam masa yang sama kita punya *currency* juga jatuh. Jadi bila *currency* jatuh, jadi kalau ada barang-barang yang kita import dari luar negara untuk keperluan harian, untuk gunakan sebagai bahan mentah untuk *manufacture* dan diberi kepada kepenggunaan rakyat, maka ia punya impak satu jatuh, kesan dari positif, satu apabila *currency* jatuh, maka kesannya negatif.

Jadi sebab itu kita tak nampak dia punya impak. Walau bagaimanapun, daripada segi peningkatan ataupun kesan kepada kita punya KDNK ataupun GDP, kita tidak nampak begitu ketara kalau dibandingkan dengan negara-negara Timur Tengah. Negara-negara Timur Tengah, mereka terlalu bergantung pada hasil minyak. Semacam kita negara Malaysia, pada tahun 2014, minyak sumbangan kepada pendapatan negara cuma lebih kurang dalam 30 peratus. Kemudian pada tahun 2015, ia telah jatuh kepada 19 peratus dan Bajet 2016 ini kita cuma anggarkan cuma 14 peratus. Kalau kita tengok di negara-negara Timur Tengah seperti Arab Saudi, bila jatuh harga minyak yang begitu mendadak, mereka mempunyai defisit yang begitu besar iaitu 26 peratus.

Negara kita walaupun jatuh begitu banyak tetapi kita tak nampak dia punya defisit yang begitu besar. Kita masih dapat kekalkan 3 peratus kerana ekonomi kita telah *diversified* iaitu kita tidak lagi bergantung setumpunya kepada minyak tetapi kita ada *diversified economy* iaitu kita punya *service sector* 54 peratus daripada GDP, kemudian kita punya *manufacturing* lebih kurang dalam 23 peratus daripada kita punya GDP, kemudian kita punya *mining, oil and gas* cuma *nine percent*, kemudian kita punya *agriculture* lebih kurang 8.8 peratus dan kita punya *construction* lebih kurang dalam 4 peratus. Jadi kita punya ekonomi ini *diversified*. Bila *diversified*, kesan kejatuhan itu tak berapa dirasakan daripada segi GDP kita. Terima kasih.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada jawapan yang telah diberikan. Cuma ada sikit lagi soalan yang saya tulis itu tidak terjawab.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Saya lupa.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Okey, sila.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Daripada segi kesan kejatuhan ini kepada pekerjaan, kalau kita tengok daripada segi *mining sector* di mana *oil and gas* termasuk dalam *mining sector*.

■1130

Mining sector kita ini ia menggunakan tenaga kerja hampir 103,000 orang. Setakat hari ini laporan yang kita terima, daripada 103,000 itu 90 peratus terdiri daripada industri *oil and gas*. Jadi, apa yang kita nampak, setakat hari ini 893 orang pekerja diberhentikan dalam industri *oil and gas*, tidak begitu drastik. Ini termasuklah banyak industri *oil and gas* macam *Shell* atau *Esso* dan juga multinasional juga yang terlibat di dalam negara kita juga memberhentikan pekerja tetapi jumlahnya cuma 893 dan 103,000 itu 90 peratus adalah *oil and gas*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Setakat itu sahajalah soalan-soalan lisan kita pada hari ini. Saya ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat. Pertama, saya minta semua Ahli Yang Berhormat kemukakan nama-nama yang hendak turut berbahas dalam Titah Diraja kerana kita hanya hari ini dan esok sahaja. Beri nama-nama supaya senang saya membuat percaturan masa.

Kedua, ada beberapa orang, ramai Ahli Yang Berhormat yang baru saya dapati belum pernah langsung berbahas dalam Dewan ini. Ambil peluang, biasakan, saya ada tiga nama yang saya fikir, Puan Hajjah Norahan binti Abu Bakar kemukakan, Encik Isa bin Ab. Hamid yang baru sahaja angkat sumpah, elok agaknya mulakan dan ketiga, Dato' Chai Kim Sen. Mereka nampaknya tidak ada bagi nama dan kalau boleh beri nama, senang saya hendak buat percaturan masa.

Ketiga, saya menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat. Mengikut perlembagaan kita sama ada semua Ahli Parlimen, termasuk Ahli Dewan Negara, mestilah hendak hadir di persidangan Dewan dan tidak lebih daripada enam bulan. Kalau dalam tempoh enam bulan tidak memberi sebab kenapa tidak boleh hadir dan sebagainya, secara automatik ia akan terbatal ahlinya. Saya hendak beritahu semua Ahli Yang Berhormat, ada saya perhatikan, saya harap tolong beritahulah, kalau dia sakit maklumkan sahaja, tidak ada masalah.

Kalau datang satu hari pun cukuplah dalam satu persidangan tetapi kalau sekiranya terus tidak datang, menyepi dalam tempoh enam bulan, secara automatik akan terbatal keahliannya. Saya ingin menarik perhatian ini kepada semua Ahli Yang Berhormat. Itu sahajalah yang saya hendak ambil perhatian Yang Berhormat. Sekarang Timbalan Yang di-Pertua saya ambil alihlah.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat.]

USUL**MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan pada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Tuanku semasa membuka Penggal Keempat, Parlimen Yang Ketiga Belas.” **[19 April 2016]**

Tuan Yang di-Pertua: Mengikut senarai yang kita ada, Yang Berhormat Dato’ Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh menyambung ya. Selepas itu kita ada 11 nama, mengikut nama dekat sini saya telah terima. Saya harap jangan pulang, jangan tidak hadir dalam Dewan apabila kita panggil. Sekian, terima kasih.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

Timbalan Yang di-Pertua: *Bismillahir Rahmanir Rahim.*

11.34 pg.

Dato’ Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh: Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua yang memberi peluang kepada saya menyambung perbahasan saya mengenai Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya semalam telah bermula dengan sebuah pantun. Sebelum saya memulakan ucapan saya, izinkan saya merakamkan tahniah, setinggi-tinggi tahniah daripada saya kepada Tuan Yang di-Pertua atas pemilihan dan pelantikan Tuan Yang di-Pertua sebagai Timbalan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato’ Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh: Oleh sebab Tuan Yang di-Pertua semalam banyak berpantun, saya pun hendak mula sekali lagi dengan satu pantun.

*Berdiri megah Tugu Negara,
Tiada tandingan teguh di persada,
Salam diberi mula bicara,
Hajatku ingin berkongsi minda.*

Saya juga telah menghadiri satu jamuan di mana Parti MIC telah memberi penghargaan kepada tokoh-tokoh politik veteran. Kebanyakan mereka yang telah hadir ke jamuan ini ahli-ahli politik yang telah berjuang bersama-sama dengan UMNO, MCA untuk kemerdekaan Malaysia. Apabila saya bertemu dan berbual dengan tokoh-tokoh politik veteran ini, mereka suka menceritakan bagaimana rapatnya dan persahabatan ketat antara kaum, di mana semua telah bekerjasama untuk mencapai kemerdekaan.

Saya dilahirkan pada tahun 1962, lima tahun selepas merdeka. Memanglah muda. Saya tidak mempunyai peluang untuk menyaksikan dan mengalami kegembiraan rakyat negara kita semasa kemerdekaan. Walau bagaimanapun, bapa saya yang berasal daripada Gurun, Kedah selalu suka menceritakan bagaimana beliau, ibu saya dan adik-beradik mendengar radio besar yang lama dahulu itu dan berapa bangganya mereka di kampung mendengar laungan "*Merdeka, Merdeka, Merdeka*", oleh putera dari negeri Kedah, Perdana Menteri pertama Malaysia.

Saya masih juga ingat bagaimana di kampung saya pada tahun 70-an, tidak kiralah apa-apa bangsa, semua akan datang ke kawasan hospital di mana saya tinggal. Ini sebab kita ada satu kaca TV yang hitam putih lama itu, semua akan datang pada pagi 31 Ogos menyaksikan perarakan kemerdekaan. Kita pada hari kemerdekaan berasa begitu bangga sebagai seorang rakyat Malaysia dan mempunyai kasih sayang yang sungguh kuat dan tulen untuk negara Malaysia yang kita cintai.

Hari ini selepas 59 tahun kemerdekaan, negara Malaysia yang kita cintai sudah mempunyai 30 juta orang penduduk. Saya tidak begitu yakin dan menyoal kepada diri saya, adakah kasih sayang yang dipraktikkan oleh semua orang-orang Malaysia semasa kemerdekaan, semasa tahun 70-an masih kekal sehingga hari ini? Kadang-kadang saya membaca akhbar dan berita-berita dalam internet yang membawa banyak tekanan, *a lot of pressure*, dengan izin, kepada persahabatan kaum yang kita telah wujudkan sebelum merdeka, kesejahteraan dan keselamatan rakyat negara dan institusi kerajaan.

Saya berasa begitu sedih kerana perkara-perkara ini hanya membawa keburukan kepada negara yang kita cintai ini dan tidak mempunyai apa-apa impak positif yang boleh membawa kemakmuran atau kejayaan kepada rakyat Malaysia. Kita mencapai merdeka supaya Malaysia ini untuk orang Malaysia, diperintah oleh orang Malaysia, dibangunkan oleh orang Malaysia. Setiap rakyat Malaysia tidak kira kaum mesti mempunyai peluang yang sama untuk menjayakan diri mereka dan juga dapat menikmati arus pembangunan negara kita. Setiap kaum tidak kira sama ada di bandar, di kampung, di Semenanjung Malaysia, di Sabah atau Sarawak ataupun di mana-mana penjuru. Mesti diberikan hak yang sama untuk mempraktikkan kepercayaan mereka dan penghormatan kepada agama dan adat masing-masing.

Setiap anak tidak kira di mana tempat, sama ada di kawasan pedalaman, Sabah Sarawak atau Orang Asli mesti diberikan akses yang sama kepada pendidikan. Di mana sekolah yang didirikan untuk mereka dan taraf guru untuk memberi pendidikan kepada mereka mestilah mempunyai kualiti yang sama. Arus pembangunan mestilah sampai ke semua penjuru, kampung-kampung, di mana kemudahan asas patut diberikan kepada semua rakyat Malaysia.

■1140

Saya memang berasa begitu bangga dengan pencapaian negara kita sejak kemerdekaan dari sebuah negara yang bergantung kepada industri pertanian asas, kita telah membawa negara kita jadi negara pembuatan dan perkhidmatan. Sekarang Malaysia adalah dalam hala tuju menjadi sebuah negara pembuatan teknologi tinggi dan perkhidmatan yang menggunakan teknik-teknik yang moden. Malaysia memanglah sebuah negara yang unggul, dengan izin, *Malaysia is really a great country*. Akan tetapi kita mempunyai banyak ruang untuk diisikan. Ada banyak isu yang perlu diselesaikan.

Saya apabila melawat banyak tempat dan berbual dengan sekelompok rakyat sama ada di bandar atau di kampung, mendapati kasih sayang kepada negara satu elemen yang telah hilang ataupun berkurangan.

Bukan sahaja kasih sayang ini berkurangan di kalangan orang ramai, kasih sayang Malaysia untuk orang Malaysia juga kehilangan di kalangan syarikat-syarikat korporat Malaysia, kehilangan di antara orang-orang yang membuat perniagaan, kehilangan di syarikat-syarikat GLC.

Saya juga dapati kasih sayang ini tidak diambil kira kadang-kadang dalam polisi-polisi kerajaan dan apabila kita membuat polisi seperti ini kita dapati banyak kumpulan daripada rakyat biasa telah memberikan *feedback* yang tidak begitu bagus. Daripada segi politik, banyak perkara yang telah dihebohkan oleh pelbagai kumpulan termasuk pembangkang. Penghebohan ini bukanlah bermatlamat untuk membawa kebaikan kepada negara atau membawa Malaysia ke tahap yang lain daripada segi pencapaian. Penghebohan ini dibuat untuk memecahkan persahabatan di antara semua, membawa perasaan hasad dengki kepada institusi kerajaan dan hanya hendak mengelirukan rakyat mengenai masa hadapan mereka.

Saya berasa pada tahun lalu terdapat banyak isu yang begitu mencabar bagi negara kita di mana banyak kumpulan termasuk pihak pembangkang menyatakan negara kita ekonomi akan merosot dan mungkin kita akan bankrap dan macam-macam cerita yang lain. Walau bagaimanapun, kita mesti membuat keputusan ataupun kesimpulan mengikut fakta yang sedia ada dengan menggunakan indikator-indikator yang diterbitkan oleh agensi-agensinya yang berkenamaan.

Semua indikator menunjukkan bawah Malaysia ini ditadbirkan oleh sebuah kerajaan yang bertanggungjawab. Kita dapat lihat bahawa mata wang kita dalam kebelakangan ini telah meningkat, telah kukuh sehingga RM3.86 pertukarannya dengan *US Dollar* pada 14 April iaitu lebih kurang 11 peratus lebih kukuh, ekonomi pun masih bertumbuh dengan peraturan lebih dari 4 peratus dan kita dapat banyak pelabur asing. Jadi ini menunjukkan negara kita ditadbir dan ekonomi kita masih *robust*, dengan izin. Untuk kita memajukan Malaysia pertubuhan ekonomi memanglah penting, tetapi kita juga harus mengkaji balik ataupun, dengan izin, *let's go back to the drawing board*. Kita sepatutnya melihat bagaimana kita boleh membawa balik perasaan kasih sayang kepada negara di antara rakyat Malaysia dan apakah isu-isu semasa yang patut kerajaan meneliti semula untuk menunjukkan bahawa kita memberi keutamaan kepada rakyat.

Satu, kita harus mengkaji balik kegunaan tenaga kerja. Negara kita telah pun bertukar dari sebuah negara pada mulanya asas pertanian kepada negara pembuatan dan sekarang menerajui negara perkhidmatan. Saya setuju bahawa pada satu masa dahulu apabila bilangan penduduk negara kita kecil negara kita telah bergantung untuk membawa pekerja-pekerja asing untuk pembangunan supaya pembangunan dapat diteruskan. Hari ini populasi Malaysia sudah sampai ke tahap 30 juta orang dan ramai daripadanya orang-orang muda.

Keadaan kegunaan pekerja asing sudah menjadi satu keadaan yang terlampau. Industri pertanian, pembinaan, pembuatan, perkhidmatan semua bergantung banyak sekali kepada pekerja asing dan tidak mahu cari bagaimana orang Malaysia boleh mengambil alih kerja-kerja ini. Majikan selalu memberi alasan bahawa kerja-kerja 3D iaitu dengan izin, "*Difficult, Dirty and Dangerous*" tidak diminati oleh rakyat Malaysia.

Minggu lalu apabila saya berjumpa dengan Presiden MSM dan Setiausaha, Yang Berhormat Tan Sri Rahim dan Yang Berhormat Datuk Hajah Marianny di KLGCC, saya dapati pekerja-pekerja di kelab *Kuala Lumpur Golf Country Club* pun dari Indonesia. Tempat itu *air-cond*. Saya tidak tahu sama ada *difficult*, ataupun kotor dan bahaya tetapi dia memang menghidangkan kita mi rebus. Selepas itu pergi ke *supermarket, Bangsar Shopping Centre, Jaya Grocer*, semua tempat yang *berair-cond* dan cantik, semua pekerja pun dari Filipina.

Apabila kita balik dari KLIA orang pertama kita jumpa apabila hendak ambil beg, hendak ambil beg ini, saya tidak tahu dia Nepal kah, Bangladesh kah tetapi apa yang saya tahu dia bukan orang Malaysia. Kalau kerja itu dia sanggup *dangerous, difficult* ataupun *dirty*, saya tidak tahulah mana kerja yang dianggapkan *clean*.

Sebab tempat itu memang bersih, sejuk hanya jaga beg keluar, saya tidak apa yang susah hendak *train* orang seperti ini.

Jadi apabila baru-baru ini kita mendengar kerajaan hendak bawa lagi tidak tahu berapa juta orang dari Bangladesh untuk pekerja ladang di kawasan Sarawak, memang kita dapat banyak *feedback* daripada orang ramai. Nasib baik kerajaan telah mengumumkan untuk mengkaji balik semula perkara ini. Saya rasa isu 3D ini di mana rakyat tidak minat, ini bukan sahaja satu isu yang negara kita hadapi, negara Australia, UK, negara Barat saya rasa semua negara pun menghadapi isu yang sama.

Akan tetapi kita tidak melihat, macam kita pergi Australia, apabila kita hendak ambil beg ini, saya tidak dapat lihat orang Asia atau orang luar buat kerja ini. Di United Kingdom pun apabila kita pergi ke Heathrow kita tidak nampak macam itu. Jadi saya rasa sudah tentu sudah ada *solution* dan kita mesti hendak membuat sesuatu, *we have to look deeper*, dengan izin, *we have to dig deeper to find a solution to this problem*. Kerajaan mesti mencari jalan untuk meningkatkan produktiviti dan memberi insentif dan juga *time frame*.

■1150

Kita mungkin bercakap, okey saya setuju kita belum buat modenasi lagi, tetapi mungkin kita bagi *time frame* satu, dua atau tiga tahun. Tidak boleh *time frame* dia 10 tahun, 20 tahun, sampai bila-bila *you* hendak bergantung kepada pekerja asing. Sudah tentu modenasi sama ada di restoran, KLIA, ladang atau kilang, sudah tentu modenasi dan inovasi boleh menyelesaikan perkara ini. Akan tetapi kita janganlah cakap hal ini kita berhentikan, itu pun tidak bagus. Akan tetapi kita boleh bagi *time frame* satu, dua atau tiga tahun untuk menyelesaikan di mana kerja-kerja di Malaysia, keutamaan diberikan kepada rakyat Malaysia. Itu penting. Itu menunjukkan kasih sayang balik kepada orang-orang Malaysia untuk membuat kerja-kerja di Malaysia. Lebih banyak *research and development*, dengan izin, mesti disalurkan ke semua sektor untuk mencari jalan di mana teknologi boleh digunakan. Tidak boleh cakap teknologi tidak boleh sampai ladang kelapa sawit. Saya tidak percaya dengan itu.

Dengan cara ini, kerja-kerja di sektor ini boleh nampak lebih *attractive*, dia tidak *dirty*, dia tidak *difficult*. *It is using technology*, dengan izin, dan produktiviti boleh naik. Kalau produktiviti boleh naik, gaji pun boleh naik. Seorang itu, dia boleh baut kerja untuk lima orang. Gaji dia boleh naik dan rakyat Malaysia boleh melihat kerja-kerja ini, dia bukan kerja biasa tetapi kerja-kerja ini ada *career*, dengan izin.

Saya meminta keterangan daripada Kementerian Dalam Negeri, berapa banyakkannya pekerja-pekerja asing yang mempunyai permit yang berada di Malaysia dan dalam bidang apakah mereka bekerja. Apakah anggaran pekerja haram dalam negara kita? Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengurangkan kebergantungan kita kepada pekerja asing? Saya juga minta Kementerian Sumber Manusia memberi keterangan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk membuat kerja-kerja yang sekarang dipegang oleh pekerja asing supaya kerja-kerja ini boleh menjadi lebih *attractive* untuk orang Malaysia.

Kita baca dalam buku bajet itu bahawa Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi mempunyai berbagai-bagai geran untuk *research and development*, dengan izin. Saya rasa *research* dan *develop* ini mesti disalurkan untuk modenasi, untuk menyelesaikan perkara yang begitu teruk sudah di Malaysia ini iaitu pekerja terlalu banyak orang asing. Tidak payahlah kita hendak buat geran, saya pun tidak tahu untuk apa hendak buat satu *invention* yang tidak digunakan. Akan tetapi kita salurkan wang ini, kita cari proses dan satu inovasi di mana kerja-kerja yang banyak manual ini boleh dimodenasi supaya orang-orang Malaysia nampak kerja ini bagus. Geran-geran ini saya rasa kita salurkan, kita beri keutamaan kepada produktiviti.

Saya minta keterangan\ sama ada kerajaan telah *identify* atau memastikan sektor-sektor mana hendak diberikan keutamaan dan bagaimana hendak mencari jalan bagi sektor-sektor ini membawa modenasi dalam proses mereka.

Kita mesti mencari jalan untuk menggunakan inovasi dan mempunyai pelan jangka masa panjang untuk memastikan semua rakyat mempunyai peluang pekerjaan dan kerja-kerja ini satu karier. *Top priority*, dengan izin, kita mestilah untuk memastikan peluang-peluang pekerjaan untuk semua rakyat Malaysia.

Terdapat banyak graduan dan mereka yang keluar daripada kolej susah mendapat kerja, kenapakah? Nombor satu, tidak mencukupi *skill*. Walaupun masuk kolej ini tetapi dia keluar, dia pun tidak tahu apa dia belajar dua, tiga tahun sana, masih di tahap yang sama. Nombor dua, dia kurang dalam bidang komunikasi. Tidak boleh tulis surat, hendak cakap tidak boleh, hendak *communicate* tidak boleh. Satu program *re-training* mesti diwujudkan dan program ini mesti diadakan bersama-sama dengan *industry collaboration*, dengan izin.

Ada yang telah belajar bidang teknologi tetapi bila keluar, mereka kerja sebagai setiausaha kerja. Saya rasa sudah tibanya masa untuk kita lihat kembali apa yang *lacking*, dengan izin, bila anak-anak muda kita keluar daripada institusi pengajian tinggi. Kita perlukan pelan yang lebih holistik. Saya minta keterangan daripada Kementerian Pendidikan Tinggi, berapa banyakkah graduan yang keluar daripada IPTA dan IPTS setiap tahun? Apakah peratusan yang dapat kerja dan sama ada kita ada mekanisme untuk monitor benda ini sekarang?

Saya juga minta Kementerian Sumber Manusia memberi keterangan sama ada kita mempunyai program untuk membantu mereka yang masih lemah, termasuk program untuk memperkasakan bidang ataupun komunikasi, dia punya *communication skill* terutamanya dalam bahasa Inggeris. Saya juga mencadangkan kita gunakan satu program, program ini memang terdapat di USA, di tempat-tempat lain. Program yang saya cadangkan ini program *internship*, di mana kerajaan bekerjasama dengan pihak swasta. Kita boleh menamakan program ini *1Malaysia Internship*, di mana graduan-graduan yang keluar ini terus boleh dapat bekerja sebagai *intern*, dengan izin, untuk setahun.

Saya juga berfikir di kawasan-kawasan seperti *Klang Valley*, kita memberikan satu fasiliti penginapan, hostel *internship* di mana mereka bukan sahaja boleh dapat bekerja sebagai *intern* untuk satu tahun, tetapi boleh duduk dalam sebuah kawasan yang selamat dan tidak mahal. Di sana kita boleh adakan lebih banyak *re-training*. Kalau dia tidak fasih bahasa Inggeris atau tidak pandai buat *presentation*, tempat itu sebab kita duduk sekali, waktu malam atau hujung minggu ada program-program untuk meningkatkan *skill* budak-budak ini. Kita mesti lihat kepada ini untuk memajukan anak-anak muda kita yang ketinggalan.

Pendidikan satu perkara yang menyentuhi semua hati ibu bapa. Setiap ibu bapa mahu pendidikan paling cukup dan bagus untuk anak mereka. Walaupun kita mempunyai pelan-pelan untuk memastikan pendidikan yang bertaraf tinggi, masih terdapat banyak perbezaan di antara sekolah-sekolah di kawasan bandar dan di kawasan luar bandar. Setiap anak Malaysia perlulah mendapat pendidikan yang saksama, di mana akses kepada pendidikan mestilah sama rata di seluruh negara. Akses ini bukan sahaja terhadap infrastruktur sekolah, mereka juga perlu mempunyai akses kepada guru-guru yang dapat menyampaikan pelajaran yang berkualiti tinggi. Itulah saya rasa satu masalah yang paling besar.

Saya minta penjelasan daripada Kementerian Pendidikan, berapa banyakkah guru-guru yang bekerja bersama-sama dengan Kementerian Pendidikan dan adakah bilangan ini dan kualifikasi serta kualiti guru ini cukup untuk memberi pengajian yang bermutu tinggi kepada murid-murid? Apakah jurang antara pencapaian sekolah-sekolah bandar dan sekolah luar bandar dan juga sekolah-sekolah di kawasan dalaman Sabah dan Sarawak? Jika ada jurang ini, bolehkah kementerian memberi keterangan ataupun sudahkah kementerian mengkaji apakah sebab-sebab jurang ini?

■1200

Dunia yang kita berada sekarang ini sudah tidak mempunyai sempadan. Apa-apa dinding yang dibina di antara negara telah pun dirobohkan. Begitu banyak cara baru dan perjanjian-perjanjian perdagangan di antara negara untuk memfasilitasikan perniagaan telah ditandatangani. Baru-baru ini, negara kita telah menandatangani satu lagi perjanjian iaitu perjanjian TPPA.

Masa depan negara kita sangat bergantung pada kualiti insan kita ataupun, dengan izin, *human capital*. Kebolehan mereka untuk berdagang, kebolehan mereka untuk menyampaikan ataupun *deliver*, dengan izin, adalah sungguh penting. Pergerakan antara sempadan ataupun mobiliti akan menjadi unsur yang paling penting pada tahun 2020 dan ke atas.

Bila kita pergi ke sempadan lain, Singapura, kita pergi ke US, kita pergi ke tempat lain mencari kerja, mencari peluang membuat *business*, bahasa Inggeris akan memainkan peranan penting untuk memfasilitasikan pergerakan orang ramai dan ia akan memainkan peranan yang penting untuk perniagaan dan pekerjaan tanpa sempadan.

Dengan mengambil kira peranan bahasa Inggeris, saya ingin meminta Kementerian Pendidikan memberi keterangan, apa status kefasihan bahasa Inggeris kanak-kanak kita, anak-anak muda kita dan langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan taraf kefasihan bahasa ini? Ini kerana pada saya, untuk negara kita *to remain competitive*, dengan izin, dengan semua perjanjian yang kita buat ini- kita cakap perjanjian ini bagus, orang boleh *mai* sini, kita boleh *pi* sana. Kalau kita nak *pi* sana, kita tidak tahu hendak buat *business* dengan *depa* itu, tak fasih dalam bahasa mereka, peluang kita tidak seperti peluang orang yang datang ke sini. Jadi saya minta keterangan daripada Kementerian Pendidikan mengenai perkara ini.

Ada perbezaan yang besar di antara universiti di negara kita dan universiti yang terkenal dan berjaya. Skop kebanyakan universiti tempatan hanyalah dalam bidang pelajaran untuk mendapat sehelai diploma ataupun ijazah. Universiti sepatutnya tempat untuk *the building of human capital*, dengan izin. Pelajar-pelajar sepatutnya bukan sahaja diberi pengajian tinggi tetapi juga *exposure*, dengan izin, untuk menceburi dan membina *entrepreneur skills*, dengan izin. Mereka mesti diberi galakan bekerja sambilan dan universiti-universiti cuba menjadi satu *centre of incubation and innovation*, dengan izin. Program untuk menggalakkan inovasi seperti menjadi seorang *YouTuber*, dengan izin, ataupun membina *smart application*, dengan izin, mesti diberi tumpuan. Syarikat swasta mesti diberi galakan untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar untuk bekerja sambilan.

Saya minta keterangan daripada Kementerian Pendidikan Tinggi, bagaimana universiti tempatan mempraktikkan inovasi dan pembinaan skil *entrepreneur*, dengan izin, ketika ini dan berapa banyakkah universiti yang mempunyai *incubation centre*, dengan izin, untuk pelajar-pelajarnya? Salah satu cabaran besar bagi ibu bapa ialah kos pengajian tinggi untuk anak mereka. Saya hendak ucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah menyediakan pinjaman melalui PTPTN yang telah banyak menolong ibu bapa di Malaysia. Walau bagaimanapun, saya meminta Kementerian Pendidikan Tinggi mengkaji balik polisi PTPTN dengan membuat sesuatu yang terbaik yang memberi dorongan untuk anak muda pergi- biar pergi ke tempat lain. Saya harap PTPTN boleh mengkaji isu-isu seperti ini.

Kos perubatan dan kos pergigian adalah sangat tinggi walaupun belajar di Malaysia. Anak-anak yang minat dan mempunyai kaliber yang tinggi terutamanya daripada keluarga B40 dan M40 mempunyai cabaran yang tinggi untuk membiayai kos ini. Pinjaman pun tak banyak iaitu RM180,000 tapi kos sebanyak RM400,000, RM500,000 ataupun RM600,000. *Gap* nya terlalu banyak. Jadi, dia tidak boleh bergantung kepada ibu bapa kerana ibu bapa pun tidak tahu mana mahu dapat wang yang lebih itu. Akhir sekali, mereka terpaksa gadai rumah, harta yang lain ataupun pinjam daripada ah long.

Kalau macam itu, walaupun anaknya menjadi doktor tetapi saya rasa *we are back to square one*. Anak jadi doktor, keluarga jadi bankrap. Jadi, bukan kita menaikkan taraf mereka, sebaliknya mereka menjadi lebih susah. Mereka pula merasa dengki dengan kerajaan walaupun dapat pinjaman. Jadi daripada sesuatu yang positif, mereka pula mempunyai persepsi negatif ke atas kerajaan.

PTPTN juga mesti mengkaji bagaimana agensi itu boleh memberi pinjaman kepada anak-anak muda yang minat belajar di luar negara. Ada ramai yang ingin mengikuti kursus perubatan dan pergigian mendapati kalau belajar di Indonesia, di institusi yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia, kosnya lebih murah, RM150,000 hingga RM190,000 tetapi tidak boleh mendapat pinjaman daripada PTPTN. Saya berpendapat mereka ini pun anak Malaysia, kita mesti mahu ada kasih sayang kepada mereka dan mereka juga perlu diberi bantuan pinjaman PTPTN. Anak-anak muda Malaysia yang lain itu yang dapat masuk ke universiti yang terkenal di luar negara, yang itu pun mereka tidak boleh mendapat pinjaman daripada PTPTN. Jadi, ini semua kita mesti nak mengkaji balik.

Di bidang profesional terutamanya akaun, seorang anak muda boleh memilih untuk menjadi seorang akauntan dengan dua cara. Satu, mereka boleh masuk universiti ataupun mengambil kursus profesional di institusi pelajaran seperti Sunway. Saya rasa kedua-dua kursus profesional ini pun banyak diminati tetapi buat ketika ini, saya dapati PTPTN tidak memberi bantuan kepada mereka.

Saya harap PTPTN dapat mengkaji semula bagaimana agensi ini dapat memberi bantuan kepada mereka yang ingin mengambil kursus ini. Saya mintalah keterangan daripada Kementerian Pendidikan Tinggi, sama ada PTPTN sedang mengkaji hal-hal ini dan apakah strategi *long-term* mereka tentang perkara-perkara ini?

Saya juga ingin menyentuh sedikit tentang toleransi antara kaum. Baru-baru ini, ada seorang pensyarah dari Mumbai bernama Zakir Naik telah dijemput ke Malaysia untuk memberi ceramah di beberapa buah tempat. Zakir Naik ini memang seorang pensyarah, dia pun memang terkenal tetapi juga *very controversial*, dengan izin, dan beliau juga tidak dibenarkan masuk ke beberapa buah negara. Apabila beliau ada di Malaysia memberi ceramah, saya rasa ceramah itu memang, *it is his right* nak bagi ceramah apa pun dia boleh bagi tetapi masalahnya bila dia telah menyentuh perkara-perkara yang sensitif bagi kaum India.

■1210

Saya rasa kalau dalam bahasa Inggeris, dengan izin, *is uncalled for and unnecessary*. Saya berpendapat antara ciri yang paling penting di Malaysia ini ialah menghormati satu sama lain sama ada agama kah, adat kah, bahasa. Kita menghormati satu sama lain. Jadi bila orang asing datang ke Malaysia, dia tak faham konsep Malaysia ini. Konsep yang kita ada sejak kemerdekaan, dia tak faham. Dia datang, dia orang asing. Dia buat sesuatu untuk popularkan diri dia depan 5,000 orang itu, dia tengok- wah dia ini berani, betul, bagus. *Wrong perception* dihantar kepada orang muda. *Hatred*.

Orang India pula marah. Dia naik kapal terbang, dia balik. Dia ambil wang dia, apa dia, dia boleh pergi ambil dan balik ke Mumbai tetapi di sini, kita hadapi masalah. Dia hendak cakap tentang apa *as long as it doesn't touch what we believe in*, penghormatan antara satu sama lain. Dia boleh cakap, kita tak marah. Walaupun tak boleh pergi UK, tak boleh pergi untuk datang Malaysia, tak apa tetapi *stick to your subject matter*, dengan izin.

Jadi, saya hendak tahu. Saya dengar KDN pun ada masuk campur dan membuat sesuatu. Saya hendak ucapkan terima kasihlah kepada IGP tetapi *I think* lebih penting kita *cure disease* itu sebelum jadi *disease*. *Prevention is better than cure*. Jadi saya mintalah keterangan daripada KDN, apa cara memantau seorang asing datang ke Malaysia, tak kiralah dia hendak cakap tentang agama kah, sama ada agama lain kah ataupun apa, dia hendak cakap tentang politik kah, apa pemantauan. Adakah kita memberi dia permit untuk datang membuat ceramah dan adakah kita dapat dia punya *content* dulu sebelum kita memberi permit. Saya rasa ini sungguh penting, Tuan Yang di-Pertua. *No point* dia dah datang, cakap, dia balik. Kita ahli politik ini memikul beban untuk *repair* balik benda-benda ini.

Bulan ini satu bulan yang sangat penting dan bermakna bagi golongan masyarakat India berketurunan Tamil, Telegu, Malayali, Sikh dan juga masyarakat yang duduk sebelah saya ini. Sebelum saya cakap, dia dah tengok belakang dah. *That means he is listening*, bagus ini. Dia tak tidur [*Ketawa*] Masyarakat Siam.

Pada 8 April, masyarakat Telegu telah meraikan tahun barunya Ugadi. Masyarakat Tamil, Malayali meraikan tahun barunya Chittirai Putthandu dan Vishnu pada 14 April. Masyarakat Siam, Songkran pada 13 April dan masyarakat saya, kaum Sikh menyambut Vaisakhi pada 14 April. Walaupun terlambat sedikit, saya hendak mengucapkanlah selamat tahun baru, selamat Vishnu, selamat Ugadi, Putthandu Vaalthukal dan selamat Vaisakhi, selamat Songkran kepada Senator Datuk Seri Boon Som.

Vaisakhi satu perayaan yang begitu bermakna bagi kaum Sikh di seluruh dunia. Pada tahun 1699, pada hari Vaisakhi lahirnya Khalsa dan ini telah dibuat oleh guru yang kesepuluh kami, Guru Gobind Singh. Kaum Sikh adalah satu kaum yang sungguh taat setia kepada negara. Di negara kita Malaysia Tuan Yang di-Pertua, kaum Sikh telah memainkan peranan yang besar, berjuang bersama-sama dengan Rejimen Askar Melayu menentang orang-orang Jepun semasa Perang Dunia Kedua. Ada banyak dia punya cerita dan banyak buku menceritakan bagaimana kaum Sikh telah berdiri tegak, berjuang, tak *give up until the last breath*, dengan izin, dengan askar-askar Melayu.

Kaum Sikh satu kaum minoriti di Malaysia dengan jumlah lebih kurang 80,000 orang penduduk di Malaysia. Walaupun bilangan kita tidak besar, kita juga mempunyai cabaran-cabaran seperti bahasa Punjabi, pengurusan lebih daripada 110 Gurdwara di Malaysia dan lain-lain isu. Masyarakat kami nak ucapkan terima kasih kepada Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Zahid 'Ibrahim' yang telah pun melawat...

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi.

Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh: *Slip of the tongue is only mistake of the tongue*, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Tak apa, dimaafkan.

Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh: Minta maaf. Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi telah melawat Gurdwara Sentul dan beliau telah memberi sumbangan sebanyak RM400,000. Datuk Boon Som dengar, dia pun hendak minta ini sekarang [*Ketawa*] Walau bagaimanapun, kaum Sikh perlukan satu sistem bantuan jangka masa panjang yang lebih efektif. Ketika ini kita harapkan bantuan *ad hoc*. Saya tiap-tiap kali bila membuat ucapan dalam bulan April meminta sama, tahun ini pun saya akan minta balik iaitu saya meminta Perdana Menteri meluluskan peruntukan sebanyak RM10 juta untuk masyarakat Sikh tiap-tiap tahun. Saya percaya jumlah ini akan dapat menyelesaikan banyak masalah kaum Sikh.

Saya tahun Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri ada di belakang sana itu. Saya harap beliau mendengar ucapan saya. Saya hendak mengakhiri dengan mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Abu Zahar, Tuan Yang di-Pertua kita ini, dah berkenalan lima tahun sekarang.

Tuan Yang di-Pertua Tan Sri, memanglah telah memberi banyak *advice* dan *guidance* kepada saya. Bila saya mula dulu, saya kena baca dengan kertas kerana takut hendak berucap tetapi dia panggil saya dalam bilik, dia bercakap, Jaspal, perlahan-lahan. *You can make it, you can speak well, don't worry*. Dia bagi banyak dorongan. Saya rasa dorongan ini telah memberi saya banyak pengalaman di Dewan ini dan juga Tuan Yang di-Pertua Tan Sri ini untuk saya, begitu *instrumental* sebab Tan Sri telah memainkan peranan yang begitu penting untuk saya berdiri sekali lagi di Dewan ini, masuk Dewan ini bagi penggal kedua. Jadi untuk Tan Sri, saya hendak buat satu pantun. *Simple* pantun dan semua orang tahu pantun ini tetapi *it's from my heart*.

*Dua tiga kucing berlari,
Mana hendak sama si kucing belang,
Dua tiga sudah ku temui,
Mana hendak sama Tan Sri Abu Zahar seorang... [Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, baik.

Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh: *From the bottom of my heart, I am wishing the best, good health and I hope to see him again*. Itu sahaja. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dengan ini, saya menyokong Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik. Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh dan saya sekarang minta pula saudara Yang Berhormat Senator Datuk Seri Boon Som. Sila.

12.18 tgh.

Datuk Seri Boon Som A/L Inong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan usul menjunjung kasih atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Seri Boon Som A/L Inong: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Senator Datuk Seri Halim Abd. Samad yang telah dilantik sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara baru-baru ini. Dengan pengalaman yang luas, beliau akan membawa dan menjana Dewan Negara ini yang menggantikan Datuk Seri Doris Sophia Brodie.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Seri Boon Som A/L Inong: Kepada Datuk Seri Doris Sophia, walaupun sudah tiada dalam Dewan ini, saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih atas khidmat bakti beliau kepada Dewan ini. Kita doakan semoga beliau berada dalam keadaan sihat sentiasa dan boleh terus memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara.

■1220

Saya ingin juga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak di atas putusan kepada masyarakat Siam sempena Hari Songkran, 13 April lalu. Terima kasih kasih juga kepada Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes kerana mengucapkan selamat Hari Songkran dan saya juga mengucapkan selamat Hari Vaisakhi kepada beliau. Sepanjang ingatan saya, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak Perdana Menteri pertama yang tidak pernah ketinggalan menyampaikan perutusan buat masyarakat Siam setiap kali menjelang Hari Songkran ini.

Sudah empat tahun berturut-turut beliau berbuat demikian bahkan saya dapati beliau turut membantu membuat perutusan yang sama ketika komuniti lain menyambut hari perayaan masing-masing. Ini merupakan satu penghormatan buat kami kaum minoriti, membuatkan kami berasa bahawa kami sentiasa dalam ingatan beliau. Ini membuktikan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak Perdana Menteri yang tidak pilih kasih, *colour blind*, dengan izin, melayani rakyatnya sama rata tanpa mengira bangsa dan agama mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sewaktu bertitah merasmikan sidang Parlimen pada 7 Mac lalu, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menyentuh pelbagai aspek berkaitan pembangunan negara. Tuanku turut menyentuh tentang sektor pertanian selain menyarankan supaya negara memperkukuhkan sektor agromakanan supaya keupayaannya ditingkatkan sehingga ke peringkat eksport. Tuanku turut menyarankan supaya daya saing sektor komoditi juga turut diperkukuhkan. Tuan Yang di-Pertua, salah satu komoditi terpenting di negara kita ialah getah. Setelah seratus tahun getah ditanam di negara ini dan menjadi kegiatan ekonomi membangunkan negara namun penoreh dan pekebun kecil getah masih kekal menjadi pengeluar serba daif, miskin dan terpinggir.

Hasil getah mereka dibeli di bawah kos pengeluaran. Kos pengeluaran penoreh dan pekebun kecil getah ketika ini dianggarkan antara RM2.80 hingga RM3.20 sekilogram tetapi getah sekerap hanya dapat dijual pada sekadar RM1.90 hingga RM2.50 sekilogram. Maknanya kegiatan mereka lebih banyak mendatangkan kerugian, daripada segi pelaburan ia bukanlah pelaburan yang bijak kerana tidak menguntungkan. Selain getah sekerap, satu lagi produk yang mendapat permintaan tinggi pada masa ini kayu getah bergergaji. Kayu ini ialah kayu yang diperolehi daripada pokok getah matang yang berusia 15 tahun lebih. Pada usia ini, pokok getah itu sudah boleh ditebang dan ditanam semula.

Permintaan dunia untuk kayu getah ini dilaporkan sebanyak 600,000 meter padu setahun. Kayu getah ini menjadi bahan penilaian utama dalam industri perabot dan pembinaan. Antara negara yang mengeluarkan kayu getah ketika ini adalah Malaysia, Thailand, Vietnam dan Kemboja. Malangnya, ketika negara jiran kita berkejaran untuk memenuhi permintaan kayu getah bergergaji ini, negara kita pula mengenakan kuota sekatan eksport ke atas bahan itu. Sekatan itu dipercayai ada kaitan dengan kehendak tauke-tauke perabot yang mahu supaya harga bahan mentah industri mereka kekal murah dengan itu, mereka dapat menjana keuntungan yang maksimum.

Oleh sebab itu kita lihat harga kayu getah di ladang-ladang Thailand dilaporkan meningkat kepada RM25,000 hingga RM35,000 sehektar tetapi di Malaysia harga kayu getah kekal antara RM2,000 hingga RM7,000 sahaja sehektar. Bayangkan jika harga kayu getah di kebun getah negara kita sama dengan di Thailand, jika pekebun kecil pada empat hektar atau kira-kira 15 relung tanah pekebun bererti mereka boleh dapat sekurang-kurangnya RM100,000 daripada hasil jualan getah berkenaan.

Jika ada dua hektar atau 7.5 hektar pula, bererti mereka boleh dapat sekurang-kurangnya RM50,000. Akan tetapi ini hanya boleh dicapai jika kita menghapuskan kuota sekatan eksport terhadap kayu getah bergergaji. Ini hanya boleh dilakukan jika kita benar-benar serius mahu melakukan transformasi ke atas industri getah serta serius juga mahu mengubah kehidupan penoreh getah dan pekebun kecil getah.

Jadi orientasi penanaman getah di negara kita perlu berubah dan diubah kerana kepada pengeluar kayu getah bergergaji dengan itu getah sekerap boleh menjadi produk sampingan sementara menunggu pokok getah matang dan ditebang untuk dijual. Baru-baru ini saya telah berjumpa dengan pekebun kecil getah ini. Mereka juga meminta saya menyampaikan di Dewan ini bahawa bayaran tanam semula, kerajaan telah menarik balik hampir 23 peratus. Jadi mereka meminta supaya kerajaan mengkaji semula sebab masa sekarang ini kemarau di Kedah dan di Malaysia ini. Jadi masa tebang pokok getah masa yang sesuai. Ada sesetengah membuat permintaan untuk ditebang hampir setahun tetapi belum dapat lagi bayaran tanam semula. Jadi minta kerajaan kaji semula peruntukan itu.

Tuan Yang di-Pertua, Tuanku juga menyarankan supaya kerajaan terus meningkatkan kualiti hidup rakyat di luar bandar, masyarakat Orang Asli dan bumiputera, minoriti di Sabah dan Sarawak. Tuan Yang di-Pertua, apabila disebut tentang bumiputera, minoriti, saya berharap kerajaan tidak melupakan masyarakat minoriti Siam yang juga telah diterima oleh Perdana Menteri dan Kabinetnya sebagai bumiputera. Apabila kerajaan sejak zaman Tunku Abdul Rahman lagi menyatakan pengiktirafan terhadap masyarakat Siam sebagai bumiputera. Maka kami mengharapkan bahawa kami benar-benar dapat menikmati hak-hak sebagai bumiputera seperti yang dinikmati oleh rakan-rakan kami daripada kaum bumiputera yang lain.

Akan tetapi nampaknya, bukan itu yang terjadi kerana sehingga kini nampaknya masih banyak lagi jabatan dan agensi kerajaan yang mengatakan masyarakat Siam bukan bumiputera. Bilangan jabatan dan agensi kerajaan yang menerima masyarakat Siam sebagai bumiputera sebagaimana yang diputuskan oleh Kerajaan Persekutuan boleh dibilang dengan jari. Misalnya, Kementerian Pendidikan menerima pelajar Siam untuk masuk ke sekolah berasrama penuh, kolej matrikulasi dan Institut Pendidikan Guru (IPG) atau kapasiti mereka sebagai bumiputera, Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) dan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) menerima masyarakat Siam sebagai bumiputera. Masyarakat Siam boleh melabur di Amanah Saham Nasional dan Amanah Saham Bumiputera.

Selama ini saya sangka dasar itu dibuat atas kedudukan masyarakat Siam sebagai bumiputera, rupa-rupanya sangkaan itu salah. Pada 18 Disember tahun lalu, ketika saya menyertai lawatan Majlis Senator Malaysia ke Permodalan Nasional Berhad, saya terkejut apabila Presiden dan Ketua Eksekutifnya Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah bin Che Othman memberitahu masyarakat Siam selama ini boleh membeli Amanah Saham Nasional dan bumiputera atas kapasiti mereka sebagai masyarakat minoriti bukan kerana mereka diiktiraf sebagai bumiputera.

Masyarakat Siam berterima kasih kerana diberi peluang membeli saham-saham PNB walaupun atas kapasiti masyarakat minoriti tetapi tentulah tidak sama jika kami diiktiraf oleh PNB sebagai bumiputera seperti yang telah diputuskan oleh Perdana Menteri dan Kabinetnya. Universiti awam juga menerima pelajar-pelajar Siam kecuali Universiti Teknologi Mara. Naib Canselor UiTM yang lalu, bukan yang sekarang, ketika saya berjumpa dengan beliau mengatakan UiTM akan menerima pelajar Siam. Malangnya sehingga hari ini, persaraannya, seorang pelajar Siam pun tidak ada diterima masuk ke UiTM.

Pada 25 Mac lalu, saya ada program Destinasi Anak Bangsa anjuran UiTM di kediaman Menteri Besar Kedah di Alor Setar. Saya bertanya hal ini kepada pegawai yang hadir. Pegawai itu menyatakan, mereka telah merujuk pada Jabatan Pendaftaran Negara mengenai status bangsa Siam. Mereka diberitahu Jabatan Pendaftaran Negara tidak memasukkan bangsa Siam dalam senarai bumiputera. Keadaan yang sama juga berlaku di Perbendaharaan. Permohonan peniaga dan usahawan Siam untuk mendapatkan status bumiputera bagi perniagaan dan syarikat mereka ditolak atas alasan mereka bukan bumiputera. Padahal Menteri Kewangan menyatakan tidak ada halangan untuk tujuan berkenaan.

Di Majlis Amanah Rakyat iaitu MARA, ketua pengarah dan pegawai di ibu pejabat telah menerima dan melaksanakan arahan berkaitan kedudukan masyarakat Siam sebagai bumiputera dalam beberapa siri *engagement* yang kita lakukan tetapi masalah sebaliknya berlaku di pejabat MARA negeri dan daerah. Kenapakah berlaku demikian? Tuan Yang di-Pertua, saya teringat satu peristiwa yang berlaku pada tahun 1990-an, ketika saya bertugas sebagai wartawan agensi yang berkursus di Tehran pada tahun 1995. Saya dihantar mengikuti kursus selama dua minggu.

■1230

Hari terakhir Yang Berhormat Menteri Penerangan telah memberi kita cenderahati iaitu sehelai permaidani ataupun karpet kepada setiap peserta. Akan tetapi apabila sampai di *airport*, imigresen mengambil balik cenderahati itu. Jadi kita beritahu, kita tanya kenapa *you all* ambil balik? Akan tetapi mereka kata, "*We are working under spiritual leader. We have nothing to do with President*" masa itu. Jadi maknanya, adakah di Malaysia ini kita ada dua buah kerajaan? Satu di bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, satu lagi di bawah agensi pelaksanaan. Agaknya itulah keadaan yang dihadapi oleh masyarakat Siam sekarang.

Walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri-menterinya telah menerima dan mengiktiraf bahawa masyarakat Siam bumiputera tetapi ia seperti tidak ada makna apabila sampai di jabatan dan agensi pelaksanaan. Apabila orang ramai berkunjung di pejabat, jabatan dan agensi kerajaan hantar permohonan atas kapasiti mereka sebagai bumiputera, jabatan-jabatan dan agensi-agensi itu menolak permohonan berkenaan. Atas pelbagai alasan yang bermaksud bahawa masyarakat Siam bukan bumiputera. Kenapakah berlaku demikian? Adakah pegawai terbabit, jabatan dan agensi terbabit cuba memberitahu bahawa mereka bukan bekerja dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kerajaan pimpinannya, sebaliknya mereka bekerja dengan perkhidmatan awam.

Oleh itu walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri-menterinya telah memutuskan dasar menerima pengiktirafan masyarakat Siam bumiputera, keputusan dan dasar itu tidak terpakai dan tidak boleh dipakai kecuali jika ada arahan pekeliling hitam putih dalam perkhidmatan awam atau jabatan-jabatan dan agensi perkhidmatan awam.

Sudah lima tahun saya bawa isu ini ke Dewan Negara, saya hantar surat bertemu dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri-menteri dan ketua-ketua jabatan dan agensi pelaksanaan.

Akan tetapi sampai sekarang keadaannya masih sama. Saya pernah hantar surat kepada Ketua Setiausaha Negara mohon pertimbangan keluarkan pekeliling kepada semua kementerian, jabatan dan agensi kerajaan maklumkan tentang keputusan Kabinet mengenai masyarakat Siam bumiputera, namun pekeliling itu tidak pernah dikeluarkan sampai sekarang. Inilah yang saya katakan, adakah agensi di bawah jabatan kerajaan cuba memberitahu bahawa mereka bukan bekerja dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kerajaan pimpinannya sebaliknya mereka bekerja dengan perkhidmatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang saya bertanya kepada diri saya, apakah yang saya lakukan selama ini? Adakah selama ini saya berdrama atau bersandiwara dengan kaum yang saya wakili di Dewan Negara ini? Adakah selama ini saya berbohong dengan bahasa Kedah, "*Saya tak dak mohong lah*", kepada mereka mengenai status dan kedudukan masyarakat Siam sebagai bumiputera ini. Adakah selama ini hanya mempermainkan mereka? Sudah banyak soalan dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini, sudah banyak jawapan diberikan di dalam Dewan yang mulia ini tetapi apabila kita pergi ke jabatan dan agensi pelaksanaan lain pula ceritanya, mengapakah?

Nampaknya soalan dan jawapan itu hanya tinggal sekadar menjadi catatan sejarah dalam penyata rasmi Dewan Negara ini. Saya kemukakan perkara ini berdasarkan fakta bukan auta, berdasarkan sejarah bukan fakta yang direka-reka. Kita kini mempunyai Perdana Menteri keenam, kesemua enam Perdana Menteri menyatakan, kerajaan mereka menerima dan mengiktiraf masyarakat Siam sebagai bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, tahun ini ialah tahun terakhir saya di Dewan Negara ini, saya ada kira-kira lapan bulan lagi sebelum lantikan saya sebagai Ahli Dewan Negara yang mulia ini berakhir. Saya selalu bertanya, adakah saya akan mengakhiri tugas sebagai seorang yang gagal, gagal untuk menempatkan masyarakat Siam sebagai bumiputera.

Dalam erti kata sebenarnya, gagal untuk memastikan mereka menikmati hak-hak sebagai bumiputera sama seperti dinikmati oleh rakan bumiputera yang lain. Saya tidak pasti adakah ini boleh dicapai dalam tempoh lapan bulan ini. Saya rasa saya hampir-hampir gagal melaksanakan tugas dan tanggungjawab saya sebagai Senator mewakili masyarakat Siam.

Tuan Yang di-Pertua, pada 13 April yang lalu saya pernah mengusulkan di Dewan ini supaya kerajaan mempertimbangkan cuti tanpa rekod untuk penjawat awam keturunan Siam meraikan Hari Songkran bersama-sama keluarga dan sahabat handai. Ketika ini mereka terpaksa pohon cuti tahun jika sambutan Hari Songkran jatuh pada hari bekerja. Pada 21 April 2015, Yang Berhormat Dato' Seri Shahidan Kasim, Menteri di Jabatan Perdana Menteri di dalam Dewan ini mencadangkan supaya beliau bersetuju untuk diberikan cuti tanpa rekod dan minta saya menulis surat pada Jabatan Perkhidmatan Awam memohon supaya penjawat awam berketurunan Siam diberi cuti tanpa rekod untuk tujuan itu, sama seperti diberikan kepada rakyat keturunan Punjabi menyambut Hari Vaisakhi.

Jadi tahun lalu saya tulis surat kepada Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam tetapi tidak ada sebarang jawapan pun. Tahun ini saya cuba sekali lagi, saya SMS kepada Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam. Syukurilah pada 12 April lalu saya dapat jawabannya tetapi agak mengecewakan. Permohonan kami ditolak atas alasan sukar dipertimbangkan setelah melihat secara holistik dengan mengambil kira masyarakat pelbagai kaum yang kaya dengan keunikan budaya dan adat resam negara ini serta peraturan sedia ada yang berkuat kuasa. Oleh itu penjawat awam keturunan Siam boleh menggunakan permohonan cuti rehat atau cuti-cuti lain seperti cuti gantian untuk menyambut Hari Songkran ini. Saya bukan tanya jika Yang Berhormat Menteri telah kata cuti tanpa rehat, mengapa JPA sukar dipertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya teringat Titah Tuanku supaya transformasi perkhidmatan awam yang dilaksanakan hendaklah berpaksikan kepada rakyat meningkatkan produktiviti dan kecekapan.

Saya berharap seluruh jentera perkhidmatan awam menghayati pesanan Tuanku ini. Dalam Titah Tuanku juga, menyebut bahawa lebih 80 peratus perkhidmatan awam telah ditawarkan kerja secara dalam talian untuk meningkatkan kecekapan demi kemudahan rakyat. Saya merasakan ada beberapa *Little Napoleon* dalam perkhidmatan awam ini.

Untuk mengatasi perkara ini saya mencadangkan supaya seorang KSU, KP di semua jabatan dihadkan maksimum tiga tahun sahaja. KPI atau sasaran kerja pengurusan tertinggi disenaraikan secara dinamik iaitu setiap enam bulan ini termasuk KSU, KP dan setiausaha bahagian. Mewujudkan semula atau dijenamakan semula Program Transformasi Minda (PTM) dengan mewajibkan semua kakitangan awam lebih patriotik dan amanah kepada kerajaan yang mendapat mandat rakyat dan mewujudkan program *knowledge management* kepada penjawat awam ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita ucapan syabas dan tahniah atas pencapaian itu kepada penjawat awam. Dengan itu saya tertarik ucapan Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Haji Adenan Satem yang minta supaya istilah bangsa lain-lain yang terdapat dalam borang permohonan dan juga sistem talian kita diubah. Saya sokong kenyataan itu. Kita rakyat Malaysia, kita ada bermacam-macam etnik. Jadi masukkanlah semua etnik itu dengan kecanggihan teknologi, tidak ada sebab kita tidak boleh masukkan senarai bangsa itu di dalam borang-borang permohonan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Tuanku juga telah menitahkan supaya kita bersatu sayangi negara ini, menumpahkan taat setia yang tidak berbelah bahagi, mempertahankan dan melindunginya. Tuanku juga telah menitahkan supaya kita menghentikan amalan politik untuk kepentingan sempit kerana ia telah berlarutan sejak sekian lama dan menyebabkan rakyat dan kerajaan menjadi pecah belah. Memang benar apa yang Tuanku bertitah, kita sepatutnya beri contoh teladan yang baik kepada rakyat dengan saling bergandingan dengan melahirkan buah fikiran yang bermanfaat demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara.

Kita boleh berlainan pandangan tetapi bukan saling menjatuhkan, bermusuhan dan memfitnah. Ini kerana akhirnya perbuatan ini akan membuat negara kita ke arah kehancuran. Kita juga perlu bersikap adil dalam menilai dan menghukum seseorang. Janganlah kebencian kita terhadap seseorang menyebabkan kita melupakan dan menidakkan kebajikannya, seolah-olah tidak ada langsung kebaikan yang dilakukannya.

■1240

Inilah yang prinsip yang perlu kita pegang dalam kehidupan bernegara. Lebih-lebih lagi dalam konteks negara kita yang berbilang kaum dan agama. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat, apabila beliau menyatakan apabila perbezaan kaum dan agama tidak sepatutnya menyebabkan kita berpecah belah. Jadi, saya akan mengemukakan satu soalanlah kepada Dato' Dr. Johari bin Mat dan juga kepada Yang Berhormat Menteri. Kita sebagai *non-Muslim* atau bukan Islam, adakah kita layak untuk menyampaikan salam, "*Assalamualaikum*", ataupun menjawab "*Wassalamualaikum*."? Jadi saya tanya, saya tujukan kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat dan juga kepada Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Jadi, saya minta Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat menjawab. Sebab banyak yang tanya perkara ini.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terkejutlah Yang Berhormat Dato' Boon Som A/L Inong tanya saya sebab saya pun hendak jawab atas kapasiti apa? Saya tidak sebagai seorang mufti. Tidak ada apa-apa. Namun, saya rasa untuk berkongsi boleh. Berkongsi dalam persoalan yang telah ditimbulkan. Mengikut sedikit sebanyak pembacaan yang saya buat, saya dapati antara persoalan tadi saya ingin merujuk kepada pendapat Dr. Yusuf al-Qaradawi yang mengatakan bahawa kalau sekiranya *non-Muslim* memberi salam kepada orang Islam, maka orang Islam tidak ada halangan untuk menjawabnya. Ia berdasarkan kepada ayat... [Berucap dalam bahasa Arab] "*Apabila kamu diberi salam oleh satu pihak, maka jawablah salam itu yang setara dengannya atau dengan lebih baik*".

Jadi, dia berhujah, saya baca ulasannya. Dia berhujah, maka tidak ada apa-apa alasan yang kita kata orang Islam tidak boleh jawab salam kerana orang mendoakan kita. Tidak kira siapa yang mendoakan itu kita doa balik untuk dia. Jadi, dalam hubungan itu, menurut pendapat Dr. Yusuf al-Qaradawi, saya pegang Dr. Yusuf al-Qaradawi lah, ulama semasa yang masih hidup, dia mengatakan tidak ada halangan apa-apa. Namun, saya rasa juga dalam masyarakat kita ini timbul macam-macam persepsi sebenarnya. Di mana saya terdengar dan juga pengalaman saya di sini, ada orang mengatakan kalau *non-Muslim* beri salam kepada orang Islam, orang Islam tidak boleh jawab. Itu ramai persepsi macam itu tetapi sebenarnya kalau saya merujuk kepada pendapat Dr. Yusuf al-Qaradawi dan dengan hujah-hujah yang telah dibawa, maka saya lebih cenderung kepada semua orang.

Begitu juga, semasa Rasulullah hidup, apabila dia berjalan, ada kumpulan orang yang Islam pun ada, *non-Muslim* pun ada, di Madinah. Lalu Rasulullah memberi salam, "*Assalamualaikum*" untuk semua. "*Assalamualaikum*" ini boleh digunakan untuk semua orang sama ada *Muslim* dan juga *non-Muslim*, boleh diguna.

Oleh sebab itu kalau Islam, kalau saya perhatikan dalam Islam, ia tidak membezakan salam itu untuk orang Islam dan bukan *non-Muslim*. *Actually*, guna satu sahaja, "*Assalamualaikum*", tetapi dalam masyarakat kita di Malaysia ini sudah terjadi. "*Assalamualaikum*" untuk orang Islam dan salam sejahtera untuk *non-Muslim*.

Jadi, saya rasa itu perlu dilihat kembali kerana kita tidak mahu- kalau kita orang Islam nampaknya membeza-bezakan. Sebenarnya Islam itu sudah *syumul* untuk semua orang dan salam itu boleh diguna untuk siapa sahaja. Untuk Islam dan *non-Muslim*. Itu pandangan saya secara berperibadi tetapi boleh jadi Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri ada *authority* yang lebih baik ya Yang terhormat Dato' Boon, daripada saya. Terima kasih.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Boon Som A/L Inong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya pun mengamal benda yang sedemikian. Apabila orang Islam berdoa, saya tadahkan tangan sebab yang itu doa untuk kebaikan semua walaupun agama lain, mendoakan kita untuk kebaikan. Jadi, saya tadah tangan. Jadi, itulah satu kebaikan agama dan budaya masyarakat Malaysia ini berbilang kaum mewarnai keindahan Malaysia kita.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita berbeza kaum dan agama, kita ada Rukun Negara yang sepatutnya menjadi alat efektif yang menyatukan. Masihkah kita ingat akan prinsip-prinsip Rukun Negara? Kepercayaan kepada Tuhan.

Dahulu kita terima semua, “Kepercayaan kepada Tuhan” tetapi sekarang kita menyoalkan. “Kesetiaan kepada Raja dan Negara”, “Kedaulatan Undang-undang”, “Keluhuran Perlembagaan”, “Kesopanan dan Kesusilaan”. Inilah Rukun Negara yang begitu teliti sekali untuk masyarakat kita ini. Di karang begitu teliti dan begitu baik sekali, patutlah kita mengamalkan Rukun Negara yang kita telah mengamalkan Rukun Negara ini.

Saya percaya jika prinsip-prinsip ini difahamkan dan dihayati oleh setiap rakyat Malaysia, termasuk generasi muda kita, kita akan saling memahami antara satu sama lain. Hidup saling hormat-menghormati antara satu sama lain, tidak melakukan provokasi, mempersendakan kaum budaya dan agama lain. Saya masih ingat ketika di sekolah rendah dahulu, saya dan rakan-rakan di kehendaki menghafal prinsip-prinsip Rukun Negara ini. Ada pertandingan menghafal, namun sekarang kita sudah tidak mendengar lagi masyarakat dan pemimpin-pemimpin masyarakat bercakap tentang Rukun Negara. Saya cadangkan perkara ini diajar semula di sekolah-sekolah, baik sekolah rendah mahupun menengah, di kolej dan di universiti serta di kalangan masyarakat. Pemahaman mengenai Rukun Negara perlu disebarkan. Penghayatannya perlu dipupuk dan disemai di kalangan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini merakamkan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua atas jasa dan sumbangan dalam memimpin Dewan yang mulia ini. Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang banyak memberi tunjuk ajar kepada saya sejak hari pertama saya dilantik sebagai Ahli Dewan Negara yang mulia ini.

Walaupun saya hanya wakil masyarakat minoriti, Tuan Yang di-Pertua tetap memberi ruang dan peluang kepada saya sama seperti Ahli-ahli Dewan Negara yang lain tanpa sebarang diskriminasi. Dengan persaraan Tuan Yang di-Pertua nanti kita akan kehilangan seorang pemimpin yang berwibawa dan tidak pernah pilih kasih. Saya doakan semoga Tuan Yang di-Pertua akan terus sihat sejahtera dan boleh terus menyumbang buah fikiran dan tenaga untuk pembangunan masyarakat dan negara. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato’ Boon Som A/L Inong dan begitu juga ucapan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua kita. Sekarang saya minta pula Yang Berhormat Senator Datin Hajah Rahimah binti Haji Mahamad. Dipersilakan.

12.48 tgh.

Datin Hajah Rahimah binti Haji Mahamad: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk membahas Titah Menjunjung Kasih ke Bawah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh isu berkaitan ekonomi luar bandar seperti yang turut dizahirkan oleh Tuanku. Dalam Titahnya, Baginda mahu setiap rakyat jelata bersyukur dengan nikmat dan keharmonian serta keamanan yang dicapai oleh negara kita sejak awal kemerdekaan lagi. Nikmat ini tidak dapat digapai andainya negara berpecah belah, bertelingkah sesama sendiri serta berlakunya jurang perbezaan ekonomi antara kaum yang ketara. Harus diakui bahawa sememangnya masih ada jurang antara kaum daripada segi ekonomi tetapi atas dasar-dasar kerajaan yang bertungkus-lumus menjayakan projek dan program, terutamanya bagi masyarakat luar bandar, jurang ini berjaya dikurangkan secara berkala.

Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia isu ekonomi berkait rapat dengan isu sosial dan agihan kekayaan. Sejak zaman kemerdekaan lagi, diwarisi oleh zaman penjajah yang memisahkan kehidupan sosial antara kaum dan perbezaan pekerjaan, seterusnya berbeza pencapaian ekonomi. Pujian harus diberikan kepada Kerajaan Barisan Nasional yang diberi mandat sejak merdeka lagi untuk merapatkan jurang ekonomi antara kaum dan membasmi kemiskinan. Dasar dan polisi seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB) harus diberi pujian kerana setidak-tidaknya ia berjaya walaupun tidak seratus peratus.

■1250

Namun, pertumbuhan dan pembangunan yang masih tidak seimbang, contohnya antara pantai barat dan pantai timur dan antara bandar dan desa serta agihan kekayaan tidak seimbang antara kelas sosial dan kelompok etnik perlu ditangani sebaik mungkin. Jika dilihat, memang jurang ini wujud di semua negara, hatta negara maju sekalipun. Namun, kebimbangan kita ialah jurang ini terdedah kepada manipulasi oleh golongan berkepentingan di mana mereka ini akan menjadikan isu ini sebagai senjata untuk memperkecilkan segala usaha kerajaan selama ini.

Mengikut banci perbelanjaan isi rumah 2004 hingga 2005, secara purata sesebuah isi rumah di bandar memerlukan RM2,503 sebulan manakala angka untuk luar bandar RM1,209. Manakala banciaan 2010 hingga 2015 pula, berdasarkan laporan RMKe-11 meningkat kadar isi rumah terutama bagi golongan B40 kepada RM6,141 bagi tahun 2014 dan 2015, daripada RM4,025 sasaran yang diwujudkan pada tahun 2009.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa pendekatan dan cadangan yang saya kira perlu diteruskan malah diperkasakan oleh pihak kerajaan ialah antaranya untuk membasmi kemiskinan, usaha membasmi kemiskinan iaitu:

- (i) mewujudkan peluang pekerjaan untuk yang menganggur;
- (ii) menambah daya pengeluaran dan pendapatan;
- (iii) memberi peluang peningkatan kerjaya bagi pekerja sektor rendah daya pengeluaran kepada sektor yang lebih lumayan;
- (iv) mengurangkan jurang pendapatan antara kelompok etnik bandar dan luar bandar dan antara wilayah;
- (v) memodenkan kehidupan di luar bandar; dan
- (vi) memperbaiki taraf dan kualiti hidup rakyat melalui pelajaran, latihan, kesihatan, kemudahan infrastruktur dan lain-lain.

Seterusnya, saya ingin menyentuh agensi di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah iaitu RISDA dan MARA. Isunya mengenai harga getah yang tidak menentu. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, harga getah sekarang berada di paras yang rendah. Orang kampung sentiasa merungut. Maka, saya ingin bertanya kepada RISDA, apakah mekanisme atau pelan serta program RISDA untuk membantu penoreh getah yang terjejas kehidupannya? Saya juga ingin bertanya apakah RISDA ada membuat pertemuan dengan pekebun-pekebun kecil di kawasan luar bandar, terutamanya di Kelantan? Sekiranya ada, sila maklum kepada Ahli Dewan, tarikh, masa, dan tempat serta apakah hasil daripada pertemuan tersebut? Dalam dunia moden sekarang, perniagaan *online* menjadi pilihan orang-orang muda. Jadi, saya ingin bertanya, apakah MARA menyediakan skim pinjaman kepada perniagaan jenis ini?

Seterusnya, saya ingin beralih kepada Kementerian Tenaga, Teknologi dan Air mengenai perjanjian air di antara Kerajaan Negeri Kelantan dengan Kerajaan Persekutuan? Untuk makluman Ahli Dewan sekalian, masalah air di Kelantan seolah-olah tiada penghujungnya. Pembekalan air terawat diuruskan oleh Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB) di bawah kerajaan negeri. AKSB menguruskan 28 buah loji rawatan air dan menghasilkan 230 juta liter air terawat setiap hari. Saya tidak menafikan akan peranan dan tugas AKSB. Namun kita sekarang kita harus melihat dari sudut pandangan yang lain. Penduduk Kelantan semakin bertambah dan masalah bekalan air terputus kerap berlaku di Kelantan.

Saya dimaklumkan bahawa AKSB menghadapi masalah tunggakan bil air daripada pengguna yang banyak. Oleh sebab beban hutang yang terlalu banyak, maka loji rawatan air tidak dapat berfungsi dengan sepenuhnya. Selain itu, Kelantan juga mempunyai masalah paip yang lama yang tidak berganti selama lebih 20 tahun. Sesetengah paip pun sudah menjangkau 40 tahun dan sudah terlalu daif untuk digunakan. Sudah berkarat dan berlaku kebocoran di mana-mana, menyebabkan kerugian berjuta-juta ringgit.

Di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, beliau sendiri memberi komitmen untuk membantu Kelantan dalam menangani masalah bekalan air terawat di Kelantan. Ini terbukti apabila Kerajaan Persekutuan ingin memuktamadkan perjanjian air dengan Kerajaan Negeri Kelantan. Saya difahamkan juga, perjanjian ini akan membahagi bidang tugas pengurusan air kepada dua bahagian.

Satu bahagian di mana mengenai pengurusan air seperti bil-bil dan akaun pengguna akan diurus oleh AKSB. Manakala satu bahagian lagi yang menyentuh loji rawatan akan diurus oleh Kerajaan Persekutuan. Ini akan membabitkan penyelenggaraan loji rawatan dan menaik taraf prasarana kemudahan air. Ini sebenarnya memberi sinar baru kepada kami di Kelantan. Maka dengan itu, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah status terkini perjanjian ini dengan Kerajaan Negeri Kelantan?

Oleh sebab masalah air ini saya rasa tidak dapat diselesaikan dengan segera, saya juga ingin bertanya sama ada pihak kementerian ada alternatif lain dalam menyalurkan air bersih kepada penduduk? Adakah kajian dibuat iaitu mencari sumber bekalan air yang lain seperti air di bawah tanah sebagai alternatif kepada masalah pembekalan air di Kelantan? Saya pohon jawapan daripada pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong juga telah memberi penekanan terhadap aspek keselamatan negara. Ancaman terhadap keselamatan negara kini menjadi lebih kompleks dan datang dari pelbagai arah. Ia merangkumi keselamatan sempadan, ideologi militan, fahaman ekstrem dan penjenayah siber yang mampu melancarkan serangan melampaui kawalan keselamatan negara. Dan paling luar biasa dalam dunia yang sudah bertamadun ini, masih ada kumpulan ekstremis yang enggan menerima kedaulatan sesebuah negara lalu bertindak mencerooboh sehingga mengakibatkan kematian dan keporak-perandaan seperti yang berlaku di negeri Sabah.

Kita kini mendapat maklum kumpulan pengganas Kiram masih meneruskan gerakan untuk menawan Sabah. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri memaklumkan bahawa pengganas Kiram telah melantik wakil ataupun panglima perangnya di setiap DUN Sabah dalam usaha menubuhkan Kesultanan Sulu di negeri tersebut. Kita ingin tahu apakah langkah-langkah yang meyakinkan sedang dan telah diambil oleh kerajaan untuk menangani ancaman ini.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu aspek lagi yang disentuh oleh Tuanku dalam Titah Baginda supaya rakyat jelata memelihara keharmonian dan kerukunan hidup bermasyarakat. Elakkan diri dengan kerja-kerja hasutan fitnah memfitnah. Peringatan ini amat penting diberi perhatian kerana akhir-akhir ini fitnah amat mudah diterima oleh masyarakat terutama yang tersebar melalui media sosial.

Kita sebagai orang Islam, kita kena tapis dahulu berita yang kita dengar sebelum percaya apatah lagi untuk disebar kepada orang lain. Sebagaimana Allah berfirman di dalam Al-Quran... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Al-Hujurat, ayat 6 yang dibaca oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf Wajdi semalam, iaitu *"Wahai orang yang beriman, jika datang kepada kamu seorang yang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah kebenarannya."* Suasana inilah yang telah...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi?

Datin Hajah Rahimah binti Haji Mahamad: Ada sedikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Masa kita sudah sampai. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, dan Yang Berhormat, sambung selepas ini. Terima kasih.

[Mesyuarat dtempohkan pada jam 1.00 tengah hari.]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat.]

2.32 ptg

Tuan Yang di-Pertua: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Kita sambung semula persidangan kita pada hari ini. Sebagaimana saya daripada awal telah mengingatkan semua Ahli-ahli Yang Berhormat supaya berada dalam Dewan sama ada sudah berhujah atau berbahas ataupun belum, elok berada dalam Dewan untuk mengikuti sepenuhnya. Tanpa membuang masa, mengikut rekod di sini dipersilakan Datin Rahimah menyambung ucapan yang telah tamat pada jam 1 tadi untuk beberapa minit lagi. Silakan.

2.33 ptg.

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya sambung. Suasana inilah yang telah mewarnai politik negara untuk beberapa ketika di mana Dato' Sri Najib dikaitkan dengan pelbagai isu, khususnya 1MDB dan derma RM2.6 bilion. Tekanan dan fitnah bertali arus baik dari luar negara, mahupun dalam negara sendiri.

Seorang pemimpin tidak boleh dianggap unggul sehingga dia diuji. Pepatah ada menyebut, "*Bila timbul kepayahan, yang cekal sahaja akan terus maju*".

Penyaksian sejarah dunia mengesahkan kebenaran pepatah ini. Misalnya Nabi Muhammad SAW, sepanjang kepimpinannya mengalami pelbagai ujian yang amat luar biasa yang akhirnya membentuk Baginda sebagai pemimpin yang tidak ada tandingan dalam sejarah manusia hingga kini. Winston Churchill muncul sebagai pemimpin hebat setelah menyelamatkan empayar Britain dalam Perang Dunia Kedua. Begitu juga Abraham Lincoln, disanjung tinggi oleh rakyatnya hingga kini kerana berjaya menyelamatkan Amerika Syarikat daripada berpecah dua kepada utara dan selatan dalam perang saudara tahun 1860 hingga 1865. Demikian jugalah ujian yang ditempuh oleh Dato' Sri Najib, begitu getir dan lelah.

Kebeneran biasanya terserlah melalui kegawatan. Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara mengenai 1MDB dan pengakuan Menteri Luar Arab Saudi Adel Al-Jubeir mengenai derma RM2.6 bilion menyerlahkan kebenaran dan sekali gus memadamkan fitnah dan kepalsuan. Dengan ciri-ciri kepimpinan yang kental dan tabah, Dato' Sri Najib berjaya melepasi ujian getir dan amat memeritkan ini dan kini muncul sebagai pemimpin ulung dan perkasa dalam sejarah negara. Benarlah janji Allah dalam al-Quran... [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] "*Allah tidak membebaskan seseorang melainkan dalam lingkungan kemampuannya*". Pemimpin hebat umpama layang-layang yang kekal terbang di udara walaupun terpaksa berdepan dengan tiupan angin yang kencang. Inilah Dato' Sri Najib, Perdana Menteri kita.

Sebelum saya menamatkan perbahasan, saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang akan menamatkan perkhidmatan, tinggal beberapa hari sahaja lagi. Difahamkan pada tarikh 25 April 2016 ini. Segala tunjuk ajar, teguran dan nasihat Tuan Yang di-Pertua akan saya semat di sanubari saya. Jelas, genap enam tahun Tuan Yang di-Pertua mengambil alih Kerusi Yang di-Pertua Dewan Negara, banyak isu dan polemik berkaitan pelbagai isu dan kerenah politik. Namun secara profesional dan secara peribadi, saya amat kagum dengan kematangan berpolitik Tuan Yang di-Pertua. Saya harap segala pengalaman Tuan Yang di-Pertua termasuk sifat *cool* dan relaks walau dalam keadaan tegang, dapat diadaptasi oleh pengganti Tuan Yang di-Pertua kelak. Selamat bersara saya ucapkan, semoga Allah terus melimpah rahmat kepada Tuan Yang di-Pertua sekeluarga.

Juga kepada Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara yang baru memulakan tugas, saya ucapkan selamat datang dan selamat menjalankan tugas. *Inshaa Allah* Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, *I give you my words that-* dengan izin, kami Ahli-ahli Dewan Negara di dalam Dewan yang mulia ini bersedia bekerjasama penuh dan berdiri di belakang Tuan Yang di-Pertua mengharungi hari-hari mendatang. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong Titah Diraja. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat atas penghargaan kepada saya. Saya ucapkan berbilang-bilang terima kasih. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Koh Chin Han.

2.38 ptg.

Datuk Koh Chin Han: Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana sudi memberi peluang kepada saya untuk mengambil peluang dalam perbahasan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada hari ini. Perbahasan saya akan fokus kepada isu perumahan iaitu berkenaan kemampuan rakyat memiliki rumah dan juga Skim MyDeposit.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Perumahan Negara telah menetapkan satu visi yang murni iaitu untuk memastikan setiap rakyat mampu memiliki rumah sendiri di bawah konsep *shelter for all* dan *livable*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Begitu juga kerajaan telah menetapkan misi, “*Satu Keluarga Satu Rumah*” menjelang tahun 2020.

Usaha murni ini telah dan akan dilaksanakan secara seiring oleh Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri. Bagi Kerajaan Pusat, Kerajaan Pusat akan menjalankan pelbagai usaha untuk mengawal harga rumah agar ia berada di tahap harga yang berpatutan dan juga dalam lingkungan kemampuan rakyat untuk membeli rumah.

■1440

Pelbagai usaha dijalankan, namun masih ramai lagi rakyat yang tidak mampu memiliki rumah terutamanya golongan M40. Ketidakmampuan rakyat memiliki rumah disebabkan harga rumah yang tinggi buat mereka kerana harga rumah kalau di kawasan bandar, rata-ratanya adalah dalam lingkungan RM300,000 sampai RM500,000 untuk buat rumah teres.

Mari kita berbicara kenapa harga rumah berada dalam satu tahap harga yang begitu tinggi. Antara sebabnya ialah kerana tuntutan ataupun permintaan rumah semakin meningkat. Menjadi keutamaan dan perkara yang penting kepada rakyat Malaysia terutamanya mereka yang telah berumah tangga untuk memiliki sebuah rumah buat mereka sendiri. Setiap rakyat yang berkeluarga itu ingin memastikan mereka mempunyai sebuah rumah yang selesa buat keluarga kesayangan mereka. Namun, pembekalan rumah yang berpatutan amat berkurangan. Permintaan yang tinggi dengan pembekalan yang berkurangan telah menyebabkan harga rumah terus meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, sebab kedua harga rumah berada dalam satu lingkungan harga yang tinggi disebabkan pembangunan perumahan cenderung bertumpu di kawasan ataupun lokasi bandar. Sebagai contoh, di sekitar kawasan Lembah Klang, Pulau Pinang dan juga Johor Bahru. Tumpuan di kawasan bandar menggalakkan pemaju rumah kerap menumpukan projek perumahan mereka ke atas pembinaan jenis rumah harga mewah dan sederhana mewah sahaja. Ini adalah kerana pemaju ingin memaksimumkan pulangan pelaburan mereka dalam masa yang singkat. Sama juga ertinya pemaju ingin mendapat keuntungan yang lebih besar. Keadaan ini telah menyebabkan golongan M40 yang rata-ratanya berpendapatan sederhana tetapi dengan kos sara hidup yang tinggi tidak berkeupayaan untuk membeli rumah mewah ataupun sederhana mewah.

Bagi mengatasi masalah yang tersebut tadi, kerajaan telah mengemukakan beberapa inisiatif atau peraturan bagi meningkatkan kemampuan rakyat memiliki rumah. Satu daripadanya ialah Kementerian yang terlibat telah melaksanakan garis panduan iaitu *loan to value* atau LTV, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, bagi mengawal isu harga rumah dispekulasi dalam pasaran melalui penetapan wang pendahuluan ataupun *down payment*. Selain daripada itu, kerajaan juga telah bertindak menaikkan Cukai Keuntungan Harta Tanah, harta jualan rumah atas warga asing, begitu juga mewajibkan syarikat atau individu melaporkan pembelian unit rumah yang melebihi empat unit.

Sungguhpun banyak usaha dilakukan, namun isu mengenai kemampuan memiliki rumah masih lagi wujud. Oleh itu, dalam Dewan yang mulia ini, saya ingin mengemukakan sedikit pandangan untuk penambahbaikan kepada usaha Kementerian dalam menangani isu ini.

Pertama, sudah tiba masanya Kementerian mengadakan satu *National Housing Service*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, bagi mengetahui arah aliran permintaan dan juga bekalan perumahan yang ada di pasaran. Ini akan dapat membantu menjustifikasikan serta penambahbaikan kepada usaha Kementerian dalam mengawal harga rumah.

Kedua, pihak Kementerian perlu mempunyai inisiatif dengan menyatukan semua dasar perumahan sama ada di peringkat persekutuan mahupun di peringkat kerajaan negeri. Juga, mewajibkan semua cadangan projek pembinaan rumah perlu merangkumi komposisi perumahan kos rendah.

Dicadangkan agar satu integrasi pangkalan data mengenai perumahan diwujudkan dengan menggabungkan agensi yang terlibat dalam satu pembangunan rumah sama ada di peringkat Kerajaan Persekutuan ataupun negeri. Keadaan ini akan mempertingkatkan keberkesanan proses permohonan dan kelulusan sama ada rumah mampu milik atau kos rendah di bawah sebuah agensi kerajaan serta hebahan maklumat yang lebih berkesan.

Ketiga, dicadangkan juga kepada pihak kementerian agar menimbangkan satu standard atau piawai bagi mekanisme pengurangan kos pembinaan dan kos tambahan rumah untuk seluruh negara dengan memandatorikan *industrialized building system* atau IBS, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, agar ia memanfaatkan rakyat memiliki rumah.

Tuan Yang di-Pertua, pada 6 April 2016, kerajaan telah mengumumkan satu skim iaitu Skim MyDeposit untuk meningkatkan kemampuan golongan M40 memiliki rumah. Skim tersebut menawarkan sumbangan bayaran wang pendahuluan oleh kerajaan kepada golongan M40 yang membeli rumah pertama mereka. Ini merupakan satu inisiatif yang menggembirakan dan amat disambut baik terutama oleh golongan belia. Golongan belia yang kebanyakannya merupakan golongan di kategori M40 sentiasa menghadapi kekangan untuk membeli rumah. Ini disebabkan oleh kegagalan mereka dalam mengeluarkan wang pendahuluan rumah sehingga membuntukan proses pinjaman dari bank ataupun institusi kewangan.

Walaupun Skim MyDeposit dilancarkan dan mendapat sambutan yang baik, namun wujud beberapa persoalan yang masih belum ataupun yang memerlukan penerangan lanjut daripada kerajaan mengenai Skim MyDeposit ini. Kalau dibuat perbandingan antara Skim MyDeposit dengan Skim Perumahan Belia atau Skim MyHome dan sebagainya, maka kita dapat beberapa perbandingan.

Antaranya, MyDeposit tiada had tawaran sebagaimana Skim Perumahan Belia yang hanya terbuka kepada 20,000 orang pemohon belia dengan konsep siapa cepat dia dapat. Kedua-dua skim ini dilihat berbeza daripada segi sistem dan teknikal tetapi mempunyai matlamat yang sama iaitu membantu golongan M40 memiliki rumah sendiri. Namun, dilihat tidak adil apabila pelancarannya hanya beza setahun dan mengelirukan serta tidak setara daripada pelaksanaan kepada golongan M40 yang memohon kepada Skim Perumahan Belia.

Kedua, Skim Perumahan Belia dioperasikan oleh Bank Simpanan Nasional (BSN). Bagaimanakah pula dengan Skim MyDeposit?

Ketiga, Skim Perumahan Belia skim untuk meringankan beban bayaran balik bulanan oleh belia dengan memberikan bantuan sebanyak RM4,800 selama dua tahun manakala Skim MyHome menawarkan insentif sebanyak RM30,000 kepada pemaju serta pembeli. Dengan itu, soalan saya kepada kementerian, berapakah bantuan insentif wang pendahuluan di bawah Skim MyDeposit kepada golongan belia?

Soalan keempat, bolehkah seseorang individu tersebut memohon Skim MyDeposit bagi mendapatkan insentif wang pendahuluan dan kemudian memohon dan mendapatkan bantuan bayaran balik di bawah Skim Perumahan Belia?

■1450

Difahami kedua-dua skim tersebut secara teknikalnya tidak bertentangan atau bercanggah kerana kedua-duanya dikawal selia oleh kementerian yang berlainan dan bantuan aspek yang berbeza. MyDeposit dikawal selia oleh KPKT atau Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan sementara Skim Perumahan Belia di bawah kawal selia Kementerian Kewangan.

Kelimana, menurut pengumuman yang dibuat oleh kementerian, permohonan kepada MyDeposit akan tamat pada bulan Jun 2016 tetapi bagaimana dengan pemohon kini yang sedang menunggu kelulusan pinjaman dari bank atau institusi kewangan. Bolehkah golongan ini memohon kepada MyDeposit atau *migrate*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kepada Skim MyDeposit ini?

Kekeliruan tersebut perlu diterangkan oleh kementerian agar inisiatif yang dilaksanakan oleh kementerian mencapai kumpulan sasarannya. Di samping itu, untuk memastikan tiada kelemahan yang akan diambil kesempatan oleh orang yang tidak bertanggungjawab mengaut keuntungan yang berada dalam rantai pasaran perumahan. Secara ringkasnya, bantuan atau program kerajaan seharusnya jelas, ringkas dan padat untuk mencapai serta difahami oleh kumpulan sasaran khususnya dan rakyat secara amnya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan hujah-hujah di atas, saya dengan ini menyokong Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah binti Mahat.

2.52 ptg.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: *Bismillahir Rahmanir Rahim... [Berucap dalam bahasa Arab] Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana beri peluang untuk saya bercakap membahaskan Usul Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Saya berasa syukur *alhamdulillah* kerana pada petang ini saya dapat bersama-sama membahaskan usul ini dan ini Titah yang dapat saya bahaskan untuk kali yang terakhir buat saya kerana penggal ini adalah penggal yang terakhir buat saya. Saya rasa macam sedih Tuan Yang di-Pertua, hendak tengok Tuan Yang di-Pertua dengan saya lebih kurang juga. Cuma agaknya yang tua didahulukan. Saya bukan tua, yang sedang-sedang dikemudiankan.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin merafakkan sembah dan menjunjung kasih ke bawah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Diraja ketika merasmikan pembukaan Parlimen pada 7 Mac yang lalu. Pada tahun lalu kerajaan telah mampu mengharungi pelbagai cabaran termasuk cabaran nilai mata wang yang jatuh ke paras yang begitu teruk, penurunan harga minyak di pasaran antarabangsa. Setakat 18 April dan hari ini 20 April nilai mata wang kita RM3.91 bagi setiap Dolar Amerika.

Atas usaha keras pelbagai pihak dan kebijaksanaan pemimpin menguruskan negara, maka kini kita kembali lega dan kembali pulih dan masih lagi dalam proses pemulihan. Pihak Gabenor Bank Negara menolak persepsi bahawa isu-isu domestik menjadi faktor utama menyumbang kepada penurunan ringgit baru-baru ini dan menegaskan penurunan mata wang tersebut kesan daripada faktor luaran termasuk jangkaan perubahan dalam hala tuju *reserve* persekutuan Amerika dan kemerosotan harga minyak dan pertumbuhan lembap di China.

Di samping itu, ekonomi negara juga semakin kukuh. Peningkatan yang baik daripada segi ekonomi negara kita lihat pada tahun 2009 sehingga tahun 2015, data menunjukkan GDP telah meningkat RM713 bilion dan pada hari ini adalah berjumlah RM1.1 trilion. Peningkatan sebanyak 60 peratus pelaburan juga meningkat sebanyak 83 peratus daripada RM157 bilion kepada RM287 bilion. Pendapatan kerajaan meningkat 72 peratus, GDP per kapita tahun 2009 sebanyak USD7,312 dan pada masa ini USD11,307 iaitu peningkatan sebanyak 55 peratus.

Dengan keadaan ekonomi yang mantap maka kita makin yakin untuk melangkah ke arah negara maju berpendapatan tinggi pada tahun 2020. Skim perkhidmatan awam kini telah ditambah baik dengan gred dan gaji telah dinaikkan dan pastinya dasar ini banyak memberi impak kepada kumpulan sokongan dan kenaikan gaji. Dengan keadaan ekonomi yang mapan dan kerajaan telah memberi jaminan dan dengan langkah penjimatan yang dijalankan maka sistem perkhidmatan awam serta pelaksanaan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas terus berjalan lancar. Tahniah kepada kerajaan.

Cuma saya ingin mengambil kesempatan di sini Tuan Yang di-Pertua untuk meminta Menteri menjelaskan tentang kedudukan peningkatan kos sara hidup yang kini menjadi topik perbualan hangat rakyat terutama golongan sederhana dan juga golongan yang susah. Contohnya Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan kenaikan harga barang saya selalu pergi ke pasar, suka belanja dan suka pergi ke kedai, sama ada kedai sederhana ataupun kedai runcit.

Kalau kita pergi ke pasar Tuan Yang di-Pertua mungkin Tuan Yang di-Pertua tidak pernah ke pasar agaknya dan *mem* pun rasanya tidak pernah, agaknya. Jadi saya ini orang yang bawahan memang gemar sangat pergi ke pasar bawa duit RM50 sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, hanya dapat beli beras dan beli ikan kembung dan sedikit sayur-sayuran. Kalau dahulu Tuan Yang di-Pertua, duit 30 sen boleh beli ikan cekik leher sekati. Rasanya Tuan Yang di-Pertua tahu tentang hal ini tetapi sekarang ini ikan kembung RM17 satu kilo.

Kasihannya sekarang ini Tuan Yang di-Pertua. Ikan kembung satu kilo RM17, beli cili RM2 dapat sejempit dan sedikit barang-barang dapur. Itu sememangnya cerita bawa duit RM50 saya rasa untuk makan tengah hari untuk satu keluarga. Tuan Yang di-Pertua, tukang rumah di kampung pun mengeluh kerana kalau dahulu tukang rumah, orang kata tukang rumah kampung mesti beli barang murah tetapi dia beli barang dekat pekan harga barang naik kerana dekat pekan pun dia kata barang kena GST.

Jadi saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan kalau bolehlah Tuan Yang di-Pertua, kita minta kepada pihak KPDNKK supaya dapat membuat pemeriksaan yang kerap ke premis-premis atau pun kedai-kedai runcit sama ada di pekan ataupun di bandar. Kita mohon kepada pihak kementerian supaya ramaikan penguat kuasa. Saya lihat kalau kita berkeliaran di bandar-bandar, saya tidak nampak ada penguatkuasaan yang duduk berkeliaran, pergi *spot check* di kedai-kedai.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab GST ini menjadi masalah, saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan sama ada boleh ataupun tidak, boleh tak kalau boleh dihapuskan GST ini? Kalau tidak boleh kurangkan kepada 6 peratus, pergi kepada 3 peratus bagi mengurangkan beban rakyat luar bandar yang mana menjadi beban kerana rakyat di luar bandar ini Tuan Yang di-Pertua, memang orang penyokong tegar Barisan Nasional.

■1500

Di samping itu saya ingin, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian apakah tindakan oleh kerajaan bagi memastikan kepentingan golongan miskin dan sederhana ini terpelihara dan memperbaiki lagi jurang sosial antara rakyat bagi memastikan negara makmur dan sejahtera. Saya juga mengalu-alukan cadangan penubuhan jawatankuasa khas bagi menangani kenaikan kos sara hidup serta menambahkan bilangan barangan dalam senarai berkenaan GST dan kadar sifar.

Ini penting dalam memastikan golongan rakyat terutama kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah dan 40 peratus pertengahan dapat dibantu dan terpelihara, yang penting jawatankuasa tersebut perlu dianggotai oleh- minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon jasa baik pada pihak kementerian. Saya difahamkan ada penubuhan jawatankuasa khas mengenai dengan perkara ini dan saya mohon pada pihak kementerian supaya dapat wanita bersama-sama dalam membentuk jawatankuasa ini.

Seterusnya, saya ingin menyentuh berkaitan *maqasid syariah*. Kita maklum kerajaan telah menerapkan nilai-nilai yang digariskan dalam agama Islam dan ini selaras dengan perlembagaan kita yang memperuntukkan bahawa Islam agama rasmi negara dan secara sejarahnya kita memang telah melaksanakan undang-undang Islam, bukti batu bersurat Terengganu. Sistem pentadbiran di Melaka adalah berasaskan undang-undang Islam namun setelah dijajah Inggeris sistem undang-undang Inggeris telah mempengaruhi pentadbiran negara.

Namun setelah merdeka perlembagaan menyebut Islam sebagai agama rasmi negara kita berusaha menerapkan prinsip-prinsip Islam dalam mentadbir negara. Islam sebagai agama rasmi yang sangat sempurna merangkumi segenap ruang lingkup kehidupan daripada ibadah, akhlak, maklumat, politik dan kesemuanya. *Alhamdulillah*, kerajaan telah melaksanakan Syariah Indeks tahun 2015 dan ia bertujuan untuk membuat kayu pengukur terhadap sejauh manakah kerajaan dan ia *complete* dengan syariah atau dia disebut sebagai *maqasid syariah*.

Itu satu yang kita sokong, lima buah teras dalam pelaksanaan *maqasid syariah* ini iaitu pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta diukur iaitu dengan menyemak sama ada dasar dan program yang ditetapkan oleh agensi-agensi kerajaan menepati keperluan *maqasid syariah*. Pada 28 Mac yang lalu Perdana Menteri telah mengisytiharkan tentang Syariah Indeks dan syariah ini seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri tadi iaitu 75.42 peratus dan 75.42 peratus ini dikategorikan sebagai mengikut piawai indeks itu dan 80 peratus kira terbaik. Skor yang diperolehi oleh Kerajaan Malaysia mengikut indeks dan tahniah kepada kerajaan. Namun begitu kita berharap pihak kerajaan menjelaskan pada kita apakah peranan prinsip *maqasid syariah* dalam pembinaan negara berbilang kaum dan agama di Malaysia ini.

Bagaimana titik pertemuan dapat diwujudkan melalui pemahaman *maqasid syariah* dalam menolak fahaman ekstremis dan pelampau. Bagaimana *maqasid syariah* dapat difahami untuk mewujudkan masyarakat *wasatiyyah* dan bertoleransi demi kebaikan ummah. Saya hendak menyentuh sedikit berkaitan dengan ekstremis ini. Saya ingin bertanya apakah program yang dilaksanakan bagi memulihkan pesalah yang ditangkap berkaitan dengan kes IS atau *Daesh* ini yang berjumlah lebih 150 orang termasuk 24 orang wanita.

Selanjutnya, saya ingin membangkitkan isu berkaitan dengan Kementerian Pengangkutan. Menyediakan kemudahan pengangkutan awam efisien bukan sahaja memberi kemudahan kepada rakyat tetapi juga dapat mengurangkan kesesakan jalan raya serta jumlah kemalangan terutamanya kemalangan ke tempat kerja yang kian meningkat di negara kita ini. Menurut laporan akhbar *Berita Harian*, 13 April 2016 sebanyak 28,579 kemalangan pergi balik ke tempat kerja dicatat pada tahun lalu. Ia adalah bersamaan dengan tiga kes sehari dan jumlah tersebut meningkat 2 peratus dari tahun lepas sebanyak 28,037 kes pada tahun 2014. Jadi wajar sekali jika kerajaan kaji untuk memperbanyakkan serta meningkatkan kecekapan perkhidmatan pengangkutan awam dan juga cara menarik orang ramai untuk menggunakannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya kepada pihak kerajaan, apakah yang dirancang oleh kerajaan dalam menangani isu ini? Apakah transformasi- minta maaf? Saya ingin menyentuh berkaitan dengan kejadian baru-baru ini di mana pemandu-pemandu teksi melakukan mogok di kawasan Bukit Bintang membantah sistem *Uber* yang digunakan di negara ini yang menjejaskan pendapatan mereka. Hal ini bukan baru dan bukan berlaku di negara ini sahaja malah di London juga pernah berlaku pemandu teksi mogok dan membantah *Uber* ini, ini saya baru sebut Tuan Yang di-Pertua, pelat lagi. Menggunakan perkhidmatan *Uber* ini dikatakan lebih cekap, murah malah pelanggan boleh caj ke kredit kad, tidak perlu bayar pada pemandu dan harga pun agak murah kalau dibandingkan dengan teksi tapi belum pernah cuba, saya belum tahu, ini mengikut pandangan rakan-rakan.

Bagi orang muda dan mereka yang telah biasa dengan zaman sekarang ini mereka lebih suka naik *Uber* malah menjadi pemandu *Uber* pun sembarangan ada ciri-cirinya. Bila kita minta kereta *Uber* kita boleh lihat muka, nama serta kereta pemandu sebelum kereta sampai lagi. Ciri-ciri ini mungkin menyebabkan ramai pelanggan teksi memilih menggunakan *Uber*.

Jadi, apa yang dirancang oleh kerajaan dalam menangani isu ini. Apakah transformasi yang dirancang untuk memperkasakan pemandu teksi di negara ini terutamanya di Kuala Lumpur? Ini sebab kita dengar cukup banyak rungutan daripada pemandu teksi di mana pemandu teksi sendiri dipersalahkan dalam hal ini kerana tidak mahu membawa penumpang ke destinasi.

Saya ingat ini ada disuarakan juga Datuk Haji Yahaya dan mereka tidak mahu menggunakan meter dan sebagainya, nampaknya pemandu teksi pula dipersalahkan. Akan tetapi, "kalau tidak ada angin, masakan pokok bergoyang". Sikap pemandu teksi ini juga mungkin penyebab kepada penumpang mengambil *Uber* tapi pemandu teksi ini banyak pesara dan bergantung hidup dengan teksi.

Sebenarnya kita kesian juga Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dengan pemandu-pemandu teksi ini dan ia semakin hari semakin canggih dan pemandu teksi yang warna biru dan merah keadaannya semakin tidak efisien. Saya menyeru kerajaan mengambil tindakan segera mengenai masalah ini dan memperkasakan lagi sistem teksi di negara ini agar lebih relevan memandangkan kita makin banyak kenderaan alternatif pada masa ini dan harap teksi tidak akan terkubur. Kalau di Muar Tuan Yang di-Pertua, teksi seolah-olah duduk menganggur tidak ada penumpang kerana sekarang orang sudah kaya, semua naik kereta mewah habis tidak adapun naik kereta saga, semua sudah mempunyai kenderaan sendiri.

Selain perkhidmatan teksi kita beralih ke kereta api prasarana. Kereta api dan Prasarana Malaysia Berhad melaporkan bahawa mereka telah berjaya mencapai sejuta orang pengguna sehari menggunakan perkhidmatan transit aliran ringan, LRT, Monorel dan bas di bandar raya. Keretapi Tanah Melayu menyediakan perkhidmatan *train electric* yakni ETS dari Kuala Lumpur-Gemas ke Padang Besar dan ETS dengan kelajuan 140 sejam menjadikan laluan ke utara semakin singkat kepada lima jam setengah.

Sejak dilancarkan 11 Julai 2015 dalam tempoh sebulan dua, sudah beratus ribu orang penumpang menaiki ETS dan menjadikan juga laluan ke utara bertambah singkat, ini menunjukkan transformasi pengangkutan darat di negara ini, namun rakyat masih mengharapkan agar kerajaan menambah baik sistem pengangkutan awam darat yang lebih efisien, terutamanya di kawasan luar bandar bagi membantu rakyat yang kurang kemampuan serta tidak memiliki kenderaan sendiri dan kita mohon taraf perkhidmatan tidak tertumpu ke kawasan bandar sahaja tetapi juga tumpukan juga pembangunan pengangkutan awam di luar bandar.

■1510

Di samping itu, saya juga ingin bertanya kepada pihak yang berkenaan, adakah status pengangkutan awam kita setanding dengan negara luar. Bagaimanakah usaha kerajaan agar ia dapat mencapai tahap yang setanding dengan sistem pengangkutan awam luar negara? Selain daripada itu, saya hendak juga bertanya kepada pihak kementerian, bagaimana hendak memupuk kesedaran penggunaan pengangkutan awam di kalangan kanak-kanak dan juga remaja. Remaja sekarang ini, dari sekolah menengah sudah mempunyai motosikal sendiri dan ibu bapa telah pun membelikan kenderaan untuk mereka. Seterusnya, sejauhmanakah pengangkutan awam ini memenuhi keperluan OKU seperti laluan khas atau pembantu khusus untuk OKU dan sebagainya.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua saya ingin membawa satu isu mengenai laluan ke Singapura di tambak Johor, dan kita sedar bahawa laluan keluar masuk sempadan ini teramat sibuk dan jalan raya yang ada sekarang sibuk dan tidak dapat menampung jumlah kereta keluar masuk di sempadan. Kalau kesesakan di sebabkan oleh proses melepasi bahagian Imigresen, kita mohon agar ditambah jumlah pegawai yang berkaitan bagi meningkatkan kecekapan proses berkaitan.

Saya juga berbesar hati ingin menyebut isu berkaitan memperkasakan Parlimen Malaysia, walaupun saya sudah hendak habis tempoh beberapa hari lagi, sebagai Ahli Dewan yang Mulia ini saya sebagai Ahli Parlimen ingin juga menyentuh tentang Transformasi Parlimen ke arah memperkasakan Parlimen Malaysia. Parlimen sebuah institusi yang sangat penting dalam pentadbiran negara, demokrasi berparlimen dan Raja Berperlembagaan seperti Malaysia ini. Parlimen berfungsi merangka undang-undang dan dasar negara, wajar sekali diberi kebebasan bagi menguruskan mereka sendiri dan serta juga melibatkan perbelanjaan Parlimen.

Dengan kebebasan ini, maka institusi ini dapat menjalankan fungsi mereka secara maksimum sebagai tempat untuk kita melakukan *check and balance*. Komponen yang terpenting dalam sistem demokrasi dan dengan demikian mampu melahirkan dasar yang lebih mantap dengan pembangunan negara, apa yang jelas lagi perkara yang perlu dipertingkatkan lagi seperti *training* kepada pekerja, mengadakan sistem jawatankuasa seperti jawatankuasa gender yang melibatkan peranan Ahli Parlimen dalam memastikan dasar kesaksamaan gender dilaksanakan dengan sewajarnya selaras dengan konvensyen dan deklarasi yang diterima pakai oleh negara kita contohnya CEDAW, Beijing Platform dan sebagainya.

Seterusnya saya ingin membangkitkan isu perkhidmatan kesihatan negara dalam Titah Baginda menekankan tentang peningkatan permintaan terhadap jagaan kesihatan di negara ini ketika daripada perubahan demografi dan gaya hidup masyarakat. Kita mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah merangka Pelan Transformasi Perkhidmatan Kesihatan untuk tempoh 2016-2020 untuk memastikan kelestarian sistem penyampaian perkhidmatan di negara ini. Namun dilaporkan bahawa peningkatan kos kesihatan ini amat membimbangkan. Kajian *ASEAN Cost in Oncology* menunjukkan pesakit kanser hidup menanggung kos rawatan yang tinggi sehingga terpaksa mengalami kesusahan daripada segi kewangan. Seramai 49 peratus terpaksa menghabiskan wang simpanan mereka dan seramai 39 peratus tidak mampu membayar bil rawatan mereka.

Manakala kajian lain menyatakan bahawa kos kesihatan meningkat 8.8 peratus setiap tahun. Harga ubat di Malaysia lebih tinggi jika dibanding dengan Australia, menurut laporan *Journal of Pharmaceutical Health Services Research*, kita perhatikan sekiranya kita ke klinik swasta sebab sakit demam dan lain-lain kos konsultasi doktor adalah lebih kurang RM10, tetapi kos campur dengan ubat dan lain-lain dijangka hingga RM50 hingga RM70.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat panjang lagi kah?

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Sikit lagi Tuan Yang di-Pertua. Jadi soalan saya, adakah kerajaan mengadakan dasar kawalan harga ubat-ubatan di negara ini dan sekiranya ada, sejauh mana ia dilaksanakan. Sejauh mana ia efektif, adakah mekanisme yang mendenda mereka menjual ubat-ubatan dengan harga yang mahal dan sekiranya ada berapa banyak kah yang telah didakwa.

Tuan Yang di-Pertua, saya macam terperanjat mendengar suara Tuan Yang di-Pertua, ada sedikit lagi boleh Tuan Yang di-Pertua. Kita ini sama-sama hendak pencecuan Tuan Yang di-Pertua. Saya ada sedikit di akhirnya.

Akhir kalamnya Tuan Yang di-Pertua saya ingin, Tuan Yang di-Pertua senyum hilang juga saya. Sebagaimana ucapan awal saya tadi, saya akan bersara pada 2 Mei yang akan datang ini, dan ini ucapan saya yang akhir dan pada Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan selamat bersara kepada Tuan Yang di-Pertua dan saya lihat Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kalau dahulu baru-baru saya masuk Tuan Yang di-Pertua macam garang, saya pun hari ini bercakap macam mula-mula masuk dahulu, macam takut, macam tidak boleh cakap, lebih lagi kalau DatukNalla tengok muka saya macam itu, macam *serious*, senyum sedikit semalam senyum.

Jadi Tuan Yang di-Pertua selamat bersara selamat berbulan madu dengan Puan Sri, pergilah berjalan ke mana yang Tuan Yang di-Pertua suka, dan saya doakan kalau pergi bulan madu mana tahu kalau balik nanti menimang anak baru. Ini tidak mustahil Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, ini kerja Allah Taala. Orang Putih pun...

Tuan Yang di-Pertua: Kalau boleh bawa Yang Berhormat DatukNoriah sekali.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Itu lagi baik Tuan Yang di-Pertua, saya memang mengalu-alukan. Cuma yang Tuan Yang di-Pertua memang berat rasa hati hendak meninggalkan Dewan yang mulia ini, kalau boleh orang politik ini kalau hendak duduk memang hendak sampai mati, betul Tuan Yang di-Pertua, dia susah berhenti, nasiblah ada had dua penggal.

Namun oleh sebab Perlembagaan sudah menentukan begitu kita akur dan kita minta di masa yang akan datang Tuan Yang di-Pertua, perlembagaan itu saya rasa sejak penjajah dahulu, saya rasa boleh ubah.

Namun malangnya Tuan Yang di-Pertua sudah tidak ada, jadi orang lain boleh ambil alih kita hendak tengok Tuan Yang di-Pertua kita dengar lagi jauh, mari ke tidak orang Dalam Dewan Negara bersuarakan dua penggal pergi kepada tiga penggal. Jadi hari ini kita buat keputusan supaya kita pergi kepada tiga penggal. Apa pun kita sudah merasa kenaikan gaji, jadi macam saya dengan Tuan Yang di-Pertua dan rakan-rakan *alhamdulillah* kita berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Sehubungan itu, Tuan Yang di-Pertua saya dengan rendah diri merakamkan setinggi-tinggi terima kasih khasnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Najib Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia yang juga Presiden UMNO, kepada Yang Berhormat Tan Sri Muhyiddin Yasin yang dahulu bekas Timbalan Perdana Menteri, ketua bahagian saya dan juga Yang Berhormat Datuk Shahrizat Abdul Jalil Ketua Pergerakan Wanita UMNO Malaysia yang menyokong dan mendukung sehinggakan saya dapat duduk di sini. Kalau tanpa mereka, masakan saya duduk di sini. Terima kasih banyak-banyak kepada pemimpin-pemimpin kita.

■1520

*Pulau pandan jauh ke tengah;
Gunung daik gunung pedati;
Hancur badan dikandung tanah;
Budi yang baik ku bawa mati.*

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan setinggi-tinggi jutaan terima kasih khasnya kepada Tuan Yang di-Pertua, yang banyak mengajar saya erti duduk di dalam Dewan Negara ini. Tuan Yang di-Pertua banyak menegur, selalu Tuan Yang di-Pertua cakap, kalau boleh cakap jangan tengok kertas. Saya kalau tak tengok kertas, saya tengok Tuan Yang di-Pertua, hilang dia punya fokus Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf saya banyak-banyak, bukan tak hendak tengok kertas, saya kalau bercakap tak tengok kertas ini saya takut dua jam tak siap Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, kalau tengok kertas ini 15 minit boleh siap. Jadi Tuan Yang di-Pertua, teguran dan membina pada Tuan Yang di-Pertua buat saya sebenarnya Tuan Yang di-Pertua ini idola buat saya. Tuan Yang di-Pertua sumber ilhamku [*Tepuk*] Kalau dulu saya tengok Tuan Yang di-Pertua waktu dulu macam tua sikit, hari ini saya nampak Tuan Yang di-Pertua muda sikitlah, lebih muda daripada Datuk Megat [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat, cukup.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Kalau lebih muda Datuk Nalla itu lain Tuan Yang di-Pertua. Dia tak payah tambah-tambah, kalau tambah lagi setengah jam lagi baik kan?

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin: Boleh celah?

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Ya, sila-sila.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin: Yang itu saya cuba hendak penjelasan Datuk sahaja sama ada itu pujian untuk Tuan Yang di-Pertua atau penghinaan untuk saya? Terima kasih.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Awak jejak tampan mana boleh dihina, tak boleh. Lepas ini boleh belanjalah. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingat sejarah saya bersama Tuan Yang di-Pertua selama enam tahun ini banyak pengalaman. Pengalaman yang paling manis sewaktu saya hendak pergi ke Rusia. Saya kaki terseliuh, bengkak, saya sudah pergi doktor, kata doktor boleh pergi tapi saya tengok kaki saya macam tak boleh.

Jadi, saya tanya Tuan Yang di-Pertua, kaki saya ini terseliuh Tuan Yang di-Pertua, memang tak boleh, bengkak. *'Eh! Pergi Yang Berhormat! Pergi!'* Kata dia. Jadi, saya pergi itu kerana Tuan Yang di-Pertua suruh. Jadi, saya pergi. Saya tengok dan saya berjalan terdengkat-dengkat tetapi kerana Rusia ini negara yang tidak pernah kita lawati dan sebarang-barang pun tak boleh, jadi saya ikut nasihat Tuan Yang di-Pertua, sakit sikit tak apa, balik kita boleh ubat. Jadi, *alhamdulillah* sampai ke hari ini kaki saya kuat walaupun ada terdengkat sikit lagi. Jadi, sudah berumur ini Tuan Yang di-Pertua, baru 24 ini sakit dia terdengkat sikit Tuan Yang di-Pertua. Yang lain-lainnya kebaikan Tuan Yang di-Pertua itu biarlah rahsia buat saya.

Saya juga berterima kasih banyak-banyak kepada Tuan Yang di-Pertua, yang telah beri peluang saya pergi ke luar negara. Saya tak payah cakap Tuan Yang di-Pertua, pergi mana, nanti kawan-kawan ini nanti iri hati. Dia ini jeles Tuan Yang di-Pertua. Jadi, kepada Tuan Yang di-Pertua.

*Pulau pandan jauh ke tengah;
Gunung daik bercabang tiga;
Hancur badan dikandung tanah;
Budimu yang baik ku kenang juga.*

Tuan Yang di-Pertua, ada sikit lagi Tuan Yang di-Pertua. Kepada rakan-rakan saya sekalian, saya mohon sebanyak-banyak maaf atas persahabatan selama enam tahun ini kalau ada yang tidak menyenangkan hati minta ampun, minta maaf banyak-banyak. Bukan senang hendak menyenangkan hati semua orang dan bukan senang hendak semua orang hendak sukakan dengan kita, payah Tuan Yang di-Pertua. Hendak-hendak bila jawatan sudah tidak ada, semua orang lari dengan kita Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, kita harap kawan-kawan kita walaupun saya sudah berhenti esok, *insya-Allah* kita akan bertemu dilain masa. Kepada Datuk Nalla saya ada- saya ini, Datuk Nalla ini, rakan- saya tidak tahu, jumpa baru tetapi dia panggil saya *'darling'*lah Tuan Yang di-Pertua. Itu yang rasa tak tahan itu Tuan Yang di-Pertua. Saya pun dia panggil saya, *"Hi, darling how are you?"* Saya katakan, *"Fine, how about you? I am fine also."* Ini, dengan izin, ya Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, kepada Datuk Nalla, semalam dia ada berucap, berapi-api ucapan dia. Saya sikitlah hendak sentuh Datuk Nalla, ucapan dia dari dulu sampai sekarang, memang Datuk Seri Anwar tak berubah-ubah.

Cuma ada sedikit perubahan hari semalam. Dulu dia mengata Datuk Anwar, alih-alih semalam dia puji pula Datuk Seri Anwar. Itu yang saya semalam hendak bangun, macam panas hati saya, macam mana boleh berubah pula ini? Betul kah tidak Datuk Nalla ini? Ya, dia sudah pusing, sudah mengata orang lain pula itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat cukup, cukup, cukup.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Cukup la?

Tuan Yang di-Pertua: Cukup, cukup, cukup.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Dia cakap saya pusing.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup, cukup, cukup. Kita...

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Suruh dia tarik balik. Saya tidak pusing Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tak apa Datuk, pasal apa kita banyak yang boleh ucap lagi. Pendekkan Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Okey Datuk Nalla, saya rasa di lain-lain masa ucapannya kena tukar topik. Banyak lagi perkara-perkara lain yang boleh hendak dicakapkan, cakap itu baguslah. Akan tetapi asal cakap keluar TV sahaja itu Tuan Yang di-Pertua, itu yang peliknya itu. Bayar ya? Itu saya tak tahulah, Datuk Abbas sahaja tahu. Jadi akhir kata Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih banyak-banyak kepada rakan-rakan saya.

*Tuai padi antara nampak,
Esok jangan layu-layuan,
Intai kami antara nampak,
Esok jangan rindu-rinduan.*

*Setiap pagi pergi ke dusun;
Jolok kelapa pakai galah;
Sepuluh jari mohon ampun;
Kalau terdapat silap dan salah.*

Sekian. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh [Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam.* Saya juga mengambil kesempatan mengucapkan selamat bersara kerana Datuk ada lebih lama lagi daripada saya. Saya hanya ada dua hari sahaja. Walau bagaimanapun terima kasih atas kata-kata yang telah diberikan kepada saya tadi. Tanpa membuang masa saya mempersilakan, setelah tadi *the majority* telah berucap, *the minority* pun saya tak lupakan. Saya mempersilakan Yang Berhormat Dr. Ariffin.

3.27 ptg.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana saya diberi kesempatan di dalam Dewan yang mulia ini untuk membahas Titah Yang Di-Pertuan Agong, seperti yang telah disampaikan kepada majlis pembukaan sidang Parlimen penggal ini. Untuk membahas Titah ucapan ini saya akan sentuh hanya satu, dua perkara sahaja. Oleh sebab ada banyak perkara yang telah disentuh dan saya sudah berazam tak mahu mengulangi, okey.

Bagi saya, satu perkara yang amat penting ialah hubungan antara pemerintahan Pusat dengan kerajaan negeri. Kita harus sedar bahawa negara Malaysia ialah sebuah negara Persekutuan iaitu, dengan izin, *a Federal State*. Akan tetapi apa yang tak disedari oleh ramai Ahli-ahli yang saya muliakan di sini ialah sistem Persekutuan negara ini sistem yang luar biasa atau unik. Sistem Persekutuan di Malaysia sebenarnya dua sistem. Pertama ialah Persekutuan Tanah Melayu, di mana setiap negeri di Semenanjung telah setuju mewujudkan sistem Federasi, di mana kuasa negeri dan kuasa pemerintah Pusat dijelaskan dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1957.

Ini jelaslah kalau kita ini rujuk Suruhanjaya Reid semasa Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu di gubal. Oleh sebab itu tiadalah mana negeri dalam Persekutuan Tanah Melayu yang mempunyai kuasa lebih dari negeri yang lain. Kedudukan negeri adalah sama dan pemerintah Pusat mempunyai kuasa yang luas. Ini niat Suruhanjaya Reid iaitu untuk mewujudkan sebuah pemerintahan Pusat yang mempunyai kuasa luas. Kuasa negeri dijelaskan dalam Artikel 74 dan 77 Perlembagaan Persekutuan dan disenaraikan dalam *Ninth Schedule*- kesembilan. Pada tahun 1993, Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak telah setuju untuk membentuk Malaysia sebagai sebuah negara Persekutuan.

Untuk merealisasikan pembentukan Malaysia, maka Suruhanjaya Cobbold didirikan untuk membincangkan syarat-syarat penubuhan Malaysia kerana Semenanjung Tanah Melayu akan bergabung dengan Singapura, Sabah dan Sarawak dalam sebuah negara baru.

■1530

Satu perkara yang penting ialah adakah Singapura, Sabah dan Sarawak akan dianggap sama statusnya, kedudukannya dengan negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu? Mungkin inilah harapan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu.

Akan tetapi kalau kita merujuk kepada Suruhanjaya Cobbold, Suruhanjaya Cobbold telah menentukan bahawa hak dan kuasa negeri-negeri Singapura, Sabah dan Sarawak adalah lebih luas jika dibandingkan dengan negeri-negeri di Tanah Melayu. Oleh sebab itu, kedudukan Singapura, Sabah dan Sarawak tidaklah sama seperti negeri-negeri lain di Persekutuan Tanah Melayu. Oleh sebab Singapura, Sabah dan Sarawak adalah lebih tinggi, kuasa mereka lebih tinggi jika dibandingkan dengan negeri-negeri di Persekutuan Tanah Melayu, jelaslah mereka mempunyai kuasa yang lebih luas atas hal ehwal negeri masing-masing. Walaupun Singapura telah berpisah dari Malaysia pada tahun 1965 dan telah berdiri sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat, Sabah dan Sarawak masih kekal dalam Malaysia. Ini satu perkara yang kita jangan lupalah.

Hari ini, kita sering kali mendengar rungutan daripada segelintir penduduk Sabah dan Sarawak bahawa hak serta kuasa mereka telah dicabuli dan kedudukan kedua-dua buah negeri ini sama seperti negeri-negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu, walaupun pada hakikatnya mereka mempunyai kuasa yang lebih luas.

Oleh sebab itu saya ingin bertanya, adakah hak-hak serta kuasa Sabah dan Sarawak yang telah dipersetujui dan dijamin oleh Suruhanjaya Cobbold semasa kedua-dua buah negeri ini bersetuju untuk membentuk Malaysia, masih ada ataupun telah dimansuhkan? Soalan ini amat penting kerana sekarang suda ada kelompok-kelompok tertentu yang sedang mencadangkan bahawa eloklah Sabah dan Sarawak berpisah dan keluar dari Malaysia. Mungkin cadangan ini dianggap sebagai suatu permainan politik sahaja tetapi kita jangan lupa bahawa Singapura telah berpisah dari Malaysia pada tahun 1965.

Jika kita merujuk kepada buku Mohammad Noordin Sopiee yang berjudul, "*From Malayan Union to Singapore Separation*", kita difahamkan bahawa Sabah dan Sarawak dibawa masuk membentuk Malaysia kerana untuk mengimbangi kemasukan ramai orang Cina Singapura dalam usaha mewujudkan negara Malaysia. Perdana Menteri pertama iaitu Tunku Abdul Rahman tidak begitu senang dengan kemasukan begitu ramai orang Cina dan sebab itulah Sabah dan Sarawak dipujuk untuk menyertai pembentukan negara Malaysia. Untuk meyakinkan penduduk Sabah dan Sarawak, maka pemerintah Pusat telah bersetuju tentang dua perkara. Bagi penduduk Sabah, batu bersumpah, yang jamin hak serta kebajikan penduduk Sabah diterima manakala dalam kes Sarawak, dengan izin, *20-Points Agreement* dipersetujui untuk kepentingan penduduk Sarawak.

Malangnya tidak lama kemudian, Singapura telah berpisah dari Malaysia. Itu sebabnya ada segelintir penduduk Sabah dan Sarawak yang berpendapat bahawa rasional untuk kekal dalam Malaysia tiada lagi bagi kedua-dua negeri ini dan eloklah Sabah dan Sarawak keluar dari Malaysia. Ini satu keadaan yang bahaya kerana kita janganlah menganggap bahawa sebuah negara itu akan berdiri buat selama-lamanya. Ini kerana kalau kita merujuk kepada sejarah moden ini, banyak negara sekarang sudah berpecah. Czechoslovakia sudah jadi *Czech Republic* dengan Slovakia. Bangladesh pun telah berpisah dari Pakistan. Di Asia Tenggara, Timor Timur pun telah keluar dari Indonesia.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Boleh saya mencelah sedikit?

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Silakan.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator menjelaskan tentang pembentukan Malaysia. Dua perkara. Pertama saya hendak jelaskan sebab-sebab *Singapore* berpisah. Ia bukan hanya disebabkan untuk mengimbangkan jumlah penduduk-penduduk Cina dan Melayu. Itu bukan faktor utama. Kita kena lihat sejarah balik.

Baca buku Lee Kuan Yew, dua buah buku atau tiga buah buku Lee Kuan Yew tulis, saya telah baca semua. Sebab yang utama semasa Tunku Abdul Rahman, Singapura lebih mirip kepada pentadbiran yang berbentuk *racist* dan *cauvinisme*. Itu yang pertama.

Kedua, Singapura lebih mirip menyokong Israel. Kalau baca buku Lee Kuan Yew, semasa di dalam Malaysia Lee Kuan Yew telah mencadangkan supaya kita Malaysia mengiktiraf, bahkan menubuhkan *Consulate of Israel* di Malaysia tetapi telah ditolak oleh Tunku. Keluar sahaja *Singapore* dari Malaysia, pada tahun 1965 juga, tiba-tiba Singapura tanpa menunggu masa yang panjang telah mewujudkan *Consulate of Israel* di *Singapore*. Bahkan pada bulan November 1965, lebih kurang empat bulan atau lima bulan selepas keluar dari Malaysia, Singapura telah mengimport satu gerombolan pakar-pakar ketenteraan dari Israel yang diketuai oleh Kolonel Jack Elazari, *just about* empat bulan atau lima bulan. Pakar-pakar *military* dari Israel yang diketuai oleh Kolonel Jack Elazari datang ke *Singapore* untuk melatih tentera-tentera *Singapore* melawan siapa?

Maka Yang Berhormat, saya cuba hendak jelaskan, baca buku Lee Kuan Yew sendiri. Saya boleh *quote*. Bahkan dalam satu insiden, Lee Kuan Yew telah mengatakan "Kalau sekiranya *Singapura*..." dengan izin, "...*is being surrounded by more than 100 million*...", "Kalau sekiranya *Israel is being surrounded by more than 100 million hostile Arab Muslim*...", sama juga *Singapore is being surrounded by more than 100 million hostile Malay Muslim*. I mean what do you mean by that?

Kita dengan Singapura, kita tidak berniat hendak berperang. Saudara-mara saya pun, saya punya sepupu, makcik saya tinggal di situ. Kita tidak berperang tetapi kita tengok *intention*, niat itu sudah kotor iaitu kalau Yang Berhormat-Yang Berhormat baca buku yang ditulis oleh Lee Kuan Yew sendiri Yang Berhormat boleh *analyze*. Ya, kewujudan Singapura dalam Malaysia berniat jahat. Pada hari ini Singapura telah menggunakan sebuah parti politik di Malaysia ini untuk melaga-lagakan antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak. Seperti kata Dr. Zuhdi *the concept 3S- Sabah, Sarawak and Singapore* untuk menjahankan keharmonian negara kita yang suci ini.

Jadi saya maksudkan, sebabkan saya berterima kasih kepada sahabat-sahabat yang cukup ikhlas tetapi jangan terperangkap dengan mainan kotor politik parti-parti tertentu. Negara kita satu-satunya negara yang cukup aman di Malaysia ini. Ya, kita di *envy* oleh kebanyakan negara di luar. *Maintain it*. Macam Yang Berhormat Senator Tuan Chandra cakap semalam, *maintain it*, pertahankan. Akan tetapi kita kena memahami politik global apakah dan siapakah tangan-tangan ghaib itu yang ada kaitan dengan Israel Zionis itu? Jangan terperangkap. Kalau terperangkap, yang hancur esok siapa Yang Berhormat-Yang Berhormat, "Menang jadi abu, kalah jadi arang." Jadi, berwaspadalah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator, sebelum Yang Berhormat Senator teruskan, saya terpanggil untuk menyeru kepada semua Ahli Yang Berhormat, ini sejarah dan kalau boleh Yang Berhormat semua baca satu perjanjian yang dibuat oleh British dengan tiga-tiga negeri iaitu Singapura, Sabah dan Sarawak.

■1540

Baca apa yang termaktub dalam *agreement* itu dulu sebelum kalau kita hendak bangkitkan buku. Macam-macam buku, bergantung kepada pendapat seorang Editor itu atau penulis itu. Rujuk kepada perjanjian asal, itu saja saya sarankan. Kalau tidak nanti, bercelaru nanti Dewan ini. Mana satu yang betul ini. Sudah itu saya minta sebelum itu baca, hendaklah betul-betul faham, cakap mengikut apa dalam perjanjian tersebut. Itu sebagai pandangan saya untuk menjurus supaya Yang Berhormat bercakap yang lebih relevan mengikut perundangan. Pendapat seorang penulis itu macam-macam. So, sekarang saya kalau boleh Yang Berhormat teruskan Yang Berhormat.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya timbulkan soal segelintir rakyat Sabah dan Sarawak yang sekarang kempen hendak keluarkan kedua-dua negeri ini dari Malaysia, bagi saya ini satu bahayalah yang kita mesti hadapi.

Dalam keadaan sedemikian, pemerintah Pusat mestilah berusaha untuk menawan hati penduduk Sabah dan Sarawak melalui pembangunan ekonomi dan sosial yang adil dan saksama supaya penduduk di Sabah dan Sarawak dapat merasa mereka ini bukan dianaktirikan dan hak serta kebajikan mereka tidak diabaikanlah. Ini saya bersetuju dengan perkara ini kerana setiap kali saya pergi Sabah, mereka menyebut tentang Batu Sumpah.

Saya tanyakan Batu Sumpah, dia cakap Batu Sumpah telah jadi macam batu nisan di mana hak dan kebajikan rakyat Sabah telah digugurkan.

Bagi saya, saya tolaklah. Tolak perkara apa yang mereka sampaikan. Bagi saya itu memang ada sedikit kelemahan dalam dasar yang kita amalkan dan saya menyeru bahawa...

Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim: Saya ada sedikit, boleh?

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Silakan.

Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat. Bagi saya elok spesifik perkara ini ya. Kita sebut dari Sabah, Sarawak, Yang Berhormat mengatakan bahawa hendak keluar dari Malaysia ya. Elok spesifik, sebutkan siapa kerana apa yang kita lihat, terdapat juga yang dari Malaysia yang pergi ke sana menghasut. Jadinya jangan dituduh secara rambang. Fasal apa yang saya dapat lihat iaitu Sabah begitu gembira sekali, begitu seronok sekali bersama dengan Kerajaan Malaysia dan juga Sarawak pun sendiri begitu. Jadi jangan dituduh serambang begitu, tidak baik ya. Jadi, jagalah perpaduan yang ada di dalam negara ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sebelum juga saya fikir kita mengamalkan Sistem Demokrasi Berparlimen. Makna bergantung kepada sistem pemerintah demokrasi. Maknanya sebagai contoh sekarang Sarawak akan mengadakan pilihan raya dan terpulang kepada rakyat Sarawak membuat keputusan. Sudah itu kalau boleh, juruskan perbahasan ini. Jangan sebutlah agaknya soal di mana ini, cuba kita bersikap lebih positif dalam keadaan konteks perlembagaan dan undang-undang negara sekarang ini ya. Silakan Yang Berhormat.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri di sini supaya saya menyeru Kerajaan Pusat mengambil berat tentang hak dan kebajikan rakyat Sabah dan Sarawak. Bukan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, rakyat Sabah dan Sarawak akan menentukan nasib dia dengan memilih kerajaan dia.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Betul.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah itu kalau dia tidak setuju esok, dalam pengundian sistem demokrasi akan menentukan.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin: Tuan Yang di-Pertua, mohon...

Tuan Yang di-Pertua: Kita teruskan. Jangan sebutkan berkenaan Sabah dan Sarawak lagi, terus kepada ini. Silakan.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin: Boleh mencelah?

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi peluang, masa tidak ada.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Pendapat ini merupakan suatu pendapat keluarkan Sabah dan Sarawak merupakan satu ancaman terhadap kestabilan Malaysia. Kenapakah ini telah timbul? Ini kerana daripada segi sumbangan kedua-dua negeri ini, Sabah dan Sarawak adalah sebahagian daripada mereka yang berpendapat sumbangan mereka ini jauh lebih banyak. Misalnya penjualan petroleum dan gas itu mendatangkan banyak keuntungan kepada Kerajaan Pusat.

Manakala apa yang mereka dapat balik itu tidak setimpal dengan apa yang mereka menimbang. Itu sebabnya perasaan tidak puas hati meningkat di kalangan penduduk Sabah dan Sarawak.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin: Boleh sikit?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada bangun. Hendak benarkan?

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin: Terima kasih. Saya tertariklah bila Yang Berhormat hendak menyampaikan pandangan ini. Cuma saya ingin menambah macam apa yang Datuk Hamzah kata. Saya fikir Yang Berhormat dari tadi berulang-ulang kali menyebut rakyat Sabah, rakyat Sarawak hendak keluar dan sebagainya.

Saya pun fikir semalam dalam perbincangan saya pun, saya kata rakyat yang mana. Rakyat minoriti atau rakyat majoriti. Dalam ini pun kita ada ramai dari Sabah dan Sarawak. Kita pun tidak dengar perkara ini berlaku. Jadi saya fikir kalau Yang Berhormat kata soal kebajikan mereka Kerajaan Persekutuan nafikan hak mereka, saya fikir ini tidak benar. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri saya fikir telah pergi ke Sarawak beberapa kali dan seluruh rakyat Sarawak berterima kasih di atas apa yang diberikan.

Jadi saya minta Tuan Yang di-Pertua, supaya- inilah yang saya kata ayat-ayat yang menghasut ini. Ini ayat-ayat menghasut. Jadi tidak perlulah dibawa benda ini di dalam Dewan Negara sebab pada saya tidak ada. Saya bersetuju dengan pandangan Tuan Yang di-Pertua, pilihan raya hendak berlangsung *any time., let them decide*. Kenapakah kita yang di Semenanjung ini balik-balik hendak mengingatkan benda ini? Pada saya ini satu kenyataan yang ada sifat-sifat atau unsur-unsur niat jahat. Jadi, saya minta eloklah berhenti di situ sebab tidak ada siapa yang bercakap pun. Saya pun banyak kenalan di Sabah, Sarawak, tidak ada. *Nobody has been saying that*. Pihak yang cakap ini orang Semenanjung yang pergi cocok di sana, yang menghasut. Jadi, itu saja Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Baik, terima kasih. Itu satu pandanganlah. Akan tetapi saya bukan kata semua penduduk Sabah dan Sarawak, hanya segelintir saja. Dalam mana-mana masyarakat ada segelintir juga, tetapi akan timbul satu masa segelintir ini akan jadi majoriti. Pernah berlaku kalau kita tidak berhati-hati. Maka saya sedarlah bahawa sekarang ini orang Sabah, Sarawak, termasuk juga Semenanjung, mereka lebih berpendidikan tinggi, lebih sedar dan tahu macam mana hendak buat pilihan. Pilihan raya di Sarawak akan bermula tidak lama lagi dan rakyat hari ini di Sabah dan Sarawak pun dapat mengadili dan dapat menimbang tahap kemajuan negara mereka dengan kemajuan yang didapati di Semenanjung Tanah Melayu. Adakah mereka setaraf dengan kita atau masih tertinggal? Ini saya serah kepada pandangan masing-masing. Kalau ada Yang Berhormat di sini percaya bahawa tahap mereka tinggi, itu boleh ambil. Akan tetapi kalau kita tanya daripada mereka macam mana kedudukan kamu ini, kita dapat buat keputusan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, *go to next one* Yang Berhormat. Teruskan.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Ya. Oleh sebab itu bagi saya, Kerajaan Pusat mesti bertindak untuk memberi ruang untuk bersuara, bahas, bahas isu penting yang mengenai hubungan antara Sabah, Sarawak dengan Semenanjung Tanah Melayu. Kita hidup dalam negara ini, Malaysia ini, seolah-olah macam negara Malaysia ini dua buah negara. Sabah dan Sarawak asing daripada Semenanjung Tanah Melayu. Mereka rasa macam mereka ini orang asing dan kita di sana pun kadangkala rasa pun tidak senegara dengan mereka. Ini satu sentimen yang harus dihakislah.

Oleh sebab itu saya berharap bahawa kalau kita hendak mengamalkan demokrasi yang tulen, Kerajaan Pusat harus memberi ruang, skop untuk bahas, bincang dan berkumpul kepada bukan saja penduduk di Sabah dan Sarawak, juga kepada penduduk di Semenanjung Tanah Melayu. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dato' Adam bin Abdul Hamid.

3.49 ptg.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ketika merasmikan Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat, Parlimen Ketiga Belas, pada 7 Mac yang lalu. Sebelum saya pergi lanjut, saya tertarik kepada hujah-hujah Yang Berhormat Dr. Ariffin. Pada saya senang sahaja, Kerajaan Sabah ada wakil dia dalam Dewan ini. Kerajaan Sarawak pun ada wakil dia di dalam Dewan yang mulia ini.

■1550

Tentunya kalau ada isu daripada kerajaan negeri, wakil-wakil inilah yang bertanggungjawab untuk membawanya ke dalam Dewan yang mulia ini. Kenapakah saya kata begitu? Ini kerana, saya wakil dari negeri Johor, begitu juga dengan Yang Berhormat Dr. Ariffin yang menjadi wakil kepada Kerajaan Pulau Pinang. Saya berhenti di situ. Fikir baik-baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak membangkitkan beberapa perkara. Pertama, saya sangat teruja bila Perdana Menteri datang ke Dewan ini pada 18 hari bulan yang lalu. Kemudian, saya lihat pada 19 hari bulan, Timbalan Perdana Menteri hadir dan lebih ramai Ahli-ahli Dewan teruja. Sekalipun peraturan mengatakan soalan tambahan itu tiga sahaja tetapi Menteri sudah terjawab empat. Maknanya, terujanya kita apabila pemimpin tinggi datang ke Dewan.

Apa yang saya hendak katakan di sini ialah saya hendak menyarankan kepada Perdana Menteri, boleh tidak arahkan kepada menteri-menteri supaya, seperti di Dewan Rakyat, hadir juga ke Dewan Negara? [*Tepuk*] Kenapa saya katakan begitu? Ini kerana yang pertama, daripada segi prinsipnya, kita ini semua sekali Ahli Parlimen. Boleh tidak Ahli Parlimen tidak payah datang Parlimen? Tuan Yang di-Pertua sendiri menjadi Yang di-Pertua, kita sangat hormat. Akan tetapi boleh tidak Tuan Yang di-Pertua tidak datang mepengerusikan mesyuarat? Tidak wajar.

Jadi Menteri-Menteri, bagi saya, wajar datang ke Parlimen. Jangan hantar timbalan-timbalan menteri. Kita faham macam hari ini hari Rabu ada Mesyuarat Kabinet, itu tidak mengapa, kita pun faham, tetapi pada hari-hari yang lain, sewajarnya mereka datang.

Kalau mereka datang, apakah kesannya? Seperti yang saya katakan tadi, kita boleh berinteraksi, kita boleh melihat mana satu Menteri yang bekerja, berkemampuan, ada *accountability*, dengan izin, dan begitu juga sebaliknya. Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan juga menteri-menteri juga boleh melihat cara kita berhujah di Dewan. Apa perkara-perkara yang dibangkitkan yang mana mustahak, yang mana tidak mustahak boleh merancang untuk diselesaikan dalam jangka masa yang pendek dan juga jangka masa yang panjang.

Tuan Yang di-Pertua, kesan yang sebenarnya sangat baik dan inilah salah satu cara kita memartabatkan Dewan yang mulia ini. Saya rasa melalui televisyen kita dapat *coverage*, tentunya rakyat juga membuat analisa atas kemampuan kepimpinan dan begitu juga bidang kerja yang dilakukan oleh menteri-menteri di samping kemampuan mereka.

Saya katakan perkara ini kerana Menteri jangan ingat dia banyak kerja. Kita faham dia banyak kerja tetapi kan sudah dijadualkan mesyuarat kita, Dewan Rakyat bila, Dewan Negara bila dan kita boleh merancang jadual kita. Saya harap ini diberikan perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua. Saya hendak membangkitkan balik semula walaupun telah disebut oleh beberapa Ahli Dewan yang mulia ini mengenai kebanjiran buruh asing yang tidak terkawal di negara kita. Bagi saya, bila saya menekankan perkara ini, ini menunjukkan perkara mustahak yang patut diberikan perhatian segera.

Saya minta supaya cuba Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia kita- bila saya sebut, cuba Ahli-ahli Yang Berhormat bayangkan siapa Menterinya? Sekarang, seorang pun, bukan sahaja Menteri, Timbalan Menteri pun tidak ada. Kita lebih terbayang kepada Yang Berhormat Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, Timbalan Menteri.

Saya hendak mencadangkan supaya Yang Berhormat- dan ini saya balik semula mengulas ucapan Yang Berhormat Dr. Ariffin. Pada saya, seorang Menteri sama ada dia dari Semenanjung ataupun dari Sabah ataupun Sarawak, dia mesti menjalankan tugas untuk Malaysia. Jangan misalnya kerana saya dari Sabah, saya hanya fokus untuk Sabah. Walaupun saya daripada Semenanjung, saya hanya menguruskan hal ehwal Semenanjung sahaja. Cuba pergi melawat, nombor satu, *7-Eleven*. Cuba tengok juruwangnya siapa? Boleh pergi sekarang. Pergi ke restoran-restoran seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Datuk...

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Haji Yahaya atau Abbas.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Datuk Haji Yahaya. Fasal dia ini nama banyak sangat.

Tuan Yang di-Pertua: Dua-dua dekat dia.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Kita panggil, "Abbas Batu". Kita cuba pergi lihat restoran. Kalau yang kecil-kecil ini kalau restoran yang dipunyai oleh Orang Melayu, tukang masaknya pun Indonesia, *cashier* dia pun Indonesia. Kalau tidak percaya, pergi semua sekali R&R di seluruh negara. Apa jadi ini, Tuan Yang di-Pertua?

Bagi saya, sudah jelas di peringkat imigresen sendiri bahawa untuk jawatan-jawatan *front liner*, dengan izin, mestilah diberikan kepada penduduk-penduduk tempatan sahaja. Maknanya, kita tidak terkawal tentang perkara ini. Kesannya, anak muda kita tidak dapat kerja, mereka memberontak, mereka kemudian tidak menyokong kerajaan tetapi kita marah.

■1600

Sebenarnya kesilapan ada pada kita. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mencadangkan, Yang Berhormat Menteri juga cuba pergi ke kawasan pembinaan. Pergi juga ke kawasan-kawasan perladangan. Kita akan nampak, kalau pembinaan, dia dirikan kongsi. Kalau di perladangan dia duduk dekat pinggir-pinggir perladangan. Datang kita buat serbuan, mereka lari.

Apakah ini cara yang terbaik atau tidak bolehkah kita fikirkan satu cara yang baru? Bagi saya, saya hendak mencadangkan supaya syaratkan dapatkan kerjasama dengan kerajaan-kerajaan negeri apabila dibuka kawasan perindustrian, mestilah juga diadakan kawasan penempatan pekerja asing dengan berpagar keselamatan. Kalau boleh dipisahkan sekali, Myanmar dengan Myanmar sahaja, Indonesia dengan Indonesia sahaja. Misalnya kata dari Thailand, Thailand sahaja. Perladangan begitu, pembinaan pun begitu...

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

Timbalan Yang di-Pertua: Sila. Yang Berhormat sila sambung.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: ...Dan pekerja-pekerja ini setelah dimasukkan, barulah satu sistem pemulihan dilakukan kepada pekerja-pekerja. Disahkan kemasukan mereka ke tanah air, dibawa masuk di dalam pusat penempatan ini dan kemudian kita boleh menentukan keselamatan negara kita. Selepas itu pasukan pemantauan boleh membuat pemeriksaan secara menyeluruh ke seluruh negara dan yang mana ingkar, keluarkan daripada negara kita.

Kalau kita buat macam ini Tuan Yang di-Pertua, imej negara akan lebih baik di segi pandangan antarabangsa, keselamatan negara kita lebih terkawal dan masalah sosial yang mereka wujudkan juga akan dapat kita tangani dengan baik.

Jumlah pekerja asing ramai di negara kita. Yang sah, saya ingat empat juta, ada. Yang tidak sah, ada kata dua juta, ada kata tiga juta. Kedua-dua sekali kalau kita campurkan, ada tujuh, lapan juta. Penduduk di seluruh negara kita 28 juta. Lapan juta daripada 28 juta satu jumlah yang besar dan kalau kita tidak membuat kawalan yang sempurna, ia boleh membahayakan keselamatan negara kita.

Itu saya tak ambil kira lagi soal pengaliran keluar wang daripada negara kita ke negara asing. Daripada statistik ada yang mengatakan RM10 bilion mengalir wang kita ke luar negara satu tahun. Ada yang mengatakan RM16 bilion dan cuba bayangkan kalaulah wang tersebut berputar di dalam negara, berapa ramai orang dapat nikmat dan berapa ramai orang yang mendapat keuntungan.

Perkara yang ketiga Tuan Yang di-Pertua ialah saya hendak menyentuh soal MBMMBI yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan. MBM iaitu Memartabatkan Bahasa Malaysia, dan MBI iaitu Memperkasakan Bahasa Inggeris. Saya hendak di Dewan yang mulia ini kita buat satu penilaian. Kita tengok dalam televisyen, kalau seorang menteri Melayu bercakap, diwawancara, dia akan cakap separuh dalam bahasa Malaysia, separuh dalam bahasa Inggeris. Betulkah tidak? Kalau pula Menteri Cina bercakap, dia bercakap penuh dalam Bahasa Melayu. Saya suka- misalnya dia kata Yang Berhormat Kamalanathan.

Saya suka misalnya dengan Yang Berhormat Chong Sin Woon. Macam mana kita hendak mencapai matlamat ini sebab kepimpinan melalui teladan. Kita dengar pula di radio, *Sinarkah*, *Suriakah*, apalah pun namanya, kita akan lihat sekarang ini lagu campur, campur aduk bahasa Inggeris, bahasa Melayu. Kita tengok drama, tak sah kalau kata dalam drama Melayu tak bercakap bahasa Inggeris. Itu belum kira iklan-iklan yang kita tengok merata-rata mencampuradukkan.

Jadi, saya hendak memperingatkan kerajaan, kalau kita hendak melakukan sesuatu dasar, telitilah perkara yang kecil-kecil ini kerana kalau kita tak berkemampuan mengatasinya, nescaya apa pun dasar yang kita cuba hendak buat tidak akan berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai GST, saya tak setuju dengan Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah. Pada saya...

Dato' Dr. Johari bin Mat: Boleh mencelah?

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Sila.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Namun, hendak undur sikit. Hendak undur bukan isu yang terakhir, sebelum akhir. Bahasa Malaysia dengan bahasa Inggeris tadi.

■1610

Saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat, bagaimana kaedah, pendekatan, cara yang telah diambil oleh pihak kerajaan, khasnya Kementerian Pendidikan di dalam memartabatkan Bahasa Malaysia sebagaimana yang telah disebutkan tadi. Kalau dalam memperkasakan bahasa Inggeris ini saya nampak, saya nampak tetapi memartabatkan Bahasa Malaysia tak nampak. Oleh sebab boleh jadi kita sudah biasa Bahasa Malaysia, tak nampak agresifnya cara pendekatan yang telah dilakukan. Ini kerana saya melihat dalam hubungan ini, saya hendak tahu pandangan Yang Berhormat.

Kalau memperkasakan bahasa Inggeris ada guru-guru yang dibawa dari luar sekian banyak, latihannya dan pelbagai aktiviti yang telah dilakukan. Kalau Bahasa Malaysia itu, Bahasa Kebangsaan itu apa pula yang telah direncanakan, digarap sehingga dapat kita lihat betul-betul penggunaannya mantap di dalam semua urusan. Satu perkara lagi saya melihat, masyarakat kita Malaysia tidak memberi keprihatinan kepada Bahasa Kebangsaan, bahasa kita berbanding dengan saya tengok bahasa Indonesia.

Orang-orang asing yang berada di negara Indonesia apabila duduk beberapa tahun, dua atau tiga tahun, mereka fasih dalam berbahasa Indonesia. Hal yang sama tidak berlaku di dalam negara kita. Saya ada sekali hadir di satu seminar di Indonesia, di sebuah universiti di Indonesia, seminar itu dalam bahasa Indonesia dan salah seorang panel itu yang sekali dengan saya ialah orang Amerika. Mereka menyediakan penterjemah bahasa Indonesia. Tiba-tiba orang tadi yang wakil dari Amerika tadi bercakap bahasa Indonesia yang fasih.

Saya secara peribadi saya bertanya kepada dia, dia kata saya duduk di sini lebih kurang lima tahun lebih, tetapi dia menguasai bahasa Indonesia yang kita tengok yang lancar. Namun hal yang sama kalau orang itu berada di Malaysia, belum tentu dapat berbahasa Malaysia dengan lancar dan hebat seperti masyarakat Indonesia. Jadi saya minta pandangan Yang Berhormat.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Pandangan saya Tuan Yang di-Pertua, kita ini warganegara Malaysia jati dirinya adalah pada tahap yang lemah. Kita terpaksa mengakui apabila saya sebut tadi, saya kata Menteri Melayu. Sekarang ini bukan itu sahaja, saya ingat dahulu oleh sebab Bahasa Melayu, Bahasa Kebangsaan, kita menulis surat kepada kementerian mestilah dalam Bahasa Melayu. Kalau kita menulis surat dalam bahasa Inggeris, dia pulangkan balik, disuruh hantar balik. Akan tetapi kerana kita sekarang ini dah tak ada jati diri, kita nampak yang bukan Melayu pula lebih kuat dia punya jati diri dia. Ini satu fenomena baru dalam masyarakat Malaysia yang seharusnya kita tangani, kita atasi.

Pada saya, bagus kalau kita menguasai dua bahasa. Lebih banyak, lebih bagus. Akan tetapi mana-mana negara pun ada bahasa kebangsaannya dan kita mestilah memartabatkan bahasa itu seperti yang dilakukan oleh Indonesia tadi. Jadi apabila kita sendiri mempunyai jati diri yang kuat, *inshaa Allah* orang lain ikut. Akan tetapi kalau kita merasakan bahawa itu tidak penting, apatah lagi persepsi kita di Malaysia bahawa bahasa Inggeris itu lebih penting daripada Bahasa Melayu, maka inilah jadinya.

Jadi saya hendak kalau boleh, bukan sahaja kementerian memandang hal ini, Kerajaan Pusat itu sendiri, tetapi juga ilmuwan dan cendekiawan yang ada di IPTA, IPTS di negara kita harus merumuskan dan menyelesaikan masalah kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi balik semula kepada GST tadi. GST baik tetapi yang saya hendak memberi penekanan dalam Dewan ini ialah bagaimana harus kerajaan memperkasakannya. Ini saya hendak cerita daripada pengalaman saya sendiri. Saya pergi kedai makan, dah sudah makan, minta resit, restoran tanya hendak bil atau tidak. Bil ada GST, dia masuk dalam mesin. Tak ada bil, bayar *cash* kemudian tak ada GST. Saya pergi kedai *hardware*, beli barang pun juga begitu. Maknanya boleh diperkasakan lagi dan masih banyak lagi sektor yang boleh kita kenakan GST. Pada saya, kerajaan patut terus dengan GST tetapi yang penting daripada kutipan hasil GST itu, pulangkan balik kepada rakyat jelata daripada segi pembangunan dan juga kebajikan.

Saya bagi contoh Tuan Yang di-Pertua, satu misalnya, tak boleh ke kita bagi bas sekolah percuma pada semua sekali murid di seluruh negara contohnya. Orang suka hati dan orang akan melihat usaha kerajaan mengutip GST sebagai satu usaha yang baik. Kita jangan takut nanti ingat, ah orang kaya pun dia akan hantar anak dia melalui bas sekolah. Tidak, orang-orang ini akan terus hantar anak dia sekolah tetapi orang-orang yang miskin akan mendapat manfaat daripada kutipan GST. Kedua, misalnya tak boleh kah kita bagi kepada mereka yang OKU ataupun orang-orang tua yang sakit, ada penyakit, rawatan percuma. Kerajaan tanggung daripada GST ini. Tentunya boleh kita lakukan kerana kalau kita melakukan ini, kita memberi satu perkhidmatan kepada mereka yang betul-betul memerlukan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya berundur, saya ini dari Johor. Saya dah sebut tadi bahawa saya mewakili Kerajaan Negeri Johor. Kita hendak bertanya kepada Kerajaan Pusat, bila hendak dilaksanakan VEP iaitu *Vehicle Entry Permit*, dengan izin, kereta dari Singapura masuk ke Malaysia.

■1620

Perdana Menteri masa lawatan ke Johor sudah mengumumkan, pelaksanaan sampai ini belum dilaksanakan. Kereta klon berlaku, masuk dari Singapura dapat tangkap dekat Kedah, dekat Kelantan, dekat Perlis. Kalau VEP ini cepat dilakukan, masalah kereta klon dari Singapura masuk ke Malaysia dapat diatasi. Kita pun dapat hasil dan ini menguntungkan kerajaan. Namun jangan lupa oleh sebab masuknya dari Johor bagilah sedikit hasilnya kepada Kerajaan Negeri Johor. Bukan pasal apa, pasal dia melalui jalan yang kita membuat servis seperti jalan dalam Bandaraya Johor Bahru, dia gunakan kita punya tandas awam, pelbagai. Tentunya Johor patut mendapat imbuhan yang sepatutnya.

Akhir sekali, saya juga terpanggil macam kawan-kawan lain tentang persaraan Speaker kita. Dia ada dua hari lagi, tetapi kita rasa satu semangat kekeluargaan yang begitu akrab telah wujud di antara kita Ahli-ahli Dewan dengan Tan Sri Abu Zahar bin Ujang. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu sama ada dia ada lagi di belakang dengar kita ataupun minta sampaikan apa yang saya pantungkan ini. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua mesti sampaikan betul-betul macam mana saya ucapkan dalam pantun.

*Pulau Pandan jauh ke tengah;
Gunung Daik bercabang tiga;
Hancur badan dikandung tanah;
Khidmat yang baik dikenang jua.*

*Pulau Tinggi terindah China;
Nampak dari Pulau Seribu;
Tuan pergi tentulah lama;
Badan den merasai menanggung rindu.*

*Kas kas biji popi;
Penyedap kari dalam belanga;
Belanjalah kami minum kopi;
Kan pencen Speaker besar jua.*

Tuan Yang di-Pertua, diucapkan berbilang-banyak terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, itulah sikap pemimpin budi baik dikenang jua. Sifatnya yang baik tadi mengenang budi, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Adam bin Abdul Hamid. Sekarang dijemput pula ahli Dewan Negara kita iaitu Yang Berhormat Tuan Ramli bin Shariff.

4.24 ptg

Tuan Ramli bin Shariff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum* dan salam 1Malaysia kepada semua sahabat saya Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kesempatan ini saya juga ingin menjunjung kasih pada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Baginda yang merangkumi segala aspek yang wajar kita teliti dan kita ambil perhatian atas keprihatinan Baginda kepada negara dan rakyat khususnya. Dalam perbincangan Titah Diraja ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengetengahkan beberapa perkara yang pada pendapat saya perkara-perkara ini harus diambil perhatian dan fokus daripada semua pihak.

Yang pertama isu-isu yang membabitkan kakitangan awam. Seperti yang kita sedia maklum penjawat awam yakni pegawai dan seluruh kakitangannya merupakan tiang seri negara kita ini. Mereka ini merupakan ataupun menggambarkan suatu imej negara.

Oleh yang demikian pihak kerajaan sering menekankan budaya kerja kelas pertama kepada semua penjawat awam kerana mengusahakan tanaman yang baik akan membuahkan hasil yang baik, Tuan Yang di-Pertua. Namun pada hari ini, isu yang membabitkan kakitangan awam banyak sekali dibicarakan. Bermula daripada kakitangan sokongan hinggalah dalam kalangan pengurusan dan profesional. Antara masalah yang utama yang sering dibicarakan ialah masalah sikap segelintir penjawat awam itu sendiri dan pengurusan yang lemah.

Sebenarnya masalah sikap satu masalah yang lama berakar umbi di kalangan penjawat awam. Masalah sikap ini sering kali dikaitkan dengan perkara-perkara yang tidak baik yakni negatif seperti lewat memberikan perkhidmatan, pengurusan yang lemah dan tidak efisien, tidak mesra, tidak cekap, kurang pengetahuan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga sering mendengar rintihan rakyat yang sering kali mengadu bahawa sistem pengurusan di pejabat awam dikatakan amat lemah. Antara masalah-masalah yang sering didengari ialah antaranya:

- (i) masalah sistem bayaran di kaunter-kaunter dan pejabat-pejabat awam yang mengambil masa terlalu lama dan jumlah kaunter yang dibuka hanya sedikit;
- (ii) penjawat awam tidak mesra dan sambil lewa;
- (iii) mesin bayaran dan perkhidmatan juga sering kali rosak dan tidak berfungsi;
- (iv) talian pengguna amat sukar untuk dihubungkan kepada pegawai khidmat;
- (v) antara contohnya penggunaan dan pengurusan secara *online* yang tidak mesra pelanggan.

Banyak lagi masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat Tuan Yang di-Pertua. Tambahan pula kita juga da mendengar aduan mengenai sikap penjawat awam yang asyik dan leka dengan telefon bimbit, *smartphone*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, ketika mereka bertugas. Lebih teruk lagi terdapat segelintir kakitangan awam yang berinteraksi dengan pelanggan atau pengguna sambil melayan ataupun sibuk dengan telefon bimbit oleh sebab kemudahan media sosial ini *WhatsApp* dan juga *Facebook*.

Ini suatu perkara yang dalam realiti kehidupan kita hari ini Tuan Yang di-Pertua. Perkara-perkara ini saya rasa jelas bertentangan dengan polisi dan tanggungjawab kakitangan awam terhadap kerja mereka dan ia memberi imej yang buruk kepada masyarakat. Saya percaya juga terdapat surat pekeliling yang dikeluarkan melalui tatacara penggunaan, tetapi kurang dipatuhi.

Pihak atasan kakitangan awam juga sering kali menghadapi masalah salah guna cuti sakit dan masa rehat, minum. Tidak kiralah sama ada di peringkat bawahan mahupun atasan. Jelas di sini Tuan Yang di-Pertua, masalah sikap dan pengendalian serta pengurusan yang lemah merupakan masalah yang menjadi dilema dalam kalangan penjawat awam dan masyarakat.

■1630

Masalah-masalah yang saya nyatakan sebentar tadi telah menjejaskan kualiti dan imej kerajaan. Di manakah integriti dan kemajuan kita jika perkara ini berterusan? Oleh yang demikian, di kesempatan ini saya ingin menyeru kepada semua pihak, khususnya kakitangan awam, tidak kira bawahan mahupun atasan, untuk berubah dan kembali memberikan 100 peratus usaha dan komitmen untuk mengembalikan keyakinan masyarakat, memperbaiki mutu kerja, menaikkan kembali imej penjawat awam dan bersama-sama membantu kerajaan dalam memberi yang terbaik untuk negara dan masyarakat. Sikap ataupun sentimen hanya bekerja makan gaji harus dibuang jauh daripada pemikiran penjawat awam. Terutama ketika kita berhadapan dengan kehendak dan aspirasi rakyat yang semakin meningkat dan tinggi pada hari ini.

Saya percaya juga pihak kerajaan sentiasa mengambil langkah untuk mengubati dan mengatasi isu ini. Baru-baru ini juga kerajaan telah mengisytiharkan kenaikan yang bagus kepada sektor awam. Saya harap perkara ini menjadi satu motivasi kepada pihak sektor awam untuk meningkatkan lagi kualiti kerja. Saya juga menyeru pihak kerajaan agar sentiasa memandang penting dan serius perkara ini dan satu usaha yang lebih mampan amat diperlukan bagi mengatasi masalah ini.

Saya juga ingin memetik kata-kata Ketua Kluster Politik, Keselamatan dan Hal Ehwal Antarabangsa Majlis Profesion Negara iaitu Dato' Dr. Mohamed Mustafa Ishak. Petikannya adalah *"...amalan kerja yang cekap, cepat serta berintegriti dalam melaksanakan tanggungjawab akan meningkatkan keyakinan rakyat terhadap prestasi perkhidmatan awam. Mereka harus sedar gaji mereka dibayar melalui cukai yang dikutip daripada duit rakyat. Rakyat mahukan kerja yang cekap dan berkesan dengan pencapaian paling optimum."*

Dalam sebuah hadis, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, manusia yang paling dikasihi Allah SWT ialah orang yang memberi manfaat kepada orang lain dan amalan yang paling disukai oleh Allah SWT menggembirakan hati orang Islam atau menghilangkan kesusahan daripadanya atau menunaikan keperluan hidupnya di dunia atau memberi makan orang yang lapar.

Tuan Yang di-Pertua, di kesempatan ini juga saya mengambil peluang untuk menyeru para penjawat awam bersempena dengan Hari Pekerja yang bakal disambut tidak lama lagi agar tahun ini menjadi tahun yang lebih baik daripada sebelumnya. Sikap dan pemikiran penjawat awam terhadap kerja dan kerjaya perlulah berubah.

Seharusnya mereka bukan sahaja berusaha memuaskan hati orang lain tetapi lebih penting mendapatkan kenikmatan diri sendiri daripada tugas yang berjaya dilaksanakan dengan baik. Apabila perasaan ini berjaya dipupuk, rasa bangga terhadap tugas akan terbina. Apa yang pasti, hanya penjawat awam yang bangga dengan tugasnya akan dapat melaksanakan kerja itu dalam apa jua keadaan atau persekitaran. Apatah lagi perkhidmatan yang diberikan itu begitu mulia dan bukan calang-calang orang dapat melaksanakan tugas tersebut. Oleh itu, saya menyatakan bahawa berbanggalah dengan kerja anda.

Tuan Yang di-Pertua, isu seterusnya yang saya akan ketengahkan pada hari ini mengenai isu keselamatan sempadan negara kita. Mengikut statistik kes pemerdagangan orang dan penyeludupan migran yang dikeluarkan oleh Sekretariat Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran dan telah diterbitkan oleh Bahagian Penerangan Dasar Negara, setakat tahun 2008 sehingga 2014 di negara kita ini, jumlah kes pemerdagangan orang meningkat hampir 30 peratus setiap tahun yang mana tahun 2014 merekodkan angka jumlah 186 kes.

Statistik penyeludupan migran juga meningkat mendadak, di mana dalam tahun 2014 sahaja merekodkan sebanyak 120 kes. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menganggarkan secara kasar lebih kurang 700 ribu hingga 4 juta orang wanita dan kanak-kanak didagangkan setiap tahun.

Manakala, di *International Labor Organization*, dengan izin, menganggarkan seramai 12.3 juta orang manusia di seluruh dunia buruh paksa. Malah, *NGO Free the Slave*, dengan izin, menganggarkan bahawa terdapat 27 juta orang hamba di seluruh dunia pada ketika ini. Ini merupakan satu angka yang membimbangkan.

Bagi kes penyeludupan barang pula, Ketua Pengarah UPP berkata sejak tahun lalu, UPP melaksanakan sebanyak 8,109 operasi dan berjaya memperoleh 626 kes membabitkan nilai rampasan berjumlah 12.77 juta. Nilai rampasan barang juga tinggi yang dicatatkan iaitu misalnya kenderaan, seperti mana yang disebut oleh rakan saya wakil dari Johor tadi, diikuti kayu sebanyak 3.622950 juta, diesel dan petrol 504,497, manakala minuman keras dan kotak berjumlah 416,980. Turut dirampas senjata api, haiwan, dadah, mata wang dan juga lain-lain barang seperti kosmetik, mercun dan bunga api, beras, perikanan, perangkaan penerbitan filem serta baja dan racun.

Angka statistik ini amat membimbangkan Tuan Yang di-Pertua. Aktiviti pemerdagangan manusia iaitu *human trafficking*, dengan izin, jika tidak dibendung boleh menyebabkan sebuah negara itu menjadi huru-hara. Situasi ini merupakan salah satu bentuk ancaman, khususnya di Malaysia yang mana kedudukan yang strategik selain keadaan negara yang aman serta peluang ekonomi yang baik. Malaysia menjadi antara negara berpotensi besar untuk aktiviti jenayah pemerdagangan manusia bergerak aktif.

Tuan Yang di-Pertua, faktor yang mendorong *trafficking*, dengan izin, di negara ini disebabkan peluang pekerjaan, kestabilan ekonomi serta penggunaan tenaga buruh daripada sektor pembinaan dan pertanian. Malaysia secara umumnya negara destinasi sama ada bagi lelaki, wanita dan juga kanak-kanak berhijrah. Kebanyakannya dari ASEAN, termasuk juga dari China, Nepal, India, Pakistan dan Bangladesh.

Malaysia ini bertuahnya negara sumber tetapi menjadi negara transit bagi wanita dan kanak-kanak untuk didagangkan bagi tujuan aktiviti seks ataupun pelacuran dan juga buruh paksa. Senario ini mendatangkan impak negatif kepada negara kita. Dikhuatiri pemerdagangan orang ini akan menyebabkan pelbagai masalah daripada aspek kesihatan, sosial dan yang paling penting iaitu aspek keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, aktiviti penyeludupan barang dari luar negara seperti senjata api, mercun, kosmetik dan makanan mengandungi kimia berbahaya pula semestinya mengancam keselamatan rakyat negara ini. Antara laluan penyeludupan yang popular Padang Besar di Perlis iaitu dari negeri yang saya wakili, Bukit Kayu Hitam di Kedah, Pengkalan Hulu di Perak serta Rantau Panjang, Pasir Mas dan Pengkalan Kubor di Kelantan. Dalam masa yang sama, kawasan sempadan dengan Indonesia, Filipina dan Brunei tidak terlepas menghadapi masalah tersebut. Kegiatan haram ini perlu disekat kerana isu penyeludupan yang berlaku di sempadan jika tidak ditangani, bukan saja boleh memberi kesan terhadap ekonomi dan sosial tetapi turut mengancam keselamatan negara.

■1640

Oleh itu, pihak yang bertanggungjawab dalam menangani isu ini seperti PDRM, RELA, imigresen, kastam, Angkatan Tentera serta badan-badan beruniform yang lain perlu mengambil langkah yang lebih proaktif di dalam membanteras isu ini.

Dalam konteks global dan serantau aktiviti ini perlu dibanteras secara serius. Perlu diwujudkan rangkaian kerjasama serantau serta perkongsian bijak terutama kekuatan daripada segi teknologi, komunikasi dan jaringan keselamatan bagi memastikan semua langkah yang diambil di dalam menangani sindiket pemerdagangan manusia dan penyeludupan barang dapat dilakukan dengan lebih teratur dan bermanfaat kepada semua negara bagi jangka masa panjang.

Suatu usaha perlu dilakukan oleh kerajaan dengan penuh komitmen dan pelaksanaan strategik terutama dalam meningkatkan sistem penyampaian kerajaan. Pelaksanaan perlu dilengkapi dan disokong dengan aspek perundangan yang tersusun, kakitangan yang komited dan kewangan yang mantap. Tanpa elemen-elemen ini, adalah sukar bagi kerajaan mencapai sasaran dalam pelan induk mengenai antipemerdagangan manusia dan antipenyeludupan barang.

Tuan Yang di-Pertua, isu seterusnya yang saya ingin sentuh ialah penyalahgunaan dadah di Malaysia ini dan banyak disentuh oleh jawapan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga daripada kalangan sahabat-sahabat saya anggota Ahli Dewan Negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini masalah pengedaran dan penagihan dadah masih merupakan salah satu ancaman yang serius. Saya ingin memetik bahawa di dalam *The United Nations Office on Drugs and Crime*, dengan izin, menyatakan bahawa di rantau Asia Tenggara pengedaran dadah merupakan satu bentuk perdagangan haram yang berada pada kedudukan kedua paling menguntungkan selepas perniagaan senjata api. Menurut Laporan Tahunan Polis Diraja Malaysia 2014, terdapat dua kategori atau trend utama dalam kes pengedaran dadah di Asia Tenggara.

Pertama, mengedar dan menyeludup dadah jenis tradisional, manakala kedua, dadah jenis sintetik. Aktiviti jenayah terancang merupakan kegiatan jenayah serius dan bersistematik. Seperti yang dilaporkan oleh Biro Penyiasatan Persekutuan di Amerika Syarikat jenayah terancang ini merupakan dengan izin, *an organized crime enterprise is a continuing conspiracy having an organized structure fed by fear and corruptions and motivated by greed*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Oleh yang demikian, isu dadah ini bukan isu yang calang-calang dan seharusnya mendapat perhatian yang serius daripada semua pihak. Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia mengutarakan kebimbangan mereka mengenai bahaya penyeludupan dan penggunaan dadah di Malaysia dan berpendapat bahawa Malaysia tidak akan bebas dari dadah jika usaha yang menyeluruh secara besar-besaran tidak dilakukan dalam masa terdekat.

Statistik yang dikeluarkan oleh AADK menunjukkan peningkatan jumlah penagih dadah iaitu daripada 20,887 orang pada tahun 2013 kepada 21,777 orang pada tahun 2014. Bagi mengatasi masalah dadah ini bukanlah dari rantingnya sahaja malah dadah dan akarnya juga perlu dibuang supaya Malaysia dapat bebas daripada isu dadah. Saya juga berkongsi masalah yang seperti mana dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam menjawab soalan *kingpin* ini dan kita sedar dengan *constraint* yang kita hadapi, Tuan Yang di-Pertua.

Saya juga seterusnya memuji tindakan kerajaan yang tidak putus-putus berusaha untuk membanteras isu penyeludupan dan penyalahgunaan dadah. Syabas saya ucapkan kepada Kementerian Dalam Negeri yang telah menggabungkan beberapa buah agensi pencegahan dadah di negara ini di bawah satu badan induk atau tunggal bagi memastikan semua proses pencegahan, pemulihan dan pembanterasan dadah dapat diselaraskan dengan lebih berkesan.

Antara agensinya itu ialah PEMADAM, AADK, Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik PDRM, Unit Pencegahan Dadah Jabatan Kastam serta agensi dadah dalam Jabatan Kesihatan. Juga banyak lagi usaha kerajaan bagi memerangi kes penyeludupan dan penggunaan dadah ke akar umbi. Hasrat kerajaan untuk menjadikan negara ini bebas dari dadah harus dipuji.

Namun demikian, langkah ini amat memerlukan komitmen dan kesungguhan politik dan penyertaan sepenuhnya oleh semua sektor masyarakat termasuk ibu bapa, guru, kerajaan, agensi bukan kerajaan, badan-badan sukarela, pertubuhan agama dan institusi keluarga perlu bekerjasama supaya dapat mencapai objektifnya. Jelas sekali kita tidak dapat bergantung kepada satu pihak sahaja untuk menangani isu dadah.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong saya turut mendoakan agar Malaysia terus makmur serta kita mendapat taufik dan hidayahNya, bersatu-padu, sejahtera, toleransi, hormat-menghormati dan hidup sentosa di bawah lindunganNya. Sebelum saya akhir kalam ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin secara peribadinya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Tan Sri Speaker kita yang akan bersara dua, tiga hari lagi ini di atas segala budi baiknya saya ucapkan secara peribadinya jutaan terima kasih. Saya dengan ini menyokong Titah Diraja. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Ramli Shariff dan sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yassin.

4.47 ptg.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia, salam sehatı sejiwa. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, yang tua dihormati yang muda dikasihi. Terima kasih atas peluang yang diberi.

Kesempatan ini saya gunakan berkesempatan berucap Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong saya terlebih dahulu mengucap syukur ke hadrat Allah SWT kerana dapat turut sama memberikan ucapan Menjunjung Kasih di atas Titah Yang di-Pertuan Agong Al-Mu'tasimubillah Muhibbudin Tuanku Al-Haj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ilni Almarhum Sultan Badlishah.

Semoga Tuanku Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong dianugerahkan kesihatan yang berterusan untuk terus menaungi dan memayungi negara yang tercinta ini. Saya juga mengambil kesempatan ini mengalu-alukan pelantikan Yang Berhormat Datuk Seri sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan diharap Yang Berhormat Datuk Seri dapat menjalankan tugas dengan tanggungjawab yang baik.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin: Saya juga merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada mantan Timbalan Speaker Datuk Doris Sophia yang telah melaksanakan tugasnya dengan cemerlang pada masa yang lepas dan diharap beliau dan keluarga beroleh kejayaan dalam kehidupannya. Dalam Titah Baginda Tuanku telah menyentuh secara menyeluruh pelbagai aspek negara termasuklah pengurusan bencana, ancaman keselamatan negara, pembentukan komuniti ASEAN, ketidaktentuan ekonomi dan politik global, pengurusan ekonomi dan dasar negara, transformasi ekonomi, pengubahsuaian Bajet 2016 dan perjanjian TPPA.

■1650

Saya akan menyentuh beberapa perkara dalam ucapan ini dan saya berharap perkara-perkara yang akan disentuh ini akan mendapat respons atau jawapan yang sebaiknya daripada pihak kerajaan. Izinkan saya dalam ucapan ini dalam Titah Yang di-Pertuan Agong menyentuh beberapa perkara penting berhubung dengan usaha memerangi perdagangan manusia, memartabatkan pendidikan negara, potensi agromakanan, memajukan luar bandar, menangani kos sara hidup dan memartabatkan agama Islam.

Pertama, Kementerian Dalam Negeri. Saya ingin menarik perhatian dalam Titah Tuanku telah menyentuh berhubung langkah kerajaan mempertingkatkan usaha membanteras perdagangan manusia yang telah mendapat pengiktirafan antarabangsa dan membantu membaiki kedudukan Malaysia dalam Laporan Tahunan Jabatan Negara Amerika Syarikat mengenai isu perdagangan manusia. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa tahap kedudukan *tier level*, dengan izin, berlandaskan Laporan Tahunan Jabatan Amerika Syarikat mengenai perdagangan manusia adalah penting daripada segi hubungan negara ini daripada segi politik dan ekonomi Amerika Syarikat dan hubungan antarabangsa.

Dari tahun 2001 hingga 2015, Malaysia tidak pernah mencapai *tier level* satu walaupun saya mengakui pelbagai langkah telah diambil daripada segi perundangan, penguatkuasaan dan kemanusiaan bagi meningkatkan *tier level* ini. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan. Pertama, sejauh mana impak pengenalan Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang (2007), atau Akta 670 yang kemudiannya dipinda kepada Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Imigran 2010 dan Pindaan 2015 ini memberi kesan atau membantu meningkatkan tahap *tier level* negara ini dan dalam TIP Reports.

Kedua, apa langkah kerajaan atau Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang digunakan untuk meningkatkan *tier level* atau mencapai *tier level one*, dengan izin, menjelang tahun 2020 dan seterusnya meningkatkan hubungan antarabangsa. Ketiga, adakah kerajaan bercadang untuk mengenakan hukuman yang lebih berat seperti penjara seumur hidup terhadap pesalah perdagangan manusia ini sebagaimana yang telah diamalkan di *United Kingdom* berbanding penjara di negara kita ini, maksimumnya selama 10 tahun sahaja. Keempat, apakah hasil daripada persidangan Proses Bali baru-baru ini daripada segi membanteras perdagangan manusia dan jenayah rentas sempadan khususnya daripada segi undang-undang dan penguatkuasaan?

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan. Kementerian Pendidikan berhubung dengan pendidikan ini, saya ingin membangkitkan tentang gesaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak bahawa usaha yang melahirkan generasi yang menghayati Islam secara menyeluruh dan pada masa yang sama, menguasai sains serta teknologi adalah sebahagian daripada agenda pendidikan negara. Perdana Menteri menekankan betapa keseimbangan duniawi dan ukhrawi penting kerana kemajuan dan cabaran abad ke-21 ini menimbulkan masalah sosial. Oleh itu, pembentukan akhlak yang mulia adalah sangat penting.

Sehubungan dengan itu, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan Negeri Terengganu di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Ahmad Razif Abdul Rahman sekarang ini yang telah menjadi perintis program pengajian bagi melahirkan ulama rabbani yang pakar dalam bidang agama dan kehidupan. Ulama yang memiliki sahsiah dan keilmuan yang tinggi seperti tokoh-tokoh Islam ternama seperti Dr. Yusuf Al-Qaradawi, Dr. Wahbah Az-Zuhaili, Dr. Said Ramadan Al-Bouti, Dr. Muhammad Al-Mukhtar Al-Shinqiti dan ramai lagi. Program ini dikenali sebagai Al-Syahadah Al-Ulya Ulul Albab, telah dilancarkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 6 Julai 2015 yang lalu dan perasmian program oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu pada 2 April 2016 yang lalu.

Dengan pengambilan pertama seramai 50 orang pelajar, mereka ini ditempatkan di Imtiaz, Besut. Program ini mendapat kerjasama Yayasan Terengganu, JAKIM dan Kementerian Pendidikan Malaysia serta disokong oleh Kementerian Pendidikan Tinggi. Meliputi bidang pengajian agama menerusi pembelajaran Kitab Turath iaitu kitab-kitab lama, pengajian akademik menerusi pembelajaran bidang sains tulen, hafazan dan penghayatan *Al-Quran* dan bahasa Arab. *Inshaa Allah* dalam masa 12 tahun akan datang, Terengganu akan melahirkan 50 orang ulama rabbani yang menjadi bintang dan pelita kepada ummah dan penjadi pelapis kepada *ashabul samahah* mufti, timbalan mufti, yang arif hakim syarie dan ahli agama di negara ini serta mahir dalam bidang-bidang lain seperti bidang-bidang profesional dan sebagainya.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, penubuhan Imtiaz ini telah diilhamkan dan direalisasikan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Haji Idris Jusoh, Menteri Pendidikan Tinggi sekarang ini dan semenjak tahun 2000 lagi. Tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Seri Haji Idris Jusoh di mana Tuan Yang di-Pertua, sebagai contohnya, seorang murid yang belajar di Imtiaz ini dipilih dalam masa tiga tahun dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3. Apabila sampai keputusan PT3, di samping dia mendapat keputusan yang cemerlang, murid-murid ini juga menjadi seorang hafiz *Al-Quran* sebanyak 30 juzuk dalam masa tiga tahun. Salah seorang murid yang saya dapat keputusannya baru-baru ini, namanya Ahmad Al Badawi bin Mustafa mendapat 11A cemerlang dalam peperiksaan PT3 dan juga dalam masa yang sama, dia menjadi seorang hafazan sebanyak 30 juzuk.

Tuan Yang di-Pertua, inilah inisiatif yang dilahirkan oleh pemimpin-pemimpin kita, pemimpin-pemimpin kerajaan kita yang ditunjangi oleh UMNO dan Barisan Nasional. Saya juga ingin mendapatkan penjelasan kerajaan khususnya JAKIM dan Kementerian Pendidikan serta Kementerian Pendidikan Tinggi, apakah langkah-langkah kerajaan seterusnya bagi menyokong program ini termasuk dari universiti awam di peringkat menengah asasi ijazah dan lepasan ijazah bagi memastikan kejayaan melahirkan ilmuan Islam ini? Apakah langkah seterusnya seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini akan membuat dasar iaitu Dasar Pendidikan Tahfiz Negara atau DPTN?

Seterusnya Kementerian Pendidikan Tinggi. Tuanku turut menyentuh berhubung dengan pengajian tinggi dan saya ingin menyentuh berhubung dengan cadangan Kementerian Pendidikan Tinggi untuk memperkenalkan program Dua Tahun Universiti dan Dua Tahun Industri atau 2U2I, bagi meningkatkan kebolehan pasaran graduan di beberapa buah universiti dalam beberapa bidang pengajian. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan Tinggi berhubung universiti dan bidang pengajian yang dicadangkan untuk dijalankan di bawah program 2U2I ini.

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan objektif dan matlamat penubuhan ini serta sasaran yang ingin dicapai bagi membolehkan graduan-graduan ini mendapat pasaran yang seterusnya.

Seterusnya, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Baginda turut bertitah menyentuh berhubung dengan sektor pertanian khususnya potensi agromakanan melalui Dasar Agromakanan Negara 2011-2020. Bagi meningkatkan sumbangan sektor pertanian kepada ekonomi negara, saya mengalu-alukan langkah kerajaan memperkenalkan dasar ini dengan objektif untuk menjamin bekalan makanan yang mencukupi menjadikan industri agromakanan sebagai industri yang berdaya saing dan mampan, seterusnya meningkatkan tahap pendapatan usahawan tani.

■1700

Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan. Pertama, apakah langkah dan strategi kerajaan bagi memacu dan membangunkan lagi industri padi dan beras negara melalui Dasar Agromakanan Negara ini bagi meningkatkan pengeluaran padi dan beras negara? Kedua, apa langkah kerajaan bagi membela golongan petani dan pesawah yang terjejas akibat, sebagai contohnya fenomena El Nino masa kini ataupun fenomena banjir dan sebagainya? Adakah kerajaan akan melaksanakan skim insurans pertanian untuk membantu penanam-penanam padi negara ini yang terjejas akibat banjir, bencana alam seperti kemarau dan banjir ini?

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Luar Bandar dan Wilayah merupakan satu kementerian yang sangat penting juga dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh 2011 hingga 2015 yang telah berjaya menggubal Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar dan model baru ekonomi luar bandar pada tahun 2010 dan seterusnya Program Transformasi Luar Bandar pada tahun 2012.

Bagi menambah baik penyampaian perkhidmatan di luar bandar, kerajaan telah menubuhkan Pusat Transformasi Luar Bandar dan *mini RTC* dan Pusat Transformasi Komuniti Bergerak atau *Mobile CTC*. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan bilangan RTC, *mini RTC* dan *Mobile CTC* yang telah diwujudkan oleh kerajaan di seluruh negara dan sejauh manakah ia telah memberi manfaat kepada penduduk luar bandar? Saya mohon mencadangkan kerajaan untuk mewujudkan lebih banyak RTC ini khususnya di Besut, Setiu, Hulu Terengganu dan juga Kemaman di Terengganu.

Seterusnya saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang terus memberikan keutamaan untuk mempertingkatkan *inclusivity* pembangunan luar bandar selaras dengan perkembangan ke arah mencapai negara maju yang inklusif dengan memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan kesejahteraan masyarakat luar bandar, merangsang aktiviti ekonomi dan penyediaan asas luar bandar.

Saya juga memuji langkah kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas ini yang mana pada tahun 2016 hingga 2020 telah mengguna pakai pendekatan serampang dua mata bagi membangunkan masyarakat luar bandar iaitu yang pertama, menambah baik program sedia ada untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan, dan keduanya, memperkukuh dan menyelaras mekanisme pelaksanaan antara agensi berkaitan.

Populasi penduduk luar bandar dijangka merosot daripada 25.7 peratus pada tahun 2015 kepada 22.8 peratus pada tahun 2020. Ini saya tidak tahu statistik ini tetapi saya fikir orang luar bandar ini kurang produktif. Sama ada dia makin meningkat umur-Yang Berhormat Dato' Boon Som, orang luar bandar ini kurang produktif, daripada 25.7 peratus kepada 22.8 peratus pada tahun 2020. Namun, saya mengharapkan kerajaan akan meneruskan transformasi luar bandar daripada segi ekonomi, pembangunan modal insan, menaik taraf infrastruktur dan sistem penyampaian.

Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, apakah langkah dan inisiatif untuk membangunkan 200 buah koperasi di kampung dan mewujudkan profil 17,900 buah kampung seluruh negara yang komprehensif melalui Sistem Profil Kampung Peringkat Nasional?

Saya ingin mendapatkan penjelasan bilangan koperasi kampung atau desa yang telah ditubuhkan dan apakah langkah kerajaan bagi menubuhkan lebih banyak koperasi di luar bandar dan seterusnya meningkatkan penyertaan masyarakat luar bandar dalam kegiatan koperasi?

Seterusnya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Saya menerima baik langkah kerajaan menubuhkan Jawatankuasa Tertinggi Menangani Kos Sara Hidup Rakyat yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang membuktikan komitmen dan keseriusan kerajaan dalam menangani isu kenaikan kos sara hidup.

Saya memuji langkah kerajaan ini yang proaktif dan bersepadu termasuk melibatkan pelbagai agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) serta pengguna dalam menangani kos sara hidup ini. Kita tidak dapat menafikan ia berpunca daripada kenaikan harga barang yang sering kali dilakukan oleh peniaga yang mengeksploitasi pengguna.

Saya juga amat bersetuju dan menghargai saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini bahawa kerajaan tidak membolehkan membiarkan kuasa pasaran digunakan sewenang-wenangnya oleh peniaga untuk mengeksploitasi harga.

Sebagai contoh, harga makanan yang dijual di kawasan awam, umpamanya harga setin *Nescafe original*, dijual dengan harga RM3.70 di Terminal Bersepadu Tasik Selatan (TBS) sedangkan ia dijual dengan harga RM2.20 hingga RM2.60 sahaja di kedai serbaneka atau di stesen minyak. Peniaga-peniaga di sini telah mengambil kesempatan dengan menjual harga makanan yang mahal.

Saya minta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri segera membuat operasi di Terminal Bersepadu Selatan kerana bukan sahaja kerajaan perlu memastikan mengawal harga dan mengurangkan harga tetapi juga KPDNKK sepatutnya mempergiatkan penguatkuasaan serta penyenaraian produk di pasaran.

Saya juga mengalu-alukan penubuhan Jawatankuasa Kecil Menangani Kos Sara Hidup yang ditubuhkan oleh kerajaan bagi mengenal pasti pelbagai isu dan masalah bebanan hidup yang dihadapi di semua peringkat termasuklah yang tergolong dalam golongan B40 yang berpendapatan RM3,000 sebulan. Dalam hubungan ini, saya ingin mencadangkan keperluan untuk mekanisme baru bagi mendidik pengguna tersebut termasuk penerangan lebih jelas mengenai indeks harga pengguna. Selain itu, saya mencadangkan agar ilmu kepenggunaan dimulakan di peringkat sekolah lagi.

Baru-baru ini kerajaan mengumumkan 1,238 buah premis perniagaan di seluruh negara yang menerima Anugerah Kedai Harga Patut 2016 meliputi kategori kedai runcit, pasar raya, kedai makan, alat tulis, buku dan kedai pakaian. Tahniah kepada kerajaan khususnya KPDNKK. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, apakah kriteria pemilihan kedai-kedai ini? Saya berharap kerajaan akan menghebahkan senarai kedai-kedai harga patut ini sebagai panduan kepada pengguna.

Dalam hal ini, saya ingin mencadangkan agar kerajaan khususnya KPDNKK bukan sahaja mengenal pasti kedai harga patut tetapi memberikan gred kepada semua premis atau kedai tersebut sama ada Gred 'A', 'B' atau 'C' supaya ia menjadi panduan kepada pengguna untuk menggunakan kedai-kedai tersebut. Sudah sampai masanya bukan sahaja KPDNKK mengenal pasti kedai harga patut tetapi juga kedai harga sederhana patut dan kurang patut. Melalui cara ini, pengguna dapat menggunakan kuasa pengguna untuk memilih sesuatu premis atau kedai itu.

Jabatan Hal Ehwal Islam. Yang di-Pertuan Agong juga telah bertitah berhubung inisiatif mendaulatkan Islam sebagai Agama Persekutuan dengan memperkukuhkan institusi agama Islam, kecekapan pelaksanaan undang-undang pentadbiran Islam dan pemerkasaan mahkamah syariah.

Dalam hubungan ini, saya juga mengucapkan setinggi penghargaan dan tahniah kepada kerajaan yang telah berjaya mencapai 75.2 peratus Indeks Syariah Malaysia 2015 secara keseluruhannya dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, perundangan Islam, ekonomi, politik, kesihatan, sosial, kebudayaan dan prasarana serta persekitaran.

Indeks Syariah Malaysia 2015 ini merupakan sistem pengukuran pertama kali diperkenalkan di dunia. Ia hasil dapatan kajian yang telah memakan masa enam bulan yang melibatkan 10,000 orang responden daripada kumpulan pembuat dasar, pelaksanaan dasar dan masyarakat oleh sekumpulan penyelidik berjumlah 133 orang penyelidik melalui lima buah universiti iaitu UIA, UKM, USIM, UUM dan UiTM.

Mengimbas kembali Indeks Syariah Malaysia ini yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Najib Tun Razak pada Perhimpunan Perdana Ulama Umara 2015 yang mengumumkan penubuhan panel Jawatankuasa Tadbir Urus Indeks Syariah Malaysia yang dipengerusikan oleh Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Abdul Shukor Husin dan beberapa orang tokoh terkenal termasuk juga Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi Dusuki.

■1710

Indeks ini diperkenalkan bagi memastikan masyarakat memahami tentang komitmen dan keseriusan kerajaan melaksanakan patuh syariah dalam dasar dan program yang dilaksanakan. *Maqasid syariah* merangkumi aspek utama pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Maka laporan Indeks Syariah Malaysia 2015 yang telah dibentangkan ini merupakan pelengkap KPI kepada kerajaan. Tahniah.

Sehubungan dengan itu, saya mendapat maklumat bahawa negeri Terengganu telah memohon kepada Perdana Menteri agar dipilih sebagai negeri perintis bagi melaksanakan Indeks Syariah Malaysia ini di Terengganu. Terengganu telah pun melaksanakan kebanyakan bidang yang melalui Indeks Syariah Malaysia ini. Tuanku akhirnya bertitah mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat supaya menyayangi negara ini. Menumpahkan taat setia yang tidak berbelah bagi mempertahankan dan melindungi negara kita ini. Tuanku berhasrat, sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat sepatutnya jujur dalam menjalankan tugas, tidak memburuk-burukkan negara sama ada di dalam mahupun di luar negara dan bersekongkol dengan musuh negara.

Apatah lagi cubaan untuk menumbangkan kerajaan melalui jalan belakang dan mencabuli sistem demokrasi negara ini. Kerakusan untuk mendapatkan kuasa dan berkuasa akhirnya bukan sahaja merosakkan kestabilan negara daripada segi ekonomi dan politik tetapi rakyat juga akhirnya akan menjadi mangsa. Semuanya rugi. Semua rakyat ini mestilah mensyukuri keamanan, kedamaian dan keharmonian negara ini yang membuka peluang kepada semua rakyat tanpa mengira bangsa, agama, etnik malah rakyat dari pelbagai negara mendapat manfaat daripada kemajuan negara kita ini.

Akhirnya, saya mengambil kesempatan ini menyeru semua umat Islam untuk bersatu dan menggenepikan perbezaan fahaman politik. Akan tetapi, sewajarnya mementingkan daripada segi akidah, ibadah, akhlak dan syariah Islamiah demi memartabatkan Islam dan bersama menyokong kepimpinan masa kini Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak untuk membawa negara sebagai sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, walaupun menghadapi pelbagai cabaran dalam dan luar negara. Namun, *inshaa Allah* dengan keikhlasan dan kejujuran dan iltizam serta sokongan kita semua, ia akan tercapai jua. Sekian terima kasih.

*Daun selasih, ikan puyu;
Terima kasih, thank you.*

Dengan ini saya mohon menyokong. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam.* Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin dan sekarang saya menjemput pula Yang Berhormat Senator Dato' Hoh Khai Mun. Sila.

5.13 ptg.

Dato' Hoh Khai Mun: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada hari ini. Saya dan rakyat sungguh bertuah kerana negara kita mempunyai seorang Raja berjiwa rakyat dan telah membangkitkan pelbagai aspek kehidupan dalam Titah Baginda.

Seterusnya, Seri Paduka Baginda dalam memberi amanat yang penting dan peringatan kepada semua Wakil Rakyat supaya terus melaksanakan pendekatan untuk membangunkan negara serta menjaga keamanan dan keharmonian rakyat jelata.

Sehubungan dengan itu, saya ingin membawa kepada perhatian Dewan yang mulia mengenai isu-isu pekerja asing di negara kita dan status *economic competitive advantage*, dengan izin, negara Malaysia berbanding ekonomi serantau.

Tuan Yang di-Pertua, kehadiran pekerja asing merupakan salah satu daripada isu yang paling kritikal yang dihadapi dalam pasaran buruh di Malaysia. Aliran masuk pekerja asing sejak tahun 2011 sehingga tahun 2015, dikatakan melebihi keperluan yang diperlukan. Berdasarkan kepada statistik daripada Kementerian Dalam Negeri, jumlah pekerja asing yang mempunyai pas lawatan kerja sementara yang masih sah dan aktif meningkat sebanyak 26.5 peratus iaitu daripada 1,573,061 orang pada tahun 2011 kepada 2,139,474 orang pada tahun 2015.

Penempatan pekerja asing kerap tertumpu kepada sektor pertanian, pembinaan dan pembuatan. Walaupun pergantungan kepada pekerja asing penting di Malaysia bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang berterusan, namun pengambilan pekerja asing seharusnya dikawal selia pada kadar yang berpatutan. Sebagai contoh, penempatan pekerja asing dalam sektor yang masih kekurangan tenaga kerja tempatan dengan kritikal seperti sektor pertanian, perladangan dan pembinaan. Keadaan sebaliknya telah berlaku di mana tumpuan pengambilan pekerja asing banyak tertumpu kepada sektor perkilangan dan pembuatan.

Satu lagi keadaan yang tidak sihat iaitu kebanyakannya pekerja asing yang tiba di Malaysia adalah tidak mahir. Ini telah menjejaskan produktiviti dan kualiti sektor tenaga buruh Malaysia. Bilangan pekerja asing yang terlalu banyak telah menyebabkan graduan tempatan menjauhkan diri daripada industri pembinaan dan perladangan kerana imej 3D iaitu kotor, sukar dan berbahaya yang telah lama dikaitkan dengan sektor seperti pembinaan dan perladangan serta pertanian.

Kemasukan pekerja asing telah menyebabkan pengaliran keluar mata wang negara pada kadar yang banyak pada setiap bulan. Ini tentu akan merugikan negara daripada segi tukaran wang asing dan menguntungkan negara asal pekerja asing ini. Menurut data daripada Kementerian Kewangan dan Kementerian Dalam Negeri, terdapat sebanyak RM347 juta telah dihantar ke negara asal oleh pekerja asing pada tahun 2015. Keadaan ini tentu membebankan kewangan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, menurut bank dunia pekerja asing memainkan peranan penting dalam pembangunan sesebuah negara. Negara Malaysia juga tidak terkecuali. Taraf pendidikan rakyat Malaysia yang semakin tinggi telah berjaya menghasilkan lebih ramai tenaga buruh tempatan yang berpendidikan dan kemahiran tinggi. Keadaan ini telah menyebabkan tenaga buruh tempatan menjauhi diri daripada sektor 3D dan bersaing dalam pasaran pekerjaan kolar putih. Ini telah menyebabkan permintaan semakin tinggi terhadap pekerja asing bagi mengisi pekerjaan tidak mahir dan sederhana mahir yang membentuk tiga per empat daripada sektor pekerjaan di Malaysia.

Faktor buruh juga merupakan penentuan kepada pengurangan kos penjualan atau input membantu mengembangkan keluaran dan eksport terutamanya pekerja tidak mahir akan meningkat dan memaksimum bilangan keuntungan pelaburan. Menurut model ekonomi yang dikaji oleh bank dunia, peningkatan 10 peratus pekerja asing yang berkemahiran rendah akan meningkatkan KDNK sempena sebanyak 1.1 peratus.

■1720

Oleh itu pengambilan pekerja asing yang tidak mahir bukanlah satu cara penyelesaian untuk jangka masa panjang. Ini adalah kerana levi permit polisi atau dasar akan berubah mengikut aliran perkembangan ekonomi semasa. Dengan itu, saya ingin mencadangkan agar pergantungan kepada tenaga buruh asing ditukar kepada penggunaan automasi terutama dalam sektor pembuatan dan perkilangan. Manakala dalam sektor pembinaan, kemasukan pekerja asing yang mempunyai kemahiran rendah dan sederhana mahir boleh mewujudkan persaingan sihat kepada tenaga Malaysia, pada masa yang sama mengisi jurang yang ada.

Dengan wujudnya persaingan baru di negara ini, pekerja tempatan yang berkemahiran sederhana akan bersaing dengan pekerja asing dan melatih diri di tahap pekerjaan baru yang lebih tinggi. Sebelum pekerja asing bekerja di Malaysia, mereka bekerja dalam persekitaran dan masyarakat yang berbeza daripada pekerja tempatan.

Persaingan yang sihat ini akan menggalakkan penukaran dan pembelajaran kemahiran baru serta berbeza di antara pekerja tempatan dengan pekerja asing.

Oleh itu, kerajaan seharusnya mengkaji semula dasar imigresen Kementerian Dalam Negeri agar selaras dengan strategi di bawah Kementerian Sumber Manusia dan bukannya mengutamakan keselamatan. Kerajaan juga perlulah membuat pertimbangan berasaskan kepada bukti sedia ada di Malaysia mengenai kekurangan tenaga buruh mengikut sektor ekonomi yang tertentu bagi mengenal pasti pekerjaan yang sebenarnya bagi pekerja asing.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu lambakan pendatang tanpa izin di Malaysia, masalah utama yang dihadapi oleh kerajaan ialah kesulitan untuk membanteras kemasukan pendatang asing tanpa izin (PATI) dan polis, tentera dan Jabatan Imigresen terpaksa bekerja keras untuk membanteras dan memberkas mereka. Mereka yang ditahan akan ditempatkan di kem tahanan sementara menunggu masa untuk dihantar pulang ke negara asal.

Kelewatan kedutaan asing untuk mengeluarkan dokumen perjalanan sementara kepada rakyatnya telah menyebabkan kos yang tinggi untuk menahan pendatang tanpa izin di negara kita. Hal ini menyebabkan banyak tenaga, wang dan masa kerajaan terbazir. Sebanyak RM1.169 juta sehari ditanggung oleh kerajaan untuk penahanan pendatang asing tanpa izin. Ini amat merugikan negara sekali gus menggugat kerancakan ekonomi di negara kita.

Penyakit-penyakit yang berbahaya juga akan merebak dengan meluas. Pekerja asing yang sah akan menjalani pemeriksaan kesihatan di hospital kerajaan. Akan tetapi pendatang asing tanpa izin tidak berbuat demikian kerana takut ditahan oleh pihak berkuasa. Kebanyakan PATI berasal dari kawasan yang mundur di negara asal. Jadi, kesihatan mereka kurang terjamin. Ada di antaranya yang mengidap AIDS, tibi, penyakit kelamin dan sebagainya. Bagi mengatasi masalah PATI, penguatkuasaan undang-undang haruslah diperketatkan. Kerajaan perlulah mengenakan hukuman yang berat ke atas majikan yang mengambil PATI sebagai pekerja mereka. Hukuman yang berat juga dikenakan kepada pekerja asing yang terlibat dalam kes jenayah.

Kebanyakan pekerja asing terdiri daripada pendatang haram yang menyusup masuk dengan menggunakan dokumen palsu. Jabatan Imigresen perlulah memperketatkan kawalan dan pengawasan dalam memantau kemasukan pekerja asing ke dalam negara kita. Perairan negara juga haruslah dikawal sepanjang masa untuk mengelakkan mereka menyusup melalui jalan laut. Kerajaan perlu mewujudkan sebuah jabatan khas untuk memantau pergerakan pekerja asing serta mengawasi tempoh tamat visa mereka.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang berhubung dengan kawal selia pelarian atau pemohon suaka di Malaysia. Dengan merujuk kepada soalan Parlimen bagi sesi yang lepas, bahawa kementerian yang terlibat masih dalam mempertimbangkan untuk merangkumi pelarian atau pemohon suaka yang mempunyai status *United Nations High Commissioner for Refugees*, dengan izin, dalam sektor tenaga buruh Malaysia. Oleh itu, soalan saya kepada kementerian yang terlibat ialah apakah hasil perbincangan sama ada peringkat Kabinet (yang berkepentingan) mengenai cadangan ini?

Persoalan ini ditimbulkan semula adalah kerana bilangan pelarian atau pemohon suaka yang berdaftar di bawah *person of concern* atau POC, dengan izin. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai pelarian atau *United Nations High Commissioner for Refugees* iaitu UNHCR, dengan izin, telah meningkat kepada 153,000 orang pada bulan September 2015 berbanding dengan bulan Januari 2015, kita hanya ada seramai 151,000 orang sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk menyerap pelarian atau pemohon suaka dalam sektor tenaga buruh perlu dipertimbangkan secara mendalam oleh kementerian. Penyerapan mereka secara khususnya akan mengurangkan kos tanggungan kerajaan serta dapat mengetahui penyakit berjangkit yang dibawa oleh pelarian dan pemohon suaka. Penyerapan pelarian dan pemohon suaka akan mengurangkan kerenah birokrasi...

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Mohon mencelah, Tuan Yang di-Pertua. Boleh? Terima kasih.

Saya mendengar dengan teliti hujah Yang Berhormat berhubung dengan pendatang tanpa izin ini dan saya berasa bimbang sekali kerana banyak sangat pendatang PATI yang datang tanpa izin ini. Sekarang ini teknologi yang ada di Malaysia ini Tuan Yang di-Pertua dan di dunia agak canggih. Kereta saya kalau bateri dicabut di PJ, sekarang ini saya tahu kereta saya ada di PJ.

Kalau *driver* saya pada masa sekarang ini sepatutnya tunggu di luar, sekarang ini contoh, dia pergi *dating* di Segambut, saya tahu melalui telefon, saya tahu. Kenapa tidak teknologi ini dibawa dan kita *implement* kan kepada pendatang-pendatang haram ataupun bila dia masuk sahaja, kita *tag* dia pakai jam atau sebagainya. Bukan cocok di dalam badannya tetapi pakai jam. Saya tahu *human rights* menentang kerana hak asasi manusia ini tak perlu dikongkong sampai begitu.

Akan tetapi apa kata kalau kita cadangkan kepada kementerian supaya di antara pukul 8 sehingga 5 petang, semasa dia bekerja dia kena pakai. Jadi kita tahu dia ada di mana, kerja di mana dan kita boleh *trace* dia. Ini pandangan saya. Apakah pandangan Yang Berhormat berhubung dengan cadangan ini? Terima kasih.

Dato' Hoh Khai Mun: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa cadangan daripada Yang Berhormat Senator tadi dan saya rasa kita kena meneliti cadangan yang sedemikian untuk memastikan keberkesanan dan bagaimana kita untuk mengatasi isu pendatang asing yang tanpa izin ke negara kita. So, nampaknya angka-angka tadi yang saya sebutkan memang menakutkan kita.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi kah?

Dato' Hoh Khai Mun: Sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Dalam satu minit.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Dato' Hoh Khai Mun: Terima kasih dan saya akan meneruskan dengan ucapan saya. Penyerapan pelarian dan pemohon suaka akan mengurangkan kerenah birokrasi berbanding mengimport pekerja asing secara langsung daripada negara lain. Kerajaan juga boleh mengenakan cukai pendapatan ke atas pelarian atau pemohon suaka yang bekerja di Malaysia. Pelarian dan pemohon suaka yang telah lama tinggal di Malaysia akan lebih memahami budaya dan amalan tempatan.

Ini akan memberi kelebihan kepada pihak majikan di Malaysia kerana majikan tidak perlu lagi memberi latihan asas kepada mereka dan mereka cuma hanya menumpukan untuk memberi sedikit kursus sahaja. Dengan kata-kata ini saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Hoh Khai Mun. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 21 April 2016. Terima kasih.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.31 petang.]